

Jilid II
Bil. 45



Hari Khamis
10hb November, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7797]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 7847]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 7847]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 7924]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB. D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).

- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P.
(Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Than.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 10hb November, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 1 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).

TURNKEY PROJECT—
PELAKSANAAN

2. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar polisi "turnkey projek" itu merupakan sebab utama ke arah keruntuhan binaan ekonomi bumiputera dan pelaksanaan dasar tersebut tidak membuahkan asas yang kukuh terhadap pembinaan ekonomi bumiputera dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan buruk ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sistem siapguna bukanlah satu dasar tetapi merupakan salah satu pendekatan dalam pelaksanaan projek. Ianya digunakan secara terpilih bagi projek-projek yang rumit, memerlukan teknologi tinggi dan perlu disiapkan dalam tempoh

segera. Oleh kerana itu, bilangan projek yang dilaksanakan di bawah sistem ini adalah kecil sekali. Pelaksanaannya tidak sekali-kali menggugat peluang bumiputera dalam industri binaan, khususnya projek-projek awam. Penyertaan bumiputera adalah terjamin. Setiap kontrak siapguna tanpa mengira sama ada di laksanakan oleh pemborong luar negeri atau tempatan, mensyaratkan supaya 30% daripada nilai projek dikhaskan untuk pemborong bumiputera. Di samping itu kontrak siapguna juga mempunyai peruntukan untuk pemindahan teknologi dalam pelbagai bidang seperti bidang kontrak kerja, pengurusan, perkhidmatan dan pembekalan. Peruntukan ini bertujuan untuk menyiapkan pemborong dan profesional tempatan dengan pengetahuan dan kemahiran baru dan maju, dan kesempatan ini merupakan pendedahan yang baik terutama untuk kaum bumiputera.

Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Dalam Projek Siapguna ditubuhkan untuk memastikan pemborong mematuhi peruntukan penyertaan bumiputera dalam setiap kontrak. Sehingga kini didapati pemborong bumiputera telah mendapat bahagian yang saksama dan Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam projek-projek yang serupa di mana mereka mempunyai kemahiran dan kemampuan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu bidang yang mana turnkey project

telah digunakan ialah dengan projek Syarikat Telekom yang mana 4 buah syarikat besar telah dipilih. Maka soalan saya ialah apakah kriteria telah digunakan oleh pihak Kerajaan untuk memilih kontraktor turnkey itu, walaupun mereka semua syarikat bumiputera, apakah kriteria ditentukan berdasarkan kepada prestasi yang ada ataupun ke atas prinsip apa-apa sahaja ataupun memilih kasih sahaja. Minta penjelasan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai sistem-sistem tertentu dan biasanya projek yang dilaksanakan secara turnkey terlebih dahulu mestilah dirujuk kepada Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Secara Turnkey (JPPST), Jawatankuasa yang berurusetia di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) di Jabatan Perdana Menteri.

Biasanya rujukan sesuatu penentuan JPPST antara lain ialah untuk memastikan setiap permohonan yang dikemukakan oleh agensi-agensi pelaksanaan untuk melaksanakan projek-projek secara turnkey, iaitu bagi yang hendak menjalankan kerja-kerja secara turnkey itu memenuhi syarat-syarat seperti boleh disiapkan dalam tempoh yang singkat dan juga peruntukan untuk projek itu ada kemampuan, juga mempunyai kemudahan-kemudahan lain dan juga kemahiran lain dan tidak sekali-kali Kerajaan mengamalkan sikap pilih kasih.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya, sejak wujudnya projek turnkey ini ataupun siapguna ini, berapa jumlah projek-projek yang telah dimulakan, itu satu.

Kedua, dari projek-projek yang tersebut berapa yang telah berjaya dan berapa yang tidak berjaya ataupun gagal.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sejak projek turnkey ini diamalkan oleh Kerajaan, ada lebih kurang 16 projek yang telah diusahakan secara turnkey dan biasanya salah satu daripada syaratnya ialah mesti dilaksanakan mengikut kadar masa dan mestilah mempunyai keupayaan. Jadi, bagi mana-mana kontrak yang menjalankan projek turnkey mesti mencapai satu pencapaian atau prestasi yang tinggi. Jadi, daripada jumlah yang menjalankan projek turnkey, ini 50% daripadanya adalah merupakan syarikat kaum bumiputera yang mempunyai sekurang-kurangnya 50% ekuiti di dalam syarikat itu.

KELAS AGAMA DI KEM TAHANAN KAMUNTING

3. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adalah kelas agama di Kem Perlindungan Kamunting mempunyai silibus yang tetap dan sila nyatakan apakah perkara-perkara yang diajarkan kepada orang tahanan berkenaan;
- (b) adakah kelas itu diwajibkan atau terpulang kepada sikap orang tahanan itu sendiri; dan
- (c) mengapa orang tahanan dikenakan berikrar Rukunegara tiap-tiap minggu dan adakah ia sebahagian dari perkara yang diajarkan oleh kelas agama itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kelas agama yang diajarkan kepada orang-orang tahanan di

Kem Tahanan Kamunting adalah mengikut silibus yang telah ditetapkan. Perkara-perkara yang diajarkan termasuklah ilmu-ilmu Tauhid, Fiqah, Tassauf dan Akhlak.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kelas-kelas agama ini tidaklah diwajibkan, sebaliknya terpulang kepada kerelaan orang-orang tahanan berkenaan untuk mengikutinya ataupun tidak.
- (c) Orang-orang tahanan dikehendaki membaca ikrar Rukunegara setiap minggu untuk menanamkan kesedaran dan semangat cinta dan taat setia kepada Tuhan, Raja, Perlembagaan serta Negara amnya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pembacaan ikrar Rukunegara adalah merupakan salah satu daripada program pemulihan dan bukannya sebahagian daripada perkara yang diajarkan di dalam kelas agama tersebut. Kehadiran orang-orang tahanan tidak diwajibkan dan terpulanglah kepada kehendak masing-masing.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sebagai sebahagian program untuk memulihkan sitahan-sitahan di dalam Kem Tahanan Perlindungan, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mengajar sitahan-sitahan itu menyanyi lagu Setia dan untuk menganjurkan juga "Mini SEMARAK" untuk mereka. *(Ketawa)*

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini tidak perlu, kalau perlu kita akan pertimbangkan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bilakah

kelas ini diwujudkan untuk matapelajaran orang-orang tahanan dan kalau kelas ini bebas ikut kehendak orang-orang tahanan, apakah tujuan dan matlamat kelas ini diwujudkan? Adakah pihak Kementerian sedar orang-orang tahanan itu ada jenis-jenis guru yang sudah cukup kebolehan dan bagaimanakah dengan silibus yang telah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berapa soalan, Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Satu. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah empat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang kedua, saya ingin tahu apakah perlunya Rukunegara diajar kepada orang-orang tahanan di dalam tahanan itu dan bagaimanakah perasaan Kerajaan sekiranya Rukunegara itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ringkaskan apa soalnya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya akan soallah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak tahu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya ingin tahu apakah perasaan Kerajaan kalaulah Rukunegara itu diajarkan kepada pemimpin-pemimpin politik?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan itu sahaja?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang lain tidak payahlah, itu sahaja. *(Ketawa)*

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat biarlah saya jawab semuanya (*Ketawa*). Kelas-kelas agama ini diwujudkan sejak didapati ada orang Islam yang terpaksa menjadi penghuni di Kem Tahanan Kamunting ini dan silibus ini kita akan kaji dari masa ke semasa mengikut keperluan semasa.

Apakah perlu kelas-kelas agama ini kerana didapati ada, memang benarlah ada tokoh-tokoh agama di dalamnya, tetapi ilmu tidak membataskan walau orang itu ada berilmu atau tidak. Kadang-kadang apa yang kita pelajari dahulu tidak sama dengan apa yang kita pelajari hari ini dan dikatakan bahawa kalau tidak ada paksaan buat apa kelas agama, di kampung-kampung tidak ada juga paksaan tetapi kita adakan kelas-kelas agama di surau-surau, orang hendak datang—datanglah, tidak datang—tidak datanglah.

Tentang apakah perlu Rukunegara diajarkan, yang sebenarnya Rukunegara ini diajarkan di seluruh negara walau rakyat dalam tahanan ataupun tidak dalam tahanan. Di sekolah-sekolah kita ajar, termasuk guru-guru yang sudah pandai-pandai pun sentiasalah akan menghafal Rukunegara termasuklah orang-orang politik macam Yang Berhormat dan juga macam saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Chua Jui Meng tidak hadir).

MURID-MURID KE CHINA MELANJUTKAN PELAJARAN

5. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang diambil sejak

pengumuman oleh Timbalan Menteri Pendidikan bahawa Kerajaan akan menghantar murid-murid ke negeri China untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan masih lagi mengkaji dan mengenalpasti bidang-bidang sains dan teknologi China yang dianggap sesuai untuk negara kita dan boleh didapati melalui pertukaran maklumat atau penyelidikan bersama di antara universiti-universiti tempatan dengan universiti-universiti tertentu di negeri China. Dicadangkan bahawa bidang pengajian ini dilakukan di peringkat lepasan ijazah sahaja.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa orang Malaysia keturunan Cina yang melawat China kembali ke tanahair dengan perasaan cinta kepada negara yang lebih kuat kerana mereka mendapati bahawa orang Cina di Malaysia bernasib lebih baik daripada orang Cina di China (*Tepuk*), dan sekiranya Yang Berhormat sedar, sama ada Kementerian Pendidikan akan menimbang membenarkan rombongan-rombongan mahasiswa berbilang bangsa untuk membuat lawatan sambil belajar ke negeri China.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sepenuhnya (*Ketawa*) cadangan dan hasrat dari Yang Berhormat tadi. Kementerian Pendidikan masih mengkaji sama ada kita akan membuat rombongan ke China tetapi saya hendak memberi makluman bahawa kita sudah membuat satu rombongan dengan 2 orang ahli pergi ke China baru-baru ini dan mereka sudah balik dan sama ada kita buat rombongan

yang besar-besar pergi ke China, itu kita mesti mendapat kebenaran dari Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu setakat ini sama ada Kerajaan telah berbincang dengan pihak China supaya rancangan ini boleh dijalankan. Kalau ada, apakah hasilnya?

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dasar untuk menghantar murid-murid ke negeri China ini akan bercanggah dengan dasar Kerajaan kerana Kerajaan sangat takut komunis, sama ada ini akan bercanggah dengan dasar Kerajaan. Kalau ada, apakah ini hanya cakap sahaja?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bimbang bahawa ini akan bercanggah dengan dasar kita di negara ini. Saya pun rasa semua rakyat di negara kita tidak akan bimbang sebab kita mengamalkan politik mengikut demokrasi. Hanya saya fikir parti-parti Pembangkang sahaja yang bimbang perkara ini sebab mereka tidak mengamalkan demokrasi sebetul-betulnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan sama ada satu keputusan sudah ditetapkan atau belum, saya minta Yang Berhormat sabar sedikit sebab ini sekarang masih dalam perbincangan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

Tuan Chian Heng Kai: Oleh kerana saya tanya sama ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu sudah dijawab.

Tuan Chian Heng Kai: Tidak dijawab. Sama ada ada berbincang

dengan pihak China atau belum. Kalau ada, apakah hasilnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itulah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat minta 3 atau 4 soalan, itulah masalahnya.

Tuan Chian Heng Kai: Itu dia belum jawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat hadkan kepada satu soalan.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Tuan Chian Heng Kai: Tidak ada jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat.

PENGEDAR BUMIPUTERA— LANTIKAN

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai sehingga sekarang dalam penyertaan bumiputera di bidang pengedaran barang-barang perkilangan, perkhidmatan dan perdagangan selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan menyatakan bilangan pengedar bumiputera dan peratusnya bagi:

motokar,
motosikal,
alat ganti,
tayar,
pam minyak (termasuk
PETRONAS),
minyak diesel,
susu,
gula,
simen,
besi dan
barang elektrik.

Dan nyatakan apakah langkah yang akan diambil bagi meningkat dan mempercepat lagi matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengawasi secara langsung perlantikan pengedar-pengedar bumiputera bagi 27 jenis barangan. Sebelas jenis barangan yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah termasuk di dalam 27 jenis barangan itu.

Penyertaan bumiputera dalam bidang pengedaran barangan keluaran perkilangan belum mencapai tahap sekurang-kurangnya 30% mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Bagaimanapun bilangan pengedar bumiputera semakin meningkat ke arah mencapai matlamat itu. Pada tahun 1984, pengedar-pengedar bumiputera berjumlah kira-kira 2,631 atau 16.8% dari jumlah keseluruhan pengedar yang dilantik oleh syarikat-syarikat utama yang berkenaan. Pada tahun 1987 jumlah tersebut telah meningkat kepada 3,327 atau kira-kira 19.8% dari jumlah keseluruhan pengedar-pengedar yang dilantik.

Walau bagaimanapun, tidak kesemua 11 jenis barangan yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat menunjukkan trend perkembangan yang disebutkan itu. Bilangan pengedar bumiputera dan peratusnya bagi 11 jenis barang yang ditanyakan bagi tahun 1987 berbanding dengan tahun 1984 adalah seperti berikut.

<i>Barangan</i>	<i>Bilangan (Peratus) 1987</i>	<i>Bilangan (Peratus) 1984</i>
Pam Minyak	642 (39%)	362 (25.6%)
Susu	79 (17.8%)	79 (12.8%)
Gula	18 (22.5%)	13 (20.3%)
Barang Elektrik	707 (14.4%)	435 (10.2%)
Alat Ganti Kenderaan	15 (4%)	40 (3.6%)

<i>Barangan</i>	<i>Bilangan (Peratus) 1987</i>	<i>Bilangan (Peratus) 1984</i>
Simen	64 (45.7%)	50 (54.9%)
Tayar	78 (5.5%)	76 (10.2%)
Pemborong Minyak Diesel	155 (18.8%)	142 (22.8%)
Motokar	154 (30.6%)	186 (41.1%)
Motosikal	36 (8.7%)	99 (10.2%)
Besi	32 (28.6%)	83 (41.7%)

Bagi bidang perkhidmatan, pencapaian syarikat-syarikat perkhidmatan bumiputera adalah lebih baik. Pada tahun 1985 bilangan dari jenis perkhidmatan yang diberi oleh syarikat perkhidmatan bumiputera ialah 448 atau kira-kira 29.9% dari jumlah peluang perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat utama di bawah pengawasan secara langsung Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pada tahun 1987, jumlah tersebut meningkat kepada 751 atau kira-kira 34.9% dari jumlah keseluruhan peluang perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat utama.

Bagi meningkat lagi penyertaan bumiputera dalam bidang pengedaran dan perkhidmatan dan perdagangan ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) menambah peluang-peluang pengedaran dan perkhidmatan menerusi kerjasama pihak syarikat-syarikat utama. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga dari semasa ke semasa membuat kajian-kajian bagi mengenalpasti peluang-peluang pengedaran yang baru yang sesuai untuk diambil bahagian oleh pengedar bumiputera.
- (b) menarik lebih ramai pengedar-pengedar bumiputera yang baru dan menggalakkan pengambilan peluang-peluang yang ada melalui aktiviti pihak Kementerian menyebarkan

peluang-peluang pengedaran menerusi pelbagai agensi Kerajaan dan swasta sama ada di peringkat Persekutuan mahupun Negeri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga sentiasa mengadakan perjumpaan dengan pengedar dan bakal pengedar bagi tujuan ini dan juga bagi membincangkan masalah yang berkaitan;

- (c) memastikan syarikat-syarikat pengedar dan perkhidmatan bumiputera meningkatkan lagi kecekapan pengurusan masing-masing menerusi usaha-usaha pihak Kementerian melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara bagi mengadakan kursus-kursus pengurusan perniagaan jangka pendek dan panjang. Bagi tujuan yang sama, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga mengadakan perbincangan, seminar dan dialog di peringkat Persekutuan mahupun Negeri dan mengadakan khidmat nasihat.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan, Tuan Speaker. Adakah ini ucapan atau jawapan, terlalu panjang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sabar, dia ikut juga.

Tuan Hu Sepang: Ya, terima kasih.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kerjaraya hari itu menyampaikan satu jawapan yang lebih panjang. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itulah dia kata, duduk Yang Berhormat!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Kita tiada dialog sekarang.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Berlawanan di antara Menteri Kerjaraya dengan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sila!

Tuan M. G. Pandithan: Ini disediakan oleh pegawai. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga bekerjasama dengan agensi-agensi seperti MARA, MEDEC (Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia), ITM dan agensi-agensi berkepentingan bumiputera yang lain untuk bertukar maklumat dan mengadakan aktiviti-aktiviti bersama ke arah mempertingkatkan kecekapan pengedar-pengedar bumiputera.

Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi disebut bahawa dalam soal asal ada 11 jenis barangan sahaja, tetapi beliau menyebut ada 27 jenis barangan. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan 27 jenis barangan itu untuk pengetahuan kami semua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta notis!

Tuan M. G. Pandithan: Ada di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Panjang sangat.

Tuan M. G. Pandithan: Tidak, 27 sahaja. *(Ketawa)*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

Barangan	Bilangan (Peratus)	Bilangan (Peratus)
	1987	1984
Motokar	30.6%	41.7%
Motosikal	8.7% . . .	

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kalau boleh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, biar dia jawab.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Ya, tidak mengapalah kalau boleh, sebut sahaja yang baki 16 itu. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Sebab kalau disebut 11 itu jadi berulang.

Tuan M. G. Pandithan: Sekali senanglah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jimatkan masa.

Tuan M. G. Pandithan: Senang sekali, kalau tidak payah, tarik balik soalan itulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa lebih baik diberi secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan M. G. Pandithan: Okay.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menunjukkan bahawa tidak sampai 30% lebih kepada bumiputera peruntukan yang diberi, tidakkah ada usaha untuk meningkatkan sampai

lebih 30% bagi tiap-tiap unit, tiap-tiap perkara yang disebutkan tadi sehingga sampai mungkin 70%, kenapa tidak sampai 30% ke atas?

Yang keduanya, saya mohon Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau dapat menyenaraikan peratus-peratus peruntukan bagi barang-barang yang disebutkan, berasaskan kepada negeri-negeri, untuk Sarawak berapa, Sabah berapa dan sebagainya, Semenanjung berapa dan sebagainya, supaya jelas kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah Yang Berhormat, yang kedua itu boleh dijawab secara bertulis.

Tuan M. G. Pandithan: Saya minta notis bagi soalan kedua.

Soalan nombor satu itu 30% adalah Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan berusaha dengan gigih untuk mencapai 30% matlamat itu dan kita dengan Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA, MEDEC, ITM dan juga agensi-agensi kepentingan bumiputera membantu bumiputera untuk mencapai 30% itu. Walaupun kita menghadapi pelbagai masalah untuk mencapai matlamat itu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk mencapai 30% baru, kemudian akan meningkatkan.

FELDA—PENEROKA-PENEROKA

7. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan sedar peneroka-peneroka FELDA di dalam kegelisahan yang mereka dipaksa menerima sistem saham dari gerangan persendirian sebagaimana dijanjikan oleh Kerajaan semasa mereka diambil sebagai peneroka.

Bagaimanakah Kerajaan menyelesaikan masalah ini dan dapatkah peneroka-peneroka membuat pilihan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peneroka-peneroka FELDA tidak pernah dipaksa menerima sistem saham. Setiap tawaran yang dibuat selepas tahun 1985 semuanya dicop dengan perkataan saham yang menunjukkan bahawa mereka dimasukkan dalam rancangan-rancangan di bawah sistem tersebut. Mereka juga diminta menyatakan sama ada bersetuju ataupun menolak tawaran tersebut. Namun demikian, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya rancangan-rancangan FELDA yang melaksanakan sistem saham telah ditukarkan kepada sistem hakmilik individu. Oleh itu, persoalan ini tidak berbangkit lagi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Kita ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan sepertimana disebut Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan semula sistem hak milik individu ini sepertimana yang disebutkan tadi.

Saya ingin tahu berapa lamakah masa yang diperlukan untuk menentukan kesemua peneroka-peneroka FELDA yang sekarang ini mengamalkan sistem saham mendapat hakmilik ataupun geran tanah individu mereka itu.

Dan yang kedua, jika sekiranya mereka ini diberi geran tanah individu, adakah Kerajaan boleh memberi jaminan bahawa mereka boleh memajukan tanah-tanah tersebut ke institusi-institusi kewangan untuk tujuan tertentu dan apakah tindakan yang akan dikenakan

jika sekiranya peneroka-peneroka memajukan tanah tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pemberian hakmilik diberikan kepada peneroka-peneroka dari satu masa ke satu masa mengikut tempoh mereka menyelesaikan bayaran kembali ataupun kos pembangunan yang dikenakan kepada mereka itu. Dan sebagai garis panduan tempoh untuk seseorang peneroka menyelesaikan hakmilik itu ialah selama 15 tahun. Selepas itu barulah urusan untuk mengeluarkan hakmilik ini dibuat dan disempurnakan.

Yang keduanya memang diberikan kelonggaran, bukan kebebasan, tetapi kelonggaran kepada peneroka yang ingin memajukan tanah-tanah ini untuk sesuatu kegiatan yang khusus. Cuma yang kita tidak galakkan ialah mereka itu membuatnya dengan tidak ada pengetahuan pihak pentadbiran FELDA. Jadi untuk kegiatan-kegiatan yang khusus sahaja kelonggaran itu boleh diberikan selepas diuruskan bersama-sama dengan FELDA.

Dan tentang perkara yang ketiga, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan supaya hak milik yang diberikan kepada peneroka-peneroka itu dapat dimiliki oleh mereka selama-lamanya dan kita akan mengadakan aturan dan peraturan yang khusus bagi melindungi kepentingan-kepentingan peneroka itu.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di Negeri Sembilan, FELDA Palong 9 termasuk Palong 10, Palong 11, Palong 12 dan Palong 13, peneroka-peneroka di sana dipaksa menyertai skim FELDA melalui sistem saham dan untuk Palong 4 hingga Palong 8 mereka adalah melalui cara block system.

Memang saya mengalu-alukan langkah Kerajaan yang baru-baru ini mengambil tindakan memansuhkan sistem saham ini yang telah menimbulkan banyak perasaan tidak puas hati antara peneroka. Jadi, soalan tambahan saya ialah bagaimana dengan block system itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya telah kata tadi, kita tidak pernah paksa peneroka-peneroka menerima sistem saham, saya tidak bercadang hendak menghuraikan dengan lebih lanjut. Dan sebenarnya, pertukaran yang dibuat oleh Kerajaan ini meliputi semua sistem yang ada iaitu termasuklah sistem block yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rasah sebentar tadi.

LEBUHRAYA SEMATAN-MIRI— PERUNTUKAN

8. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dalam RML dan berapakah dari jumlah itu sudah dibelanjakan setakat ini;
- (b) bilakah Lebuhraya Sematan-Miri hendak dilaksanakan dan berapakah peruntukannya;
- (c) bilakah Kerajaan hendak meninggikan taraf jalan Tebedu dengan Sempadan/Kalimantan Indonesia, termasuk membuat jambatan yang sempurna di Sungai Tebedu; dan
- (d) bilakah jalan-jalan berikut siap: Jalan Kota Samarahan/Simunjan, Jalan Sebuya/Sebangan/Simunjan; dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Di bawah Kementerian Kerjaraya sahaja, Negeri Sarawak telah diperuntukkan sejumlah \$537.3 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan sehingga September 1988 sejumlah \$324 juta telah dibelanjakan.
- (b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa bahagian Lebuhraya Sematan-Miri telahpun dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Memandangkan peruntukan pembangunan adalah terhad, Kerajaan telah melaksanakan projek Lebuhraya Sematan-Miri tersebut secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelaksanaan Lebuhraya Sematan-Miri telah dibahagikan kepada empat package seperti berikut:
 - (i) Pembinaan jalan besar dari Miri ke Bintulu sepanjang 217 kilometer telah pun 62% siap ditarkan atau kira-kira 135 kilometer. Peruntukan sejumlah \$95 juta disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan projek sedang dilaksanakan pada masa ini.
 - (ii) Jalan Bintulu ke Sibupula, kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan adalah secara kontrak oleh JKR sendiri. Sepanjang 79 kilometer jalan ini telah pun ditarkan atau

**ANAK-ANAK PENEROKA FELDA/
FELCRA TINGGAL DI
LUAR RANCANGAN**

10. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan seramai beberapa banyak kanak-kanak peneroka FELDA dan FELCRA ataupun Rancangan Tanah yang lain yang telah meninggalkan tanah peneroka ibubapa mereka dan sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kehilangan generasi kedua dan ketiga daripada skim-skim tanah ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, mengikut banciaan yang dibuat ada 90,341 anak-anak peneroka atau 22% dari jumlah keseluruhan anak peneroka tidak tinggal bersama keluarga di rancangan-rancangan. Adalah di antara mereka ini yang menuntut di sekolah-sekolah dan pusat pengajian di bandar, ada yang di bawah tanggungan saudaramara dan tinggal di kampung-kampung asal mereka dan ada yang bekerja di bandar-bandar dan di tempat-tempat yang lain. Kementerian ini tidaklah menentukan dasar bahawa semua anak-anak peneroka dikehendaki tinggal bersama-sama keluarga mereka di rancangan. Walau bagaimanapun, tiap-tiap peneroka hendaklah memastikan bahawa seorang daripada anak-anak mereka terus tinggal di rancangan untuk meneruskan usaha-usaha pembangunan rancangan.

Dalam usaha menggalakkan anak-anak peneroka tinggal di rancangan antara langkah-langkah utama yang dibuat termasuklah mengadakan program-program pengganti kerja peneroka yang bertujuan melantik tanggungan peneroka menjalankan kerja-kerja ladang dan kemasayarakatan di rancangan, mempergiatkan aktiviti-aktiviti persatuan belia di rancangan yang

melibatkan bidang ekonomi, pelajaran, sosial dan kebudayaan dan memberikan keutamaan kepada anak-anak peneroka untuk menjadi peneroka.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah taraf hidup anak-anak peneroka jika dibandingkan dengan dahulu dan sekarang dan peluang-peluang kerja yang terdapat di rancangan-rancangan tersebut itu?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka-angka dan penelitian yang kita buat di peringkat Kementerian dan FELDA sudah mulai ramai kalangan anak-anak peneroka ini yang sudah mendapat pendidikan yang tinggi bukan sahaja di dalam negara ini tetapi juga di luar negeri dan ini telah membolehkan mereka itu untuk mengambil bahagian di pelbagai kegiatan ekonomi khususnya di dalam kegiatan-kegiatan yang dibuat menerusi FELDA. Selain daripada itu menerusi kursus-kursus latihan yang diadakan di dalam FELDA sendiri dan yang diselaraskan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain sudah ramai di antara anak-anak peneroka ini memiliki berbagai bidang kemahiran tertentu.

Sebagai contoh setakat ini FELDA telah pun melatih lebih daripada 12,000 orang anak-anak peneroka, yang terdiri daripada belia-belia, yang memiliki berbagai sijil dan lebih daripada 50% daripada anak-anak peneroka itu telah pun mendapat pekerjaan, terutama sekali di dalam kegiatan hiliran yang dibuat oleh FELDA dari satu masa ke satu masa.

Jadi, begitu juga di bidang pertanian itu sendiri, ada di antara anak-anak peneroka itu telah digerakkan dan didorong untuk mengambil bahagian

dalam berbagai kegiatan dan mengikut angka-angka yang ada pada kita adalah menunjukkan mereka itu mampu menunjukkan satu keupayaan bagi mencapai satu tahap pendapatan yang memberansangkan. Jadi, dari sini, Tuan Yang di-Pertua, jelaslah kepada kita bahawa anak-anak peneroka sudah mula menunjukkan pencapaian yang amat menggalakkan dan memberansangkan.

RUMAH BAGI JURURAWAT DI SABAH

11. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada cadangan untuk menambah pembinaan rumah/bangunan bagi mengatasi masalah tempat tinggal jururawat-jururawat dan para kakitangan Jabatan Kesihatan tempatan yang terpaksa berkongsi tinggal 4 orang ataupun lebih dalam sebuah bilik khasnya di Rumah Sakit Besar Duchess of Kent, Sandakan dan Beluran serta di seluruh Negeri Sabah amnya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk menyediakan serta menambahkan lagi kuarters bagi para kakitangan jabatan di negeri Sabah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, kuarters tambahan akan disediakan bagi kakitangan kesihatan di daerah-daerah Papar, Tuaran, Ranau, Beluran, Lahad Datu, Semporna, Keningau, Tambunan, Tenom dan Beaufort.

Bagi Hospital Besar Sandakan pulanya, sebuah projek untuk membina 6 buah rumah Division I, 8 buah rumah Division II dan 24 buah rumah Division IV telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima, tetapi malangnya pembinaannya terpaksa ditangguhkan kerana peruntukan pembangunan yang terhad.

Bagi Hospital Daerah Beluran pula, sebuah projek membina 2 buah rumah kediaman Division III telah diluluskan dan mendapat peruntukan untuk disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini juga. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada awal 1989 dan dijangka akan siap pada awal 1990.

Tuan Taiman bin Lumaing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Kementerian Kesihatan ada mempunyai cadangan untuk mendirikan quarters bagi kakitangan Jabatan Perubatan. Saya ingin bertanya adakah Kementerian Kesihatan bercadang menambah bilangan kelinik desa di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai hospital, terutama di kawasan pilihanraya saya iaitu Pensiangan, Kinabatangan, Sipitang, Kuala Penyu dan Kunak.

Kedua, adakah cadangan Kementerian Kesihatan untuk memberikan peruntukan tetap pada tiap-tiap tahun untuk menambahkan kadar Perkhidmatan Doktor Udara Yayasan Sabah?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan itu sangat terkeluar daripada soalan yang asal.

SENJATAPI YANG DIRAMPAS DI SABAH

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kuantiti senjatapi yang dirampas/dijumpai oleh pihak berkuasa di Sabah untuk tempoh tiga tahun yang lalu dan bagaimanakah ini mengancam keselamatan Negeri Sabah, dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan keselamatan Negeri Sabah terpelihara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah senjatapi yang dirampas atau dijumpai oleh pihak berkuasa di Sabah untuk tempoh tiga tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun:</i>	<i>Jumlah senjatapi dirampas:</i>
1985	27
1986	80
1987	14
Jumlah ..	<u>121 pucuk</u>

Berasaskan kepada perangkaan di atas menunjukkan bahawa ancaman ke atas negeri Sabah tidaklah begitu serius di mana jumlah senjatapi yang dirampas dan dijumpai telah jauh berkurangan, misalnya dalam tahun 1986 jumlahnya ialah 80 pucuk telah menurun kepada 14 pucuk dalam tahun 1987.

Keadaan ini membuktikan bahawa pihak Kerajaan telah melipatgandakan usaha bagi mengatasi masalah ini, khususnya di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, antara langkah-langkah yang diambil bagi memelihara dan mengekalkan keselamatan di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) memperhebatkan rondaan pasukan keselamatan di kawasan-kawasan yang selalu menjadi tumpuan penjenayah terutamanya di kawasan-kawasan pantai dan persisiran Sabah;
- (ii) membuat pemeriksaan rapi ke atas bot-bót termasuk bot-bot nelayan di perairan negeri Sabah oleh pihak berkuasa; dan

(iii) mengadakan operasi dari masa ke semasa, misalnya "Operasi Bersih" oleh pihak polis, termasuklah membuat pemeriksaan dari rumah ke rumah, mengadakan sekatan jalanraya, pemeriksaan terhadap kenderaan dan juga orang-orang perseorangan. Tindakan ini bukan sahaja untuk mencegah penyeludupan senjatapi tetapi juga untuk membanteras kejadian-kejadian jenayah serta kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan di negeri Sabah khususnya dan keselamatan negara kita keseluruhannya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, daripada 121 pucuk senjatapi yang dirampas selama tiga tahun iaitu apakah jenis senjatapi itu dan daripada negara mana?

Soalan yang kedua, apakah bentuk latarbelakang mereka yang memiliki senjatapi yang dirampas, sama ada mereka itu samseng, perompak ataupun komunis ataupun apakah latarbelakang mereka yang terbabit dengan pemilikan senjatapi itu? Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, lebih baik saya sebutkan senarainya seperti berikut:

	1985	1986	1987
Shotgun	6	14	2
Bakakok	15	30	—
Airgun	2	—	—
SMG	—	2	—
Rocket	—	3	—
M16	—	3	—
Carbine	—	4	—
MPS	—	2	—
Air Rifle	—	1	—
PLS	—	17	10
PIS	—	—	2

Inilah jenis-jenis senjatapi berkenaan dan kebanyakan senjatapi itu telah diseludupkan ke Sabah daripada negara-negara jiran dan latarbelakang mereka itu adalah merupakan perompak-perompak yang mencari mangsa terhadap penangkap-penangkap ikan, pekebun-pekebun dan juga wang-wang gaji pekerja-pekerja ladang dan juga perumahan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dari manakah senjatapi-senjatapi yang tersebut tadi datang, sama ada dari Filipina, Indonesia ataupun negara yang lain dan adakah ini kumpulan orang-orang Filipina yang ditempatkan di Kem Kemunting itu digolongkan di dalam golongan yang menyeludupkan senjatapi-senjatapi seperti itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu, dapat saya nyatakan bahawa penjenayah-penjenayah yang membawa senjatapi ke Sabah itu datang dari negara-negara jiran kita. Jadi, saya tidaklah dapat menentukan negara manakah, tetapi datang daripada negara-negara jiran kita.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar atau tidak Kementerian telah memotong bantuan-bantuan bulanan yang telah diberi kepada orang-orang miskin. Kalau benar apakah sebabnya.

Kedua, berapakah kadar bantuan yang diberi kepada orang miskin di masa sekarang.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan pertama itu, saya tidak ada angka atau pengetahuan di mana bantuan kepada seseorang itu telah diberhentikan. Tetapi memang ada. Pada umumnya, Tuan Yang di-Pertua, bantuan wang tunai ini ialah bagi satu peluang untuk

menolong orang yang mengalami masalah sebab dia tidak dapat mencari nafkah rezeki dan lain-lain. Ini untuk tempoh di antara tiga sampai enam bulan sahaja. Bukan selama-lamanya. Oleh kerana itu memanglah kalau keadaan kewangan seseorang yang menerima bantuan itu sudah bertukar, memanglah pihak Jabatan Kebajikan memberhentikan bantuan tersebut. Tetapi saya tidak ada bukti di mana seseorang masih berada di dalam kemiskinan itu dan kemudian bantuan itu ditahan atau ditarik balik.

Minta maaf, Yang Berhormat, soalan kedua itu bolehkah diulangkan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Berapakah kadar bantuan yang diberi kepada orang miskin sekarang.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, bagi bantuan am, iaitu kepada orang yang miskin atau orang tua, kadar yang ada sekarang tidak lebih \$115 sebulan kepada setiap keluarga.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Soalan tambahan. Sebenarnya banyak penarikan balik telah berlaku dan saya akan memberitahu Setiausaha Parlimen di luar Dewan. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, tadi di dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa bantuan ini hanya diberi untuk enam bulan sahaja. Jadi, apakah sebenarnya tujuan Kerajaan membuat dasar begini kerana misalannya kalau hanya enam bulan kebanyakan fakir-fakir miskin di kawasan miskin tidak akan dapat hidup lantaran masyarakat sekeliling adalah sangat miskin. Apakah tindakan Kementerian andainya ini berlaku di kawasan miskin.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya memanglah bantuan bulanan ini diberikan untuk tempoh tiga sampai enam bulan.

Tetapi jika keadaan kemiskinan seseorang itu tidak ditukarkan dalam masa yang panjang, memanglah bantuan ini diteruskan mengikut keadaan kemiskinan seseorang yang menerima bantuan itu. Tidaklah benar Kementerian kita terus menarik balik bantuan ini atau memberhentikan bantuan ini selepas enam bulan itu tanpa mengambil kira keadaan kemiskinan pemohon itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4 dan 14 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

JALANRAYA RANAU-TELUPID-SANDAKAN—PEMBAIKAN

1. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang memperuntukkan kewangan bagi melaksanakan pembaikan jalanraya-jalanraya yang menghubungkan Ranau-Telupid-Sandakan. Jika ya, berapa banyakkah peruntukan tersebut dan bilakah kerja-kerja pembaikan akan dimulakan.

Dato' S. Samy Vellu: Pada masa ini Kerajaan sedang melaksanakan pembaikan jalan di antara Telupid ke Sandakan. Kerja-kerja pembaikan itu telah dibahagikan kepada beberapa peringkat pembinaannya iaitu:

Jalan daripada Ranau ke Telupid sepanjang lebihkurang 100 km. Di mana sepanjang 15 km sedang diperbaiki dengan perbelanjaan sejumlah \$15.5 juta. Jalan daripada km. 15 ke Telupid masih belum dilaksanakan dan peruntukan sejumlah \$35.7 juta telah dipohon bagi pelaksanaannya pada tahun 1989.

Mengenai pembaikan jalanraya di antara Telupid ke Sandakan, 75.7 km jalan itu akan dilaksanakan dalam dua package iaitu:

- (A) *Package A 1* Yang bermula dari Telupid, sepanjang 34.6 km. dan
- (B) *Package A 2* Sepanjang 41.1 km di mana pembinaannya berakhir di km 32 jalan Telupid ke Sandakan, berhampiran persimpangan di Bukit Garam.

Kos kedua-dua package itu adalah lebihkurang \$58.6 juta dan kerja-kerjanya telah dimulakan pada bulan September 1986 dan keseluruhan projek ini dijangka siap pada awal tahun 1990.

Mengenai pembaikan jalan dari km. 30.5, iaitu dari persimpangan Bukit Garam ke Sandakan pula, peruntukan sejumlah \$3.5 juta telah disediakan bagi memperbaiki jalan yang rosak dan teruk sahaja di beberapa bahagian jalan tersebut. Peruntukan sejumlah \$18.5 juta lagi adalah diperlukan untuk menaikkan taraf jalan dari Sandakan ke Jalan Labuk, sepanjang 7.5 km. kepada jalan dua lorong dua hala dan pembaikan jalan tersebut hingga ke km 30.5. Peruntukan sejumlah \$18.5 juta ini untuk rancangan Malaysia Kelima adalah masih dalam pertimbangan Kerajaan.

KENAIKAN PANGKAT JURURAWAT

4. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah jawatan Ketua Jururawat di Kementerian Kesihatan yang telah diisi; dan
- (b) apakah kriteria yang digunakan untuk pertimbangan kenaikan pangkat dari Jururawat terlatih ke Ketua Jururawat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

(a) bagi menjawab soalan pertama, untuk makluman Yang Berhormat jumlah jawatan Ketua Jururawat di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini adalah sebanyak 781 jawatan. Daripada jumlah ini sebanyak 598 jawatan telah diisi dan 183 jawatan masih kosong.

(b) bagi menjawab soalan kedua, untuk makluman Yang Berhormat kriteria-kriteria yang digunakan untuk pertimbangan kenaikan pangkat dari Jururawat Terlatih ke Ketua Jururawat adalah berdasarkan kepada Skim Perkhidmatan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (1) disah dalam jawatan;
- (2) berkhidmat selama tidak kurang dari 7 tahun dalam jawatan tersebut;
- (3) memiliki sijil-sijil berikut:
 - (i) *Rawatan Am*
Sijil Kesihatan atau
 - (ii) *Kesihatan Am*
Sijil Perbidanan khas dan Sijil Jururawat Kesihatan Am.

Adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Ketua Jururawat yang kosong.

SISWAZAH MENGANGGUR

14. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan kekurangan tenaga pengajar di Sekolah-sekolah dan di Maktab. Adakah Kementerian mengambil siswazah-siswazah yang

menganggur untuk mengisi kekosongan tersebut:

- (a) berapa ramai siswazah yang menganggur telah diambil menjadi guru sementara di sekolah-sekolah sejak 1987 dan 1988; dan
- (b) adakah cadangan Kementerian mengambil sebahagian siswazah untuk mengambil Diploma Education atau memasuki maktab-maktab perguruan bagi membolehkan mereka menjadi guru.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) pada tahun 1987 seramai 27 orang siswazah yang menganggur telah diambil sebagai guru sementara di sekolah-sekolah. Pecahannya adalah seperti berikut:

1. Bahasa Inggeris ..	17 orang
2. Komputer	10 orang

Pada tahun 1988 tiada pengambilan dibuat.

(b) Siswazah-siswazah yang mempunyai kelayakan boleh memohon mendapatkan tempat di mana-mana Universiti yang mereka minati untuk mengikuti kursus tersebut. Terpulanglah kepada universiti-universiti berkenaan untuk menimbangkan permohonan mereka.

Kementerian Pendidikan telah mengadakan Program Sijil Perguruan Lepas Ijazah (SPLI) adalah khas untuk siswazah Agama Islam dan Program "Conversion" untuk siswazah Matematik dan Sains yang memegang Biasiswa Kementerian Pendidikan. Program "Conversion" ini adalah untuk menjadikan siswazah yang

mengganggu itu sebagai guru Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

**PERUNTUKAN RANCANGAN-
RANCANGAN MALAYSIA
KE SABAH**

15. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah kasar yang telah diperuntukkan kepada Sabah dari Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima dan berapakah jumlah sebenar yang telah pun diserahkan untuk menampung segala projek yang dirancang. Dalam masa yang sama pula berapakah jumlah wang dari hasil cukai, royalti minyak dan lain-lain dari Sabah yang telah dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Adakah Kerajaan bercadang hendak menambah peruntukan bagi Sabah memandangkan Sabah masih jauh ketinggalan di belakang jika dibandingkan dengan beberapa buah negeri di Semenanjung.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Jumlah kasar yang diperuntukkan kepada Negeri Sabah dari Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima adalah seperti berikut:

Rancangan Malaysia Pertama	\$ 397.20 juta
Rancangan Malaysia Kedua	\$ 874.85 juta
Rancangan Malaysia Ketiga	\$2798.84 juta
Rancangan Malaysia Keempat	\$5032.55 juta
Rancangan Malaysia Kelima	\$2716.60 juta

Daripada jumlah peruntukan kasar di atas, Sabah telah membelanjakan seperti berikut:

Rancangan Malaysia Pertama	\$ 150.76 juta
Rancangan Malaysia Kedua	\$ 352.26 juta
Rancangan Malaysia Ketiga	\$ 931.46 juta
Rancangan Malaysia Keempat	\$1975.69 juta
Rancangan Malaysia Kelima	\$ 498.82 juta

(sehingga 31-12-87)

Jumlah hasil daripada cukai royalti minyak dan lain-lain yang telah dibayar kepada Kerajaan Persekutuan oleh Sabah adalah seperti berikut:

Rancangan Malaysia Pertama	\$534.82 juta
Rancangan Malaysia Kedua	\$979.59 juta
Rancangan Malaysia Ketiga	\$2318.73 juta
Rancangan Malaysia Keempat	\$5127.25 juta
Rancangan Malaysia Kelima	\$1180.68 juta

(sehingga 31-12-87)

Buat masa ini Kerajaan Persekutuan belum bercadang hendak menambah apa-apa peruntukan kepada Negeri Sabah hinggalah kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan kukuh.

**KERETA POLIS PERONDA
DI SABAH**

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa buah kereta polis peronda yang ditempatkan di seluruh negeri Sabah terutamanya di Kota Kinabalu. Dan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa pada bulan Julai tahun ini lebih dari 10 kes rompakan dilaporkan di sekitar daerah Kota Kinabalu (iaitu di Likas, Luyang, Dah Yeh Villa, Kolombong dan Penampang). Ini menunjukkan yang pihak polis tidak lengkap untuk mengawal perbuatan jenayah dan rompakan bersenjata, sehubungan dengan ini apakah langkah-langkah segera yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kontinjen Polis Sabah mempunyai 27 buah kereta peronda dan 10 buah daripadanya ditempatkan di Kota Kinabalu. Kementerian Dalam Negeri sememangnya sedar bahawa jenayah rompakan sememangnya berlaku bukan sahaja di Kota Kinabalu bahkan juga di tempat-tempat lain di seluruh negara.

Mengikut rekod, hanya 9 kes rompakan bersenjata yang dilaporkan berlaku di kawasan Kota Kinabalu bagi bulan Julai 1988. Jumlah ini tidaklah begitu besar dan Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi membanteras kegiatan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa jenayah rompakan ini adalah merupakan jenayah sosial yang sukar dibanteras. Ia boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Dakwaan Ahli Yang Berhormat berkenaan yang menyatakan berlakunya jenayah ini adalah akibat dari kelemahan pihak polis sahaja adalah tidak benar. Banyak punca-punca lain juga mempengaruhi berlakunya jenayah ini seperti kelalaian mangsa, balas dendam dan sebagainya. Bagaimanapun sukalah saya menegaskan bahawa kegiatan jenayah rompakan di Sabah khususnya dan di seluruh negara amnya adalah terbandung dan terkawal. Saya juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini menyeru kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dan semua yang hadir serta orang ramai memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dalam membanteras jenayah ini. Janganlah masalah ini dibebankan di bahu kerajaan semata-mata dan tanpa kerjasama semua pihak termasuk rakyat jelata saya yakin jenayah sosial ini sukar untuk dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, Kerajaan melalui pihak polis telah dan sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi mengatasi masalah ini, antaranya:

- (i) memperbanyakkan rondaan polis di kawasan-kawasan yang banyak berlakunya jenayah terutama tempat-tempat yang sering menjadi sasaran penjenayah atau perompak;

- (ii) membuat pemeriksaan mengejut dan serbuan ke atas tempat-tempat yang disyaki menjadi tempat tumpuan dan persembunyian penjenayah-penjenayah;
- (iii) membuat pemeriksaan rapi di sekatan-sekatan jalanraya khasnya ke atas kenderaan-kenderaan dan mereka yang disyaki penjenayah;
- (iv) membuat risikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat tentang penjenayah dari berbagai pihak termasuk orang-orang awam; dan
- (v) meningkatkan tindakan bagi mencegah kemasukan rakyat asing dari memasuki negeri Sabah secara haram kerana pihak berkuasa telah mengenalpasti ada kejadian-kejadian rompakan yang dilakukan oleh mereka.

PENGLIBATAN PEKERJA LADANG DALAM POLITIK

17. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat beberapa tuan-tuan ladang yang masih tidak membenarkan penubuhan parti politik di antara kalangan pekerja-pekerja di ladang-ladang tersebut; dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meng"exercise their political rights" di dalam sistem demokrasi yang diamatkan oleh negara kita.

Menteri Buruh (Tuan Lee Kim Sai): Adakah diluar bidang kuasa Kementerian Buruh untuk mengambil sebarang tindakan ke atas pengurusan ladang yang menghalang penglibatan pekerja-pekerja dalam politik. Walau bagaimanapun adalah menjadi hak asasi setiap rakyat negara ini yang mengamalkan sistem demokrasi untuk melibatkan diri dalam perkembangan

politik negara tanpa apa-apa sekatan daripada mana-mana pihak.

TUDUHAN COMMODORE FILIPINA TERHADAP MALAYSIA

18. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat terhadap negara-negara jiran terutamanya dalam negara gabungan ASEAN agar tidak membangkitkan isu-isu yang mendatangkan salah faham yang mungkin ini akan diambil oleh negara-negara lain yang akan menjelaskan perpaduan yang ada sekarang ini. Umpamanya yang berlaku tuduhan yang melulu oleh salah seorang Commodore Filipina Selatan yang baru-baru ini memberitahu anggota Kongres Filipina iaitu empat dari enam pulau-pulau Turtle Island sebagai Wilayah Malaysia yang akhirnya dakwaan ini adalah tidak benar.

21. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Luar menyatakan perkembangan terbaru terhadap masalah sempadan di antara Malaysia dan Filipina dan apakah usaha-usaha Kementerian Luar untuk menyelesaikan masalah tersebut.

11-11-88.

8. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Luar Negeri menyatakan reaksi Kerajaan Malaysia terhadap tuduhan Filipina mengenai laporan di mana Malaysia dikatakan telah menduduki enam buah pulau di Selatan Tawi-Tawi dan adakah Malaysia mempunyai cadangan untuk mengadakan rundingan dengan Filipina berkenaan sempadan bersama.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Saya memohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandau yang juga pada hari ini dan Ahli Yang Berhormat dari Labuan pada 11hb November, kerana soalan-soalan mengenai perkara yang mereka kemukakan adalah sama.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, satu perjanjian iaitu "Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia" telah ditandatangani oleh semua negara ASEAN di Bali pada tahun 1976 di mana negara-negara anggota ASEAN bersetuju mencari penyelesaian menerusi rundingan terhadap apa-apa masalah yang mungkin timbul di antara mereka.

Tuduhan yang dibuat oleh seorang pegawai Angkatan Laut Filipina bahawa Malaysia telah menakluk sebahagian dari Turtle Island adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan Filipina telah mengambil tindakan memecat beliau dari jawatannya. Di samping itu, seorang Senator Filipina yang membangkitkan soal ini telah meminta maaf secara bertulis di atas kesilapan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini selanjutnya, Kerajaan Filipina telahpun mencadangkan untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia bagi mencari penyelesaian masalah kawasan bertindih antara kedua-dua negara. Pihak Malaysia telah menyatakan kesanggupan kita untuk mengadakan rundingan itu.

SKIM BANTUAN PEMULIHAN RUMAH

19. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah

Skim Bantuan Rumah kepada orang-orang miskin diluluskan. Dan bilakah skim itu akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Seperti Yang Berhormat maklum Kerajaan telah pun mengumumkan tidak berapa lama dulu Skim Bantuan Pemulihan Rumah bagi golongan termiskin. Ianya dijangka akan dilaksanakan mulai tahun 1989.

MAKTAB PERGURUAN— SYARAT MASUK

20. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian akan mengenakan syarat hanya menerima pemegang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) untuk memasuki maktab perguruanya;
- (b) jika ia, apakah sebabnya dan bilakah syarat itu akan dikuatkuasakan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengenakan syarat hanya menerima pemegang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) untuk memasuki maktab perguruan. Walau bagaimanapun, pemegang STP/HSC/STPM akan diberi keutamaan jika mata pelajarannya bersesuaian dengan kursus yang dipohon dan syarat-syarat lain dipenuhi.

(Soalan No. 21. Sila lihat jawapan No. 18).

DISIPLIN DI SEKOLAH

22. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab masalah disiplin di sekolah di negara

kita meningkat. Apakah langkah diambil untuk meningkatkan disiplin di sekolah.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab masalah disiplin di sekolah-sekolah kita meningkat ialah seperti berikut:

- (i) *Diri pelajar sendiri*—menghadapi masalah emosi dan memang nakal.
- (ii) *Persekitaran*—semakin banyak terdapat tempat hiburan terutama di bandar-bandar seperti pusat membeli-belah, roller-skating dan pusat snooker.
- (iii) *Keluarga*—rumah tangga yang kucar-kacir, ibu bapa tidak mengambil berat keselamatan anak-anak, kurang menekankan pembentukan akhlak dan kurang pengetahuan tentang cara yang baik untuk mengasuh anak.
- (iv) *Sekolah*—keadaan sekolah yang sesak menyebabkan suasana sekolah tidak selesa dan tidak menyeronokkan.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan disiplin sekolah ialah:

- (1) Menubuhkan Persatuan Ibu-bapa-Guru di tiap-tiap buah sekolah sejak tahun 1973 yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama ibubapa dengan pihak sekolah mengenai pelajaran dan lain-lain masalah murid-murid.
- (2) Meningkatkan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah menengah.
- (3) Menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Murid Peringkat Sekolah dan Peringkat Daerah yang bertujuan menanamkan rasa

tanggungjawab bersama di kalangan masyarakat setempat dengan masyarakat di sekolah.

- (4) Mengeluarkan panduan-panduan mengenai disiplin sekolah seperti mengemas-kinikan dan mengeluarkan surat-surat Pekeliling Ikhtisas dan buku-buku panduan mengenai disiplin.
- (5) Memberi arahan kepada pihak sekolah supaya bertindak lebih tegas lagi dalam menghadapi masalah disiplin murid-murid.

(Soalan No. 23. Sila lihat jawapan No. 5 pada 12-10-88).

MAS KE SARAWAK—TAMBANG

24. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Pengangkutan memberitahu kepada Dewan ini bilakah Kementerian akan melaksanakan tarikh untuk menurunkan tambang penerbangan tempatan bagi penerbangan MAS di Sarawak kerana buat masa ini tambang yang dikenakan oleh MAS masih tinggi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Satu kajian mengenai kedudukan kadar tambang perkhidmatan dalam negeri MAS sedang dijalankan. Cadangan supaya kadar-kadar tambang MAS di Sarawak diturunkan akan dipertimbangkan setelah kajian tersebut disiapkan.

RASUAH—ORANG YANG DITANGKAP

25. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah bilangan orang yang ditahan oleh Badan Pencegah Rasuah mulai bulan Januari

hingga September 1988 dan berapa ramai pula:

- (a) kakitangan Kerajaan (nyatakan bilangan dan setiap gred);
 - (b) ahli politik;
 - (c) orang awam; dan
- (ii) berapa banyak kes rasuah yang masih menunggu perbicaraan mahkamah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Jumlah kakitangan Kerajaan yang ditahan iaitu ditangkap oleh Badan Pencegah Rasuah dari bulan Januari hingga September 1988 ialah seramai 137 orang dan pecahan mengikut gred adalah seperti berikut:

1.1 Kumpulan "A" seramai	16 orang
1.2 Kumpulan "B" seramai	18 "
1.3 Kumpulan "C" seramai	50 "
1.4 Kumpulan "D" seramai	53 "
	137 orang

Jumlah ahli politik yang ditangkap ialah seramai dua orang dan bilangan orang awam yang ditahan atau ditangkap dalam tempoh yang sama ialah seramai 95 orang.

Sementara itu, bilangan kes rasuah yang masih menunggu perbicaraan di seluruh negara sehingga kini ialah sebanyak 751 kes.

TARIAN ORANG ASLI

26. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Pusat bercadang menjadikan tarian Orang Asli sebagai satu acara rasmi dalam majlis keramaian anjuran Kerajaan;

- (b) jika tidak, apakah sebabnya;
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara bagi tempoh 1989-1990.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Negara kita tidak mempunyai satu tarian khusus untuk dijadikan acara rasmi dalam majlis keramaian anjuran Kerajaan. Ini kerana pementasan untuk acara rasmi biasanya dipersesuaikan dengan keperluan dan suasana serta mempunyai kualiti yang bersesuaian dengan tuntutan estetika yang wajar dan juga bersesuaian dengan ciri-ciri Kebudayaan Kebangsaan. Mengenai Tarian Orang Asli ialah adalah bersifat ritual.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah menyusun beberapa strategi untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke negara ini bagi tempoh 1988-1990. Di antara strategi yang telah dirumuskan adalah:

- (i) melaksanakan program-program pemasaran dan penggalakan yang berkesan di pasaran-pasaran utama yang telah dikenalpasti;
- (ii) memberi galakan dan insentif kepada pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan dan di luar negeri untuk mengendalikan lebih banyak lawatan ke negara ini;
- (iii) menimbulkan kesedaran dan publisiti mengenai Malaysia sebagai pusat pelancongan dan konvensyen melalui program keramaian yang ditujukan kepada rombongan perfileman serta penulis-penulis asing serta penyertaan di pameran pelancongan dan lain-lain di luar negeri;
- (iv) memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada pihak

swasta Malaysia yang berkecimpung dalam bidang pelancongan melalui penganjuran misi-misi jualan di beberapa pasaran utama;

- (v) menjalin kerjasama rapat dengan Penerbangan Malaysia dan lain-lain syarikat penerbangan asing agar dapat mengendalikan program-program pemasaran bersama, dalam menarik lebih ramai pelancong bercuti di Malaysia serta menggalakkan penerbangan charter (charter flights) dari pasaran-pasaran utama;
- (vi) melaksanakan program-program penggalakan bersama dengan badan-badan pelancongan Negara-negara ASEAN untuk meningkatkan lagi perkembangan pelancongan serantau;
- (vii) menubuhkan pejabat-pejabat penerangan baru dan melantik, secara kontrak, khidmat juru-perunding pemasaran di luar negeri untuk meluaskan penerangan mengenai Malaysia dan membantu pengusaha-pengusaha pelancongan serta pelancong-pelancong asing dalam merancang lawatan ke Malaysia;
- (viii) membantu dalam penggalakan aktiviti-aktiviti bercorak pelancongan dan kebudayaan serta menganjur acara pelancongan tahunan umpamanya "Malaysia Fest" dan "Visit Malaysia Year 1990" dengan tujuan menjadikan negara ini lebih menarik sebagai destinasi pelancongan;
- (ix) membantu agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dalam meningkatkan lagi

produk pelancongan dan destinasi pelancongan tempatan.

KOMPUTER BAGI URUSAN TABUNG HAJI

27. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah kemajuan yang telah dicapai oleh LUTH dalam rancangannya menggunakan komputer bagi urusan jemaah dan Simpanan Haji.

Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Komputer mula digunakan oleh Tabung Haji dalam tahun 1977 dan penggunaannya telah berkembang dengan pesatnya.

Mengenai urusan haji, pendaftaran naik haji, penyediaan jadual penerbangan, pemberitahu tempat dalam penerbangan, penyediaan tiket dan manifes penerbangan, kad peribadi serta urusan pertanyaan mengenai baki simpanan semuanya diuruskan oleh komputer. Di samping itu, urusan pembahagian bilik bagi penempatan jemaah haji di rumah-rumah di Makkah dan Madinah juga diuruskan dengan komputer.

Mengenai urusan kewangan Tabung Haji pula, komputer digunakan untuk menyimpan rekod-rekod maklumat pendeposit dan jumlah wang simpanan, pengurusan pengeluaran wang dan penyata simpanan tiap-tiap enam (6) bulan, mengira jumlah bonus yang dibayar kepada pendeposit dan menguruskan pertanyaan baki simpanan dan maklumat-maklumat lain mengenai pendeposit. Komputer juga digunakan di Tanah Suci dalam urusan menyimpan maklumat mengenai baki simpanan pendeposit serta urusan kewangan dan pengeluaran wang di Tanah Suci.

Di samping kemudahan perkhidmatan komputer digunakan sepenuhnya di Ibu Pejabat, penggunaan komputer juga telah diperluaskan di pejabat-pejabat Tabung Haji negeri dan daerah. Pada awal bulan September 1988, sebelas (11) buah pejabat negeri dan daerah telah dipasang dengan alat komputer yang berhubung terus dengan Ibu Pejabat. Dengan pemasangan alat ini urusan pendaftaran naik haji dan penyediaan pasport haji di pejabat-pejabat berkenaan dilakukan dengan komputer dengan menjimatkan masa kira-kira 60% bagi setiap orang haji. Selain dari itu resit-resit pembayaran juga disediakan oleh komputer.

Akhirnya, Tabung Haji mempunyai rancangan jangka panjangnya untuk memasang alat komputer di semua pejabat negeri dan daerahnya supaya dapat ditingkatkan perkhidmatan kepada semua jemaah haji dan pendeposit-pendepositnya.

TENTERA MALAYSIA DITEMPATKAN DI IRAN-IRAQ DAN NAMIBIA

28. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan dan pangkat tentera kita yang dihantar ke Timur Tengah baru-baru ini mengikut permintaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bersempena dengan pendamaian perang Teluk yang dicapai di antara Iran-Iraq. Nyatakan bilangan dan pangkat tentera yang kita akan hantar ke Namibia mengikut permintaan Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu. Apakah tugas-tugas tentera kita ke dua-dua negara ini.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Soalan ini telah pun dijawab oleh Y.B. Menteri Pertahanan pada 26-10-1988 bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang

Berhormat dari Kota Setar. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (9hb November, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

3.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pendapat, pandangan dan juga cadangan-cadangan yang baik dan berguna terhadap Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di sepanjang perbahasan Belanjawan 1989 ini.

Kita tahu perhatian yang diberikan oleh saudara-saudara Yang Berhormat adalah wajar kerana mengenangkan badan-badan yang begitu banyak dan besar dalam Kementerian ini seperti FELDA, RISDA, KETENGAH, DARA, KEJORA, PERDA, KESEDAR dan juga KEDA di Kedah. Dan badan-badan ini mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan berjuta-juta orang mungkin merangkumi 25% daripada penduduk negara ini dari segi hubungan sosial dan juga hubungan ekonomi.

Saya juga dapat meramalkan perhatian yang begitu diberikan kerana memandangkan akhir-akhir ini kita telah membuat satu pengumuman yang sangat menarik perhatian secara langsung kepada peneroka-peneroka dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu penukaran sistem saham kepada sistem hak milik individu.

Bahawa soalan-soalan yang kita dengar sebentar tadi menunjukkan bahawa perhatian terhadap FELDA bukan sahaja datangnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpengkalan di luar bandar tetapi juga mereka yang mempunyai kawasan di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah

memberi perhatian terhadap Kementerian ini, tetapi saya ingin tujukan sedikit sebanyak terhadap Ahli Yang Berhormat dari Bakri dan juga saudara kita Yang Berhormat dari Maran kerana telah menyentuh persoalan dan pandangan yang "material", dengan izin, terhadap dasar dan pelaksanaan Kementerian ini.

Kita sama tahu iaitu saudara Yang Berhormat dari Bakri memberi perhatian terhadap apa yang berlaku dalam FELDA iaitu ada hubungkaitnya dengan peluang yang diberikan kepada berbagai kaum dan rakyat dalam negeri ini. Beliau merasakan bahawa semua kaum dalam negara ini diberikan peluang untuk menyertai sama-sama di dalam pembukaan rancangan-rancangan FELDA. Pandangan macam ini tentulah sesuatu yang dialu-alukan walaupun pandangan ini, pada saya, kali ini sahajalah yang dilaungkan oleh saudara Yang Berhormat dari Bakri walaupun pada tahun-tahun yang sebelumnya beliau nampaknya lebih low profile, dengan izin, daripada tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya memberi peluang kepada semua kaum di Malaysia tidak kira kaum Cina, India dan lain-lain untuk menyertai rancangan-rancangan

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Minta penjelasan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya, ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Yang Berhormat tadi mengatakan Yang Berhormat dari Bakri tahun lepas memainkan low profile, sekarang high profile. Agak-agaknya di kacamata Yang Berhormat, apa sebab?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saudara Yang Berhormat dari Simunjan bertanya dari kacamata saya. Memang saya memakai kacamata, tetapi "high profile" dan "low profile" ini tidak payah saya sebutkan sangatlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak relevant.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya, tidak relevant. Tetapi mungkin juga relevant apabila seorang Ahli dari MCA menjadi Setiausaha Parlimen dan seorang lain menjadi Timbalan Menteri, agaknyalah, ada relevant dalam perkara itu. Itulah sebabnya saya rasa ada pertukaran profile.

Yang hendak saya katakan tadi bahawa semua kaum, kaum Cina, kaum India dan kaum-kaum yang lain diberikan peluang yang sewajarnya untuk menyertai rancangan-rancangan seperti rancangan-rancangan FELDA.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Adam bin Abdul Kadir:
Silakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasan. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, walaupun ada pihak bersungut bahawa penyertaan di kawasan peneroka ini kononnya melibatkan satu kaum sahaja iaitu bumiputera dan kurang daripada kaum-kaum lain. Tetapi apakah Yang Berhormat selaku

Setiausaha Parlimen lupa kerana kita dapati peluang-peluang lain banyak dinikmati oleh kaum Tionghua, kalau hendak disebut secara khususnya, terutama dalam bidang perniagaan di bandar-bandar kawasan peneroka-peneroka.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, jika peluang ini dibuka, apakah ia benar-benar mendapat sambutan daripada lain-lain kaum sebab dari segi sejarah yang saya lihat, kerja-kerja membuka tanah, masuk hutan belantara ini banyaknya dari kalangan orang-orang Melayu yang tidak bertanah yang tidak dapat mencari rezeki di tempat lain. Begitu juga kalau kerja-kerja perkhidmatan yang rendah-rendah, menjaga keselamatan, seperti polis meronda di tengah malam, kerja-kerja kecil ini saya lihat, orang lain tidak berapa berminat, tetapi di kalangan orang-orang Melayu sahaja. Ini bukan dari segi pandangan sensitiviti terhadap kaum, tidak sama sekali. Cuma saya ingin menekankan pihak yang membangkitkan ini, sejauh manakah jujurnya dalam memperkatakan sesuatu dari segi penyertaan seperti ini?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita sedar dan saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas bukan sahaja meminta penjelasan tetapi beliau juga memberikan penjelasan, saya boleh anggap begitulah. Apa yang ditimbulkan oleh saudara kita dari Pasir Mas bukanlah satu perkara yang baru, tentu juga saudara kita dari Bakri juga tahu bahawa semua kaum terutama kaum yang disebutkan oleh saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas itu juga mendapat manfaat daripada rancangan-rancangan FELDA ini, umpamanya, dalam pembukaan tanah. Dahulu pada awalnya banyak kontraktor-kontraktor yang membuka tanah FELDA terdiri daripada orang bukan Melayu juga. Cetusan pertama

itu tentu sekali mempunyai multiplying effectnya, dengan izin, dan ianya merangkumi bukan sahaja orang-orang Melayu tetapi juga orang-orang bukan Melayu.

Kalau diizinkan, saya meneruskan lagi jawapan saya ini, saya ingin menyatakan bahawa semua kaum, bukan sahaja kaum Melayu tetapi juga kaum India dan kaum Cina, diberi peluang mengikut minat yang ditunjukkan oleh mereka menerusi permohonan-permohonan yang sampai ke FELDA.

Sejak rancangan-rancangan FELDA dijalankan sehingga sekarang, terdapat seramai 3,529 orang peneroka bukan bumiputera yang menyertai rancangan-rancangan tanah FELDA di ke 73 buah rancangan di seluruh Semenanjung Malaysia. Peneroka-peneroka tersebut adalah terdiri daripada 1,346 orang Cina, 1,803 orang India dan 380 orang lain-lain kaum. Ini jelaslah kepada semua bahawa tidak ada diskriminasi di antara kaum-kaum yang berminat untuk memasuki rancangan-rancangan FELDA yang saya sebutkan tadi. Jika ianya secara perbandingan, secara relative, dengan izin, pemohon-pemohon itu lebih kurang angkanya daripada pemohon-pemohon Melayu, saya rasa ini adalah cetusan "sociological" kerana keadaan hidup di luar bandar dalam keadaan pembukaan tanah hutan yang baru dan juga suasana frontier, dengan izin, membuatkan keutamaan orang-orang lain, orang Cina umpamanya, lebih berminat kepada keadaan hidup di kawasan-kawasan yang kita takrifkan sebagai kampung-kampung baru ataupun sub-urban ataupun kawasan-kawasan bandar yang kita sebutkan dalam bahasa Inggeris sebagai urban.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa sejak rancangan-rancangan FELDA dilaksanakan oleh Kerajaan, jumlah peneroka-peneroka bukan

bumiputera yang telah ditawarkan bagi menyertai rancangan-rancangan FELDA kesemuanya berjumlah 4,080 orang iaitu terdiri daripada 1,664 orang Cina, 2,036 orang India dan 380 orang dari lain-lain kaum. Dari jumlah tersebut didapati ramai peneroka-peneroka bukan bumiputera yang telah meninggalkan rancangan-rancangan FELDA dengan rela hati mereka sendiri iaitu 318 orang Cina, kira-kira 19% daripada yang telah diterima masuk dan 228 orang India iaitu 11% daripada yang telah diterima masuk. Itulah sahaja sentuhan saya terhadap saudara kita Yang Berhormat dari Bakri.

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bakri bangun.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Silakan.

Tuan Chua Jui Meng: Saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Setiausaha Parlimen tersebut yang memberikan satu response yang positif, satu response yang saya boleh kira dengan suara yang manis, satu response yang boleh diterima dan dianggap baik. Saya hanya hendak bertanya, Yang Berhormat sepatutnya sedar bahawa pada hari ini ada 500,000 peneroka-peneroka yang menyertai skim-skim FELDA. Jika tawaran 4,000 diberi kepada orang bukan bumiputera, itu satu nisbah yang amat rendah.

Kita faham daripada ucapan Menteri Kewangan, Kerajaan akan memberikan peruntukan sebanyak \$500 juta untuk membuka tanah seperti FELDA. Adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memberikan satu nisbah yang lebih munasabah kepada orang-orang Cina dan India?

Kedua, orang-orang Cina dan India sudah tinggalkan rancangan-rancangan FELDA, saya diberitahu, sebab pertamanya ialah bila mereka masuk satu rancangan, bilangan (*figure*) orang-orang Cina dan India dalam rancangan itu terlalu sedikit sahaja disebabkan oleh satu suasana yang tidak sesuai dengan mereka daripada segi kebudayaan, sosio-ekonomi dan lain-lain.

Jika Yang Berhormat ada bercadang untuk membuka tanah yang lebih luas kepada bukan bumiputera, saya yakin lebih orang Cina dan orang India akan menyertai skim-skim FELDA, sebab seperti saya ada sebut dalam ucapan dasar atas Budget, ada ramai orang India dan orang Cina khususnya di luar bandar yang kekurangan tanah yang ingin menyertai dan memohon kepada Kerajaan untuk mendapatkan lebih tanah. Terima kasih.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sedikit angka yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bakri. Jumlah peneroka-peneroka FELDA bukan 500,000 tetapi lebih kurang 110,000. Jadi memanglah kalau 4,000 dibandingkan dengan 110,000 itu, peratusnya kira-kira 4%, tetapi kalau dibandingkan dengan 500,000 ianya kurang daripada 1%.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal kemungkinan nisbah yang lebih bagi orang-orang bukan bumiputera memasuki rancangan-rancangan FELDA, saya rasa persoalan ini hendaklah dirujuk kepada Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai asas dan mempunyai cetusan terhadap segala perancangan untuk membuka rancangan-rancangan FELDA.

Selain daripada sebab-sebab yang saya berikan tadi, dan nampaknya disetujui oleh Yang Berhormat dari

Bakri itu, iaitu mula-mula jumlah yang meminta masuk adalah sedikit dan apabila mereka yang sedikit ini masuk, mereka terasa mungkin "out of place", dengan izin, oleh itu mereka lebih berminat untuk keluar daripada rancangan itu dan pulang kepada kawasan-kawasan yang lebih "conducive", dengan izin, kepada kehidupan mereka yang telah mereka lalui dan mereka sukai selama ini seperti kalau di luar bandar, di kawasan-kawasan kampung baru ataupun kalau di bandar-bandar, tempat-tempat yang lebih mempunyai ciri-ciri setingan, umpamanya, ataupun di kawasan-kawasan yang benar-benar di tengah-tengah bandar seperti di sekitar Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain. Bagimanapun, saya percaya dasar-dasar Kerajaan sentiasa mengambil unsur-unsur yang baik, iaitu berasaskan prinsip yang adil daripada satu masa ke satu masa, tetapi dengan tidak menghapuskan atau tidak mengeneipkan dasar yang lebih murni, iaitu kalau Dasar Ekonomi Baru digantikan dengan dasar lain, dasar baru itu tetap mengandungi unsur dan prinsip keadilan itu tidak akan dikorbankan di dalam perancangan yang ada kaitan dengan kesejahteraan hidup tiga kaum yang besar, iaitu kaum Melayu, Cina dan India.

Sekarang izinkan saya untuk

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Banyak pertanyaan ini, okay!

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen mengenai Dasar Ekonomi Baru. Teras "argument" saya dalam perbahasan atas dasar ialah matlamat pertama Dasar Ekonomi Baru ialah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum. Dengan izin, ianya

tidak dilihat dengan kaca mata perkauman, itulah matlamat murni Dasar Ekonomi Baru. Dan sebab terdapat lagi ada orang Cina dan India di Semenanjung Malaysia yang boleh dikira dalam golongan orang miskin, sebab itu saya menyarankan kepada Kerajaan untuk membuka lebih tanah kepada orang-orang miskin ini, bukan seperti kontraktor. Orang kontraktor mungkin dia kaya, saya tak kira. Saya kira, saya ambil berat tentang orang yang miskin dalam kaum Cina dan India dan saya hendak menekankan di sini daripada satu "excerpt" daripada Third Malaysia Plan dan dengan izin, saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan?

Tuan Chua Jui Meng: Ya, saya minta penjelasan mengenai

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Chua Jui Meng: Penjelasan itu ialah Third Malaysia Plan ada mengatakan: (*Dengan izin*)

"To this end, efforts will be made in the selection of settlers for public land development schemes including FELDA project to provide for greater representation of other Malaysian households in poverty".

"Other Malaysian households" akan menyertai skim-skim seperti FELDA. Itulah saya hendak tanya tepat dengan apa yang dimaksudkan oleh Setiausaha Parlimen, itulah tidak kira kaum bila kita hendak membasmi kemiskinan di negara kita.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya dibebankan dengan persoalan-persoalan yang lebih jauh daripada apa yang saya hadapi di dalam

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Tetapi saya percaya soal dasar ini tidak boleh lari daripada soal-soal angka apabila ianya mula digubalkan pada tahun 1970, tentu sekali angka memainkan peranan penting sebagai asas penggubal Dasar Ekonomi Baru. Kalau secara longgar saya mengatakan waktu itu 90% daripada orang-orang Melayu ataupun orang bumiputera adalah digolongkan sebagai orang miskin dan angka yang jauh lebih baik adalah tergolong untuk orang-orang Cina. Pada waktu itu dasar DEB ini ialah untuk mengubah struktur masyarakat daripada segi angka. Jadi, daripada segi angka itulah yang hendak dibaiki, iaitu mengurangkan jumlah ataupun peratus orang Melayu di bawah paras kemiskinan, sekarang mungkin 60% ataupun mungkin 70%. Walaupun 60%, saya percaya angka itu masih lagi tinggi berbanding dengan orang-orang miskin daripada kaum-kaum India dan Cina. Jadi, saya rasa usaha-usaha sekarang baik dasar apapun adalah hendak mengurangkan peratus kemiskinan itu di kalangan orang-orang bumiputera, yang lain itu adalah merupakan insiden sahaja kepada pelaksanaan dasar itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya membuat cadangan supaya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengenalpasti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Di mana jika dikenalpastikan bukit-bakau belantara mengambil rakan-rakan kaum Tionghua untuk membuka dan menjadi peneroka kepada rancangan tersebut dan menggunakan sistem dahulu, iaitu sistem saham di mana masyarakat bumiputera yang bergelombang berbelas tahun dalam rancangan tersebut yang akhirnya menerima beberapa ratus ringgit sahaja supaya memberi peluang kepada kaum-kaum lain menikmati kemudahan seperti ini dan saya hendak tengok sejauh manakah mereka sedia membangunkan rancangan-rancangan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ini soalan besar, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak payah jawab.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya, saya tak payah jawab. Bila Yang Berhormat dari Pasir Mas bercakap, percakapan itu bukan sahaja untuk Dewan ini tetapi untuk di tempat lain juga. Saya percaya segala idea yang baik, tak kira daripada siapa, tentu dipertimbangkan dan boleh dicanai menjadi dasar kalau selepas kajian itu didapati ianya "feasible" dan menguntungkan negara.

Jadi, izinkan saya meneruskan sedikit ulasan saya kepada Yang Berhormat dari Maran. Yang Berhormat dari Maran telah menyarankan selain daripada mengadakan industri kecil di luar bandar, di kampung-kampung lama

dan juga di rancangan-rancangan FELDA, Kerajaan hendaklah juga memberikan kemudahan modal supaya rancangan industri kecil dapat dilaksanakan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pergerusikan Mesyuarat)

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang ini terutamanya dalam bidang industri pertanian, Kerajaan menggalakkan peneroka-peneroka untuk mengusahakan perusahaan-perusahaan kecil seperti membuat sos, biskut, kerepek, mee—tetapi bukan mee yang menyebabkan kematian itu, mee yang lebih baik lagi—kraftangan, perabot dan lain-lain lagi. Dalam usaha begini FELDA telah pun menjalankan di kampung-kampung bagi menggalakkan peneroka-peneroka menceburkan diri dalam bidang tersebut dengan cara memberi pinjaman modal pusingan, peralatan dan menyediakan tapak perniagaan. Sehingga ini FELDA telah pun mengeluarkan \$380,000 kepada 79 peneroka di bidang industri kecil. Selain daripada itu FELDA juga telah terlibat dalam semua peringkat pelaksanaan dari peringkat perancangan, pembiayaan projek, penyeliaan, pengawasan, latihan dan pemasaran. Bagi menyokong usaha-usaha tersebut satu aspek telah ditekankan iaitu langkah-langkah pembangunan sosial yang mengutamakan wujudnya sikap positif, kesedaran berdikari, ciri-ciri keusahawanan serta sifat-sifat ketahanan diri serta mereka yang ingin memupuk kepakaran dan mempelajari teknologi yang sesuai untuk diserapkan dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan berkenaan.

FELDA juga menggalakkan aktiviti-aktiviti pertanian bersepadu merangkumi perusahaan hasil-hasil ternakan seperti biri-biri, lembu, burung puyuh, lebah madu, ikan air tawar serta tanaman sayur-sayuran

dan kontan. Malahan usaha-usaha ini akan terus diberikan keutamaan dan sentiasa memastikan supaya FELDA meningkatkan lagi komitmennya dalam usaha-usaha sampingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan melahirkan penghayatan saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap berkaitan dengan Kementerian ini dan dengan itu saya akhiri dengan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

4.03 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Terima kasih, Tuan Speaker. Sebenarnya, Tuan Speaker, tidak ada soalan yang berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Utama telah dibangkitkan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989, tetapi oleh sebab nota yang saya hantar kepada Tuan Yang di-Pertua melalui Urusetia semalam tidak sampai ke tangan Tuan Yang di-Pertua, nama Kementerian saya telah dipanggil tanpa kehadiran saya. Saya tidak mahu menunjukkan yang saya tidak menghormati Dewan yang mulia ini. Itu bukan atas kesalahan saya, sebab nota yang telah saya hantar semalam tidak sampai ke tangan Tuan Yang di-Pertua yang mana saya telah menjelaskan bahawa tidak ada jawapan yang perlu diberi di atas Kementerian Perusahaan Utama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pagi tadi pun belum terima lagi surat itu.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Belum terima lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Belum terima.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertanian.

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian, pandangan dan teguran terhadap Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah membangkitkan tentang pelaksanaan Dasar Pertanian Negara. Berhubung dengan perkara ini suka saya menjelaskan bahawa Pelan Pembangunan Kerajaan menekankan pembangunan luar bandar dan pertanian dengan tujuan memperbagaikan pengeluaran, meningkatkan produktiviti dan seterusnya pendapatan. Pada masa ini pembangunan sektor pertanian berpandu kepada Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian Negara dan Pelan Induk Perindustrian. Dasar-dasar ini menekankan aspek-aspek membasmi kemiskinan dan memberi garis panduan pembangunan komoditi, tanaman, ikan dan ternakan. Pada asasnya strategi dan program yang dibentuk menumpu kepada usaha-usaha memenuhi keperluan tempatan serta meluaskan pasaran eksport bagi menjamin peningkatan taraf hidup kaum tani. Sektor pertanian pada masa ini mengalami perubahan-perubahan struktur, terutamanya dari segi komposisi keluaran pertanian untuk keperluan tempatan dan eksport serta bentuk perusahaan ke arah komersial dan struktur koperat.

Dalam usaha ini kita memberi penekanan kepada penglibatan sektor

swasta untuk menyumbang bagi mempercepatkan proses perubahan. Sumbangan sektor awam dan swasta ini dijangka dapat membantu mempertingkatkan keupayaan sektor pertanian dalam menyokong struktur pembuatan. Kita berharap ianya dapat menjamin pulangan serta mewujudkan persaingan yang positif bagi keluaran pertanian. Dengan adanya penekanan kepada usaha melaksanakan program-program pertanian secara besar-besaran adalah dijangka petani dapat mengecapi pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Mengenai industri ternakan udang harimau mengikut laporan pasaran udang oleh "Info-fish" satu keadaan yang tidak menentu akan berlaku. Ini adalah disebabkan oleh pembangunan ternakan udang yang berterusan yang membawa kepada permintaan dan penawaran di pasaran dunia tidak seimbang. Akibat daripada keadaan ini, pasaran udang akan segera dipenuhi oleh udang yang bersaiz sederhana, sedangkan terdapat kekurangan penawaran udang yang bersaiz besar. Harga udang saiz sederhana jatuh di pasaran Jepun sebanyak 6.5% iaitu 1,748 yen bagi setiap kilogram pada tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986 dan kejatuhan harga juga berlaku di pasaran Amerika.

Walaupun peluang bagi melaksanakan pasaran terdapat di dalam negeri, faktor yang akan menentukan ialah harga yang ditawarkan hendaklah dalam kadar kemampuan kuasa beli yang rata-rata berpendapatan rendah. Matlamat pembangunan akuakultur termasuk ternakan udang hingga tahun 2000 ialah membangunkan seluas 20,000 hektar kawasan paya bakau yang berpotensi adalah seluas 110,000 hektar. Ianya akan dicapai melalui penyertaan pihak swasta kira-kira 60% dan sektor awam kira-kira 40%. Namun demikian negara kita masih baru dalam aspek teknologi

pengeluaran dan pemerosesan kalau dibandingkan dengan Taiwan, Ecuador, China dan negara-negara jiran dalam pembangunan akuakultur. Oleh yang demikian Malaysia masih perlu menjemput pakar-pakar daripada luar dalam pembangunan industri ini. Selain daripada menekankan aspek komersial Kerajaan juga memberi perhatian kepada pemindahan teknologi dan pembangunan masyarakat nelayan dengan menggalakkan penyertaan persatuan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Semporna telah membangkitkan tentang perlunya Dasar Pertanian dan Perikanan di Semenanjung diseragamkan dengan Dasar Pertanian di Sabah dan Sarawak supaya segala keistimewaan dan perlindungan yang dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil dan kaum nelayan di Semenanjung juga dapat dikecapi oleh rakan-rakan mereka di Sabah dan Sarawak. Berhubung dengan perkara itu dimaklumkan bahawa Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai Kementerian Pertaniannya sendiri iaitu Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah dan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak.

Usaha-usaha sedang terus dijalankan menyelaraskan dasar-dasar pertanian dan perikanan melalui, antara lain, mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kementerian Pertanian Malaysia dengan Kementerian Pertanian kedua-dua negeri tersebut. Bidang-bidang yang telah dibincangkan untuk negeri Sabah meliputi persoalan menggredkan koko, pengwujudan sebuah IADP dan pembangunan persatuan nelayan mengikut Akta Persatuan Nelayan, 1971. Di samping itu, Kementerian Pertanian sedang berusaha untuk menyelaraskan Akta Perikanan, 1985 supaya ianya dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan masalah perairan di bendang-bendang di Selama, Perak. Mengenai masalah ini saya tidak dapat memberi jawapan yang spesifik kerana Yang Berhormat tidak menamakan rancangan perairan yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, di daerah Selama terdapat 10 buah rancangan perairan kecil. Pada keseluruhannya pembekalan-pembekalan air ke rancangan-rancangan tersebut adalah memuaskan dan purata 80% keseluruhan kawasan bendang dapat diusahakan. Bagi menjamin bekalan air yang mencukupi, pihak JPT sentiasa mengawasi dan menyelenggara sistem perairan di rancangan-rancangan perairan supaya berada dalam keadaan baik dan berfungsi sepenuhnya.

Berhubung dengan parit-parit yang dibina lebih rendah dari sawah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, parit-parit sedemikian rupa memang terdapat di setengah-setengah rancangan, tetapi tujuan dibina sedemikian rupa adalah sebagai parit air hantaran atau, dengan izin, conveyance canal untuk menyalur air ke kawasan hilir yang lebih rendah kedudukannya. Bagi kawasan yang dianggap tinggi dari parit air hantaran ini, sebenarnya bekalan air diterima menerusi tali-air lain di bahagian hulunya. Bagaimanapun, pihak JPT di peringkat daerah akan menghubungi Yang Berhormat untuk mendapat tahu kawasan yang dimaksudkan supaya langkah-langkah diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah menyentuh mengenai industri perikanan laut dalam dan ternakan air. Ahli Yang Berhormat telah

mencadangkan supaya pelabur-pelabur mengambil nelayan-nelayan kecil sebagai rakan kongsi agar modal dapat disumbangkan oleh pelabur sementara kepakaran oleh para nelayan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memanglah menggalakkan pelabur-pelabur mengambil nelayan-nelayan kecil sebagai rakan kongsi mereka tetapi malangnya nelayan-nelayan kecil tidak begitu berminat untuk berkongsi dengan pelabur-pelabur tersebut. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama untuk menggalakkan supaya nelayan-nelayan tempatan dapat menceburi dalam perusahaan perikanan laut dalam, Kerajaan melalui Bank Pertanian Malaysia telah menyediakan Skim Kemudahan Kredit untuk memberi pinjaman kepada nelayan-nelayan dengan mengenakan syarat-syarat yang mudah.

Berhubung dengan cadangan supaya diadakan ordinar-ordinan tertentu untuk membolehkan bot-bot nelayan didaftar

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun, hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri tentang masalah yang dibangkitkan, semua tidak ada masalah, macam Kerajaan "malaikat". Jadi saya harap supaya sekurang-kurangnya bila disebut masalah yang dibangkitkan, sekurang-kurangnya "ini akan ditimbang, pandangan dari Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian". Yang saya

hendak bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi penjelasan mengenai dengan projek laut dalam. Memang sukar untuk nelayan kecil hendak menyertai dengan pelabur-pelabur besar tetapi projek laut dalam mengenai dengan Syarikat K&I yang menjadi asas utama kerjasama dengan negara Thailand, pada satu ketika dikatakan Persatuan Nelayan NEKMAT diberi 10% dan NEKMAT tidak menagih 10% itu kononnya tidak mempunyai wang. Saya ingin tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar bahawa Persatuan NEKMAT meminta 30% sebagaimana yang kononnya dijanjikan dahulu dan kalau mereka tidak mempunyai wang, apakah tidak mungkin Bank Pertanian memberi pinjaman kepada Persatuan NEKMAT bagi menjadikan realiti penyertaan pertubuhan nelayan yang mewakili kaum nelayan ini. Itu dari segi projek laut dalam.

Begitu juga dengan Skim Kemudahan Kredit, apakah Yang Berhormat sedar tidak banyak peruntukan disediakan di bawah Skim ini dan tidak mudah juga untuk mendapat kemudahan pinjaman ini di mana petani-petani ataupun nelayan hendak mendapat cagaran, hendak mendapat kemudahan-kemudahan untuk pinjaman tersebut dengan mencari penjamin atau sebagainya. Jadi inilah yang menjadi masalah kepada petani dan nelayan dan kita harus ingat negara-negara maju Amerika, Eropah, Jepun, pertanian mereka berjaya sekarang ini kerana disubsidi 100% oleh Kerajaan manakala kita besarkan subsidi di sini tetapi ianya tidaklah seindah sebagaimana yang digambarkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian sentiasa mengambil berat khususnya soal-soal yang ada hubungkait dengan nelayan sebab

Kementerian menyedari bahawa nelayan merupakan golongan yang miskin. Suka juga saya menyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan tidak akan melakukan sesuatu yang tidak adil terhadap sesiapa jua sekalipun.

Menyentuh tentang Bank Pertanian, jikalau sesiapa jua yang ingin menceburi dalam bidang penangkapan ikan laut dalam dan ianya mempunyai kekurangan modal, maka jikalau ia dapat menunjukkan atau membuktikan bahawa ianya benar-benar hendak melaksanakan tugas itu dengan kemampuan dan kepakaran yang ada padanya, saya fikir pihak Bank Pertanian tidak akan merasa berat untuk menghulur pertolongan. Soalnya pada hari ini ialah bahawa kita tidak menunjukkan satu kesungguhan untuk benar-benar menceburi di dalam lapangan ini. Kita hanya berpura-pura. Hari ini kita mendapat lesen, besok kita tidak dapat mencari sesiapa jua yang boleh menolong kita untuk memperolehi bantuan kewangan ataupun sokongan yang lain. Ini masalah yang kita hadapi. Jangan kita hendaknya salahkan Kerajaan.

Saya tidak bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa Kerajaan hanya menegakkan benang basah semata-mata. Kerajaan memberi pertolongan tetapi rakyat pula mesti menyahut. Jadi sahutan ini memerlukan kemurnian hati, kesucian hati dan kejujuran seseorang.

Saya rasa biarlah saya teruskan, Yang Berhormat. Kalau kita hendak bincangkan masalah ini, tidak habislah. Nampaknya panjang juga jawapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memanglah menggalakkan pelabur-pelabur mengambil nelayan kecil sebagai rakan kongsi mereka

tetapi malangnya nelayan-nelayan kecil tidak begitu berminat untuk berkongsi dengan pelabur-pelabur tersebut. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama untuk menggalakkan supaya nelayan tempatan dapat menceburi di dalam perusahaan di laut dalam, Kerajaan melalui Bank Pertanian Malaysia telah menyediakan Skim Kemudahan Kredit untuk memberi pinjaman kepada nelayan dengan mengenakan syarat-syarat yang mudah.

Berhubung dengan cadangan supaya diadakan ordinan-ordinan tertentu untuk membolehkan bot-bot nelayan didaftar di mana kenyataan pendaftaran tersebut diterima sebagai cagaran kepada bank, suka saya menyatakan bahawa kos sesebuah bot 70 g.r.t. adalah tidak sampai \$400,000. Purata kos sebuah bot ialah di antara \$200,000 sehingga \$250,000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Bank Pertanian Malaysia telah memberi kelonggaran kepada nelayan supaya bot-bot digunakan sebagai cagaran. Oleh yang demikian ordinan yang tersebut tidak diperlukan.

Mengenai dakwaan benih-benih tidak mencukupi untuk menggalakkan industri ternakan udang harimau, sukacita dimaklumkan bahawa negara ini telah mengalami kekurangan benih udang harimau. Pusat Penyelidikan dan Pengeluaran Benih Udang Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan mampu mengeluarkan benih yang mencukupi. Di samping itu teknik pengeluaran dan penetasan benih udang harimau juga ditunjukajar kepada pihak swasta. Pihak swasta juga telah dapat menubuhkan pusat penetasan bagi memenuhi keperluan tempatan ke atas benih udang harimau.

Berhubung dengan penguatkuasaan Akta Perikanan, 1985, sukacita dimaklumkan bahawa dalam melaksanakan Akta ini Kerajaan tidak

bermaksud untuk menyusahkan nelayan kecil dan nelayan-nelayan miskin. Sebaliknya Akta itu diwujudkan untuk melindungi kepentingan mereka. Nelayan yang tidak bersalah seharusnya tidak perlu merasa gelisah. Dalam soal ini pihak Kerajaan akan tetap mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang. Adalah dimaklumkan Kementerian Pertanian telah menunaikan janji-janji bahawa bot-bot tradisi yang kecil tidak akan dikompaun atau dibawa ke mahkamah. Ini dapat dibuktikan dengan bilangan kes nelayan-nelayan pukat hanyut yang tidak memiliki lesen bot dan perkakas pukat hanyut yang telah dilepaskan dengan amaran sahaja.

Bilangan kes-kes yang dilepaskan dengan amaran sahaja ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kes</i>
1986	Tiada
1987	136
1988 (sehingga November)	98

Ini adalah untuk menentukan pendapatan nelayan-nelayan tradisi tidak terjejas. Sebelum sesuatu tindakan undang-undang diambil nelayan-nelayan tradisi akan diberi amaran sebanyak 3 kali. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang ditetapkan sebelum dikenakan kompaun minima sebanyak \$500. Amaran ini membuktikan bahawa Kerajaan memang berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu peruntukan yang melindungi kepentingan nelayan-nelayan kecil. Walau bagaimanapun, untuk kes-kes bot yang memiliki pukat komersial seperti pukat tunda atau pukat jerut atau pukat kengka tanpa lesen, Kementerian tidak akan bertolak-ansur. Ini adalah kerana pukat-pukat komersial ini khasnya pukat tunda kebiasaannya ditangkap dalam perairan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang bangun.

Tuan Ngoi Thiam Woh: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tidak cukup bilang (korum).

Tuan Yang di-Pertua: Korum, ya! Sila bilang. 21 orang, tidak cukup korum. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 28 Ahli hadir).

Tuan Yang di-Pertua: 28 Ahli, sudah cukup korum. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, zon ini adalah zon yang dikhaskan untuk nelayan-nelayan pukat tradisi dan jika kes-kes seperti ini dilepaskan, nelayan-nelayan tradisi pula akan menjadi mangsa.

Untuk kes-kes pukat tunda atau pukat jerut yang melanggar zon-zon menangkap ikan yang dikhaskan itu, Kementerian juga telah memberi kelonggaran sejauh setengah batu untuk bot-bot nelayan Zon "B" yang menceroahi Zon "A" dan satu batu untuk bot-bot nelayan Zon "C" yang menceroahi Zon "B". Kes-kes seperti ini tidak akan dikompaun tetapi dilepaskan dengan amaran sahaja.

Mengenai kes di kawasan Parlimen Jerai, yang telah dibawa ke mahkamah, dimaklumkan ini adalah kes bot yang memiliki pukat tunda tanpa lesen. Jika Kementerian tidak mengambil tindakan, ini mungkin menggalakkan pencerobohan di kawasan nelayan tradisi. Mengenai

hukuman denda yang tinggi, Kementerian tidak mempunyai kuasa kerana ini adalah atas budibicara mahkamah.

Mengenai program penempatan semula nelayan, sukacita dimaklumkan bahawa pendekatan kawasan pembangunan nelayan yang dijalankan oleh LKIM adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan nelayan serta meningkatkan industri perikanan. Sehubungan dengan itu, pembangunan ekonomi masyarakat nelayan adalah diseimbangkan dengan pembangunan sosial dan persekitaran yang selesa. Di bawah perkataan ini penyelarasan dibuat bagi menentukan peranan beberapa Kementerian, Jabatan dan agensi yang terlibat dalam program penempatan semula perkampungan nelayan agar ianya dapat diwujudkan dengan berkesan.

Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyediakan peruntukan kemudahan jalan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain manakala Kementerian Pertanian pula berusaha untuk menyediakan kemudahan asas yang diperlukan oleh nelayan seperti bengkel dan balai serbaguna bagi membolehkan nelayan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berupaya untuk menghasilkan pendapatan yang lebih lumayan. LKIM dengan kerjasama agensi-agensi latihan juga menyediakan peluang-peluang latihan dan kursus kemahiran kepada nelayan serta keluarga nelayan di dalam bidang perniagaan dan pemerosesan. Usaha yang hendak dijalankan oleh Kementerian Pertanian hanya akan berjaya sekiranya Kerajaan Negeri dapat menyediakan tapak-tapak rumah yang sesuai bagi membolehkan rancangan ini benar-benar dilaksanakan. Agensi di bawah Kementerian Pertanian iaitu Bank Pertanian Malaysia telah mengambil

langkah bagi menyediakan kemudahan pinjaman untuk pembinaan rumah secara berkelompok.

Berhubung dengan masalah pemasaran bagi buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Langat, dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang wajar untuk mengatasi halangan-halangan yang membantut usaha-usaha pemasaran komoditi-komoditi tersebut. Kegiatan-kegiatan pembangunan untuk meningkatkan mutu dan kebersihan hasil-hasil pertanian, penggunaan teknologi baru untuk mengurangkan kerugian sebelum dan selepas tuai serta penggunaan benih baru diperkenalkan. Kerajaan juga sedar untuk memenuhi syarat-syarat pengeksportan hasil pertanian negara ini, usaha-usaha pengeluaran hendaklah diatur secara komersial. Dalam hal ini Kerajaan menggalakkan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara besar-besaran. Beberapa syarikat swasta yang besar telah pun melibatkan diri dalam usaha penanaman ini khususnya mengenai buah-buahan yang dikenalpasti berpotensi seperti belimbing besi, betik eksotika, jambu batu dan juga pisang mas.

Bagi tujuan menggalakkan kegiatan eksport hasil pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, Kerajaan melalui Kementerian dan Jabatan yang berkenaan bersama-sama dengan pihak swasta turut mengadakan beberapa program-program galakan pasaran di luar negeri melalui rombongan-rombongan perdagangan dan kegiatan-kegiatan promosi yang lain. Ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan buah-buahan khususnya di negara-negara yang berpotensi seperti negara-negara di Timur Tengah, Jepun dan Eropah Barat.

Selain daripada itu usaha-usaha pengekelan pasaran juga diadakan di destinasi pasaran-pasaran tradisional seperti Singapura dan Hong Kong. Untuk mengukuhkan lagi peluang pasaran buah-buahan di luar negeri, Kerajaan juga akan mengadakan skim penggredan ke atas buah-buahan seperti pisang mas, betik eksotika dan belimbing besi mulai tahun hadapan sebagai langkah kawalan mutu bagi memenuhi syarat-syarat pasaran di luar negeri.

Kerajaan juga sedar bahawa untuk menjamin pasaran buah-buahan dan sayur-sayuran, sememangnya perlu kegiatan-kegiatan pemerosesan komoditi ini dilaksanakan untuk tujuan menambah nilai serta memastikan jangka masa dapatan hasil-hasil pertanian berkenaan diperluaskan. Untuk tujuan ini FAMA telah pun mengadakan beberapa kajian dan juga telah berbincang dengan pengilang-pengilang khususnya pengilang-pengilang yang mengeluarkan bahan-bahan makanan yang menggunakan hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan bagi mengenalpasti keperluan dan kehendak pengilang-pengilang berkenaan. Maklumat-maklumat ini seterusnya disalurkan kepada pengeluar-pengeluar yang berpotensi dan dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pengilang-pengilang.

Kegiatan FAMA dalam memastikan hasil-hasil pertanian keluaran petani-petani kecil terutamanya yang mengusahakan tanaman-tanaman kontan seperti ubi kayu, pisang, sayur dan lain-lain lagi juga diperluaskan dengan mengadakan program pasar tani bagi tujuan menyediakan tempat berniaga kepada petani-petani tanpa melalui perantara pasaran. Melalui pasar tani petani-petani ini dapat menjual hasil pertanian dengan harga yang lebih baik di samping menjamin pengguna-pengguna mendapatkan

barangan yang segar dan harga yang berpatutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ini FAMA telah mewujudkan sejumlah 63 buah pasar tani di mana adalah dianggar sejumlah \$2 juta telah dapat dipasarkan melalui pasar-pasar tani dalam tempoh sebulan. Pasar tani akan terus diperluaskan di masa-masa hadapan dengan harapan sekurang-kurangnya setiap daerah mempunyai pasar tani dan membuka peluang yang lebih luas untuk petani-petani menjalankan perniagaan lebih kerap di pasar-pasar tani. Usaha-usaha juga sedang dibuat untuk mengadakan sebuah pasar borong tani bagi membolehkan petani-petani menjalankan perniagaan hasil-hasil pertanian dalam jumlah yang lebih besar dan ini akan menolong mereka pula mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang lebih banyak.

FAMA juga telah mengadakan program kempen galakan hasil pertanian dalam negeri untuk menyedarkan rakyat negara ini terutamanya tentang khasiat dan keenakan hasil-hasil pertanian tempatan. Ini telah dijayakan dengan beberapa kempen seperti kempen minum air kelapa muda, kempen makan ulam dan sayur-sayuran tempatan, kempen lebihkan makan buah-buahan tempatan serta kempen minum susu segar tempatan. Melalui kejayaan yang dicapai dalam kempen-kempen ini ianya sudah tentu mempertingkatkan permintaan ke atas komoditi-komoditi berkenaan dan meluaskan saiz pasaran hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani di negara ini.

FAMA juga memberi khidmat sokongan kepada percubaan persatuan pengeluar-pengeluar sesuatu hasil pertanian supaya dengan adanya pengeluar secara berkelompok ini akan memudahkan lagi usaha-usaha pengaturan pasaran dan pengeluaran.

Khidmat sokongan FAMA ini adalah seperti yang dihulurkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan, Persatuan Penternak Ayam Kuala Pilah, Persatuan Penanam-penanam Sayuran Bukit Teh, Pulau Pinang, Persatuan Penanam-penanam Cendawan di Batu Pahat dan sebagainya.

Selain daripada itu FAMA juga telah terlibat dalam kegiatan perniagaan hasil-hasil pertanian dengan membeli hasil-hasil pertanian di kawasan-kawasan pengeluaran kurang bersaing dengan harapan bahawa penglibatan FAMA ini mendorong pembeli-pembeli lain meningkatkan lagi harga dan seterusnya menjamin pasaran hasil-hasil keluaran petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu telah membangkitkan soal turun naik harga barangan utama seperti lada hitam dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mempertingkatkan dan membaiki mutu hasil tanaman. Sukacita dimaklumkan bahawa MARDI telah dan juga sedang menjalankan kajian-kajian bagi meningkatkan mutu dan hasil tanaman lada hitam. Kajian-kajian yang dijalankan ialah sistem pemangkasan, pembajaan, kawalan musuh dan penyakit, pengendalian lepas tuai, pemerosesan dan penanaman menggunakan sokongan hidup untuk mengurangkan kos pengeluaran. Jabatan Pertanian Sarawak khasnya dan MARDI juga menjalankan kajian pembaikan baka-baka untuk mendapatkan baka-baka yang lebih baik dan berhasil tinggi.

Jabatan Pertanian Sarawak baru-baru ini telah mengisytiharkan satu jenis hybrid lada hitam yang lebih baik untuk tanaman diberi nama Semonggok Perak. Jenis yang ditanam sekarang adalah variety Kucing yang masih lagi sesuai untuk tanaman.

Teknologi-teknologi pemangkasan, kawalan musuh yang berkesan dan pemerosesan lada telah diwujudkan dan boleh diamalkan.

Sokongan hidup jenis dedak boleh digunakan untuk tanaman lada seperti jenis Kuching tanpa pengurangan hasil yang ketara. Malaysia telah pun menjadi ahli Pertubuhan Lada Antarabangsa di mana kita telah pun mendapat banyak faedah seperti maklumat semasa industri, pertukaran baka-baka lada hitam yang berhasil tinggi dan lain-lain.

Mengenai cadangan untuk mengadakan stockpile bagi lada hitam bagi tujuan menstabilkan harga di pasaran tempatan, dimaklumkan bahawa pengwujudan stockpile dan penetapan harga minima adalah sebenarnya berkait di mana dengan adanya stockpile harga minima dapat ditetapkan. Walau bagaimanapun pertimbangan dari segi kos mewujudkan stockpile, nilai sesuatu komoditi dan tujuan-tujuan lain seumpama keselamatan hendaklah diambil kira terlebih dahulu. Dalam hal ini harga komoditi lada hitam sangatlah dipengaruhi oleh keadaan penawaran dan permintaan di pasaran dunia. Perlu diingat terdapat juga negara-negara lain yang mengeluarkan lada yang menjadi persaingan kepada pengeluaran lada di negara ini. Kemerosotan harga lada yang telah berlaku adalah diakibatkan daripada terdapatnya lebih penawaran di pasaran dalam lingkungan 10,000 metrik ton.

Walaupun bagaimanapun harga lada di waktu ini telah meningkat kepada \$480 bagi setiap 100 kilogram yakni satu paras yang melebihi kos pengeluaran lada iaitu di sekitar \$300 bagi 100 kilogram. Untuk menstabilkan harga lada hitam terdapat juga berbagai kaedah lain selain daripada mengadakan stockpile. Ini termasuklah penglibatan agensi-agensi berkaitan seperti Jemaah Pemasaran

Lada Hitam (JPLH) dengan kegiatan pembelian terus lada daripada petani, langkah-langkah menembusi pasaran-pasaran baru seperti di Asia Barat dan mengukuhkan pasaran tradisi di Jepun, Eropah Barat dan Amerika Syarikat. Selain daripada itu di peringkat antarabangsa Malaysia sebagai ahli kepada International Pepper Community sedang berusaha menetapkan harga minima eksport dan langkah-langkah menggalakkan bersama. Usaha-usaha juga sedang dibuat untuk mempelbagaikan kegunaan lada seperti minyak wangi, resepi baru dan sebagainya sebagai kegiatan hiliran ataupun downstream activity, dengan izin, untuk menambah nilai lagi komoditi lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran-teguran kepada Kementerian Pertanian demi kebaikan Kementerian ini dan kepada soalan-soalan yang tiada berkesempatan bagi saya menjawabnya, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian telah pun mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pendidikan.

4.37 ptg.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan dengan mengatur dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan kritikan serta cadangan untuk memperkemaskan lagi segala aktiviti dan perjalanan Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bakri telah membangkitkan soal ketidakpuasan

sebahagian dari masyarakat Cina di bidang pendidikan dan mengesyorkan agar layanan yang adil diberikan kepada semua kaum. Saya mengambil berat pandangan yang sedemikian kerana saya kira pandangan sedemikian itu dicetuskan dari perasaan dan fahaman yang sempit dan tidak terbuka tentang perkembangan pendidikan di negara kita.

Apakah yang dimaksudkan dengan keadilan dalam bidang pendidikan? Dengan izin, apakah yang diertikan dengan "democratisation of access to education", kalau tidak untuk menjamin supaya masyarakat kita—sama ada dari bandar, luar bandar, desa dan pendalaman—mendapat kemudahan dan peluang secukupnya dengan kemudahan infrastruktur, dengan makmal, perpustakaan, pusat sumber. Sepatutnya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab tidak harus menyuarakan pandangan sukuan dan kaum yang sempit di Dewan yang mulia ini. Mereka harus lebih peka, lebih bertanggungjawab, lebih perhatian terhadap nasib yang dialami oleh masyarakat terbanyak di negara kita. Kita menekankan pendemokrasian dengan menjamin bahawa anak-anak Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, sama ada dari bandar, luar bandar dan pendalaman mendapat peluang yang secukupnya. Apakah kita tidak dapat melihat kenyataan bahawa masih banyak sekolah-sekolah di kawasan pendalaman Sabah dan Sarawak yang memerlukan pembelaan dan menuntut peruntukan yang lebih besar? Apakah kita buta dengan kenyataan bahawa sekolah-sekolah di luar bandar kita masih ketinggalan dalam serba serbi bidang dan apakah tidak adil sekiranya Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan memilih untuk menambah peruntukan menjamin supaya rakyat luar bandar dan kawasan pendalaman setelah 30 tahun lebih mencapai kemerdekaan tidak mendapat peluang dan peruntukan yang lebih?

Saya faham bahawa sebenarnya sekolah-sekolah yang dipelajari oleh anak-anak kita dari kaum Cina seperti juga Melayu, India, Iban, Kadazan dan lain-lain mengalami masalah dan saya akan menerima baik pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, apakah dari Pembangkang atau juga dari Bakri sekiranya memberi cadangan dan meminta supaya Kementerian menimbangkan kedudukan sekolah-sekolah tertentu yang memerlukan perhatian yang lebih.

Ini mungkin Sekolah Rendah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Cina atau juga Sekolah Rendah Tamil tetapi yang saya amat dukacita dan kesal sekali ialah sikap yang amat tidak bertanggungjawab meluahkan satu pandangan seolah-olah mereka ini sebagai Ahli-ahli Parlimen tidak mengetahui sama sekali apa yang berlaku selain daripada yang dialami oleh kaum mereka sahaja. Apakah mereka tidak tahu tentang apa yang dialami oleh anak-anak kita, anak-anak kita semuanya, apakah Cina, Melayu atau India di luar bandar, kawasan estet atau kawasan pendalaman? Sebab itu dari segi peruntukan, pembinaan sekolah menengah tahun lalu umpamanya peruntukan terbesar adalah untuk Sabah, bukan kerana kita memilih Sabah sebagai negeri yang patut diberikan segala kemudahan. Tetapi kebetulan kerana kemudahan di Sabah relatif dengan perkembangan di Pulau Pinang atau di Selangor adalah lebih ketinggalan, maka peruntukan dicurahkan lebih di negeri tersebut. Itu pun dari masa ke semasa kita juga mendengar keluhan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dari Sabah juga seolah-olah tidak ada sesuatu yang dibuat dan seolah-olah ada suatu diskriminasi terhadap sekolah-sekolah di kawasan pendalaman Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya memilih untuk memberi penjelasan ini kerana

ada batasnya untuk mana-mana ahli politik mahu popular di kalangan kaum mereka sendiri. Masyarakat harus diberitahu dan pemimpin-pemimpin kaum masing-masing harus lebih berani dan bertanggungjawab untuk menerangkan kenyataan. Dan saya harap masyarakat kita dari pelbagai kaum akan dapat menimbangkan secara saksama dan memilih pemimpin-pemimpin yang lebih bertanggungjawab untuk membela kepentingan rakyat keseluruhannya dan tidak terperangkap dengan pandangan negatif dan pandangan yang merugikan yang dilahirkan oleh sentimen perkauman yang sempit dan yang tidak tunduk dan jejak kepada kenyataan yang berlaku di negara kita.

Yang Berhormat dari Padang Serai dan juga dari Bakri membangkitkan soal cadangan meminda Akta Pelajaran 1961. Saya ingin mengulangi kenyataan yang telah saya buat sebelum ini bahawa janganlah dijadikan pendidikan, lebih-lebih lagi isu pindaan Akta Pelajaran sebagai isu politik perkauman yang sempit. Kita sedang di ambang tahun-tahun 90an dan akan sampai ke tahun 2000. Perubahan dalam bidang pendidikan amat ketara sekali. Reformasi berlaku secara menyeluruh dan total di Jepun umpamanya, reformasi pendidikan diperkenalkan secara yang agak menyeluruh di United Kingdom.

Di Malaysia, kita juga membahaskan soal reformasi pendidikan. Tetapi seluruh perbahasan mengenai reformasi pendidikan akan tenggelam sekiranya beberapa pemimpin-pemimpin politik sama ada dari kalangan Komponen Barisan Nasional atau lebih-lebih lagi parti Pembangkang, memilih untuk mempolitik dan menyempitkan isu ini untuk menghangatkan, membakar semangat kaum, akhirnya mutu pendidikan tidak dibicarakan, pendemokrasian pendidikan tidak dibahaskan, pendidikan dalam

hubungan perkembangan industri, perkembangan vokasional, pelan induk perindustrian tahun-tahun yang mencabar tidak akan difahami. Justeru kerana kita yang memimpin gagal untuk memberikan cadangan dan saranan yang rasional mengenai pendidikan keseluruhannya. Apakah aspek-aspek yang harus kita bahaskan dalam menyentuh soal pendidikan ini? Tentunya kita mahu pertahankan semangat Penyata Abdul Razak dan Penyata Abdul Rahman Talib yang membahaskan soal perpaduan dan integrasi nasional, soal menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang berkesan dan utama, sebagai alat komunikasi dan kini kita bicarakan mengenai bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa yang memungkinkan terbentuk dan terdirinya bangsa yang bertamadun tinggi berdasarkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu. Tetapi ini juga harus dikukuhkan dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang harus lebih berperanan dan penting. Ia harus menjelaskan keperluan untuk mempertahankan kedudukan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dalam sistem persekolahan kerana kedudukan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah dijelaskan dalam peruntukan-peruntukan utama Akta Pelajaran yang kita maksudkan.

Soal pendemokrasian pendidikan untuk menjamin bahawa keadilan itu jangan untuk satu kelompok kecil, keadilan dalam bidang pendidikan jangan dipusatkan di bandar sahaja, keadilan ini biar lebih merata, biar di bandar, luar bandar dan pedalaman. Jangan ada kawasan yang tertinggal dan disisihkan dari perkembangan menyeluruh di negara kita. Kita mahu reformasi pendidikan menyentuh juga soal mutu pendidikan dan kecemerlangan ilmu. Tidak sekadar belajar tanpa disiplin, tanpa, dengan izin, "love for scholarship", tanpa minat dan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan.

Pendidikan juga harus menekankan soal moral, disiplin, agama. Oleh yang demikian, kita tambah penekanan dan fahaman tentang integrasi ilmu melalui falsafah pendidikan termasuk pendidikan Islam bagi pelajar-pelajar Islam dan pendidikan moral bagi pelajar-pelajar bukan Islam. Dan yang penting kita mahu melihat reformasi pendidikan ini dan pindaan Akta Pelajaran 1961 menjelaskan tentang keperluan mempertahankan harmoni dan keyakinan semua masyarakat di negara kita tentang satu falsafah pendidikan dan dasar pendidikan yang boleh diterima umum. Jadi, kebimbangan yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat sepatutnya tidak timbul. Saya menerima baik pandangan sekiranya ia dilahirkan dengan semangat untuk memperkemas, memperlengkap, memperbaiki dan tidak untuk menghangatkan atau menimbulkan kecurigaan dan kebimbangan terhadap beberapa peruntukan tertentu dalam Akta ini.

Saya ingin memberi jaminan dan mengulangi bahawa apa yang telah dijanjikan oleh Kerajaan sebelum dan sesudah pilihanraya akan ditunai. Dan ini bermakna satu kajian menyeluruh tentang Akta ini dengan aspek-aspek yang mencakup keperluan, merobah sistem pendidikan dengan mengambil kira perubahan yang cepat berlaku dalam dunia pendidikan. Tuntutan dunia gelombang ketiga, kalau boleh, saya pinjam pandangan Alvin Toffler iaitu matapelajaran Telematik, Informatik yang menuntut pelajar-pelajar kita lebih terbuka dan terdedah dengan ledakan "information" dan dunia yang begitu pesat berubah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bakri juga telah membangkitkan kedudukan twinning programme, dengan izin, ataupun pusat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengekalan Chepa bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana saya nampak Menteri Pendidikan begitu sekali serius untuk memberi jawapan kepada wakil Bakri sekejap tadi. Saya minta penjelasan kerana wakil dari Bakri tadi ialah rakan ataupun kongsi Kerajaan sendiri yang wujud dalam tempoh 30 tahun lebih. Begitu juga Dasar Pelajaran pun sudah diterima oleh semua kaum sejak dari awal sampai hari ini. Apatah lagi anggota dari MCA sendiri telah dapat menganggotai Kabinet dengan Menteri dan Timbalan Menteri, tetapi hari ini jelas suara yang sumbang yang tidak memuaskan hati Kementerian Pendidikan sendiri kerana disuarakan oleh pihak anggota Kerajaan sendiri, maka saya ingin tahu dari manakah punca yang menyebabkan timbul perasaan seperti ini? Adakah pihak Kerajaan mengangap suara itu benar-benar datang daripada sentimen ataupun semangat perkauman ataupun kerana ada sesuatu kelemahan yang berlaku dalam Kerajaan sendiri. Sebab saya rasa tidak munasabah kalau dasar yang sudah diterima oleh semua kaum dan wakil dari Bakri itu anggota daripada Kerajaan sengaja untuk menimbulkan masalah seperti ini yang menyebabkan, saya nampak, Kementerian Pendidikan tidak begitu senang dengan hujah yang dikemukakannya. Jadi, saya ingin tahu dari manakah punca yang boleh menimbulkan masalah ini. Kalau kami dari pihak pembangkang tidak jadi masalah, kerana mungkin kami tidak dapat melihat dari dekat, tetapi rakan

daripada MCA, dalam rumah sendiri, tetapi mengapakah yang boleh timbul masalah ini? Saya minta penjelasan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini adalah giliran Bakri dengan DAP, giliran Pengkalan Chepa akan tiba selepas ini. Kita amalkan sistem demokrasi, ada kebebasan. Ahli Yang Berhormat itu merasakan perlu membangkitkan, dan saya memilih untuk memberikan penjelasan, termasuk kepada ahli-ahli komponen Barisan Nasional, penyokong Kerajaan sendiri. Penjelasan ini perlu dan saya tidak mempertikaikan hak Ahli Yang Berhormat dari Bakri itu untuk mengemukakan pandangan beliau—tak tahulah kalau PAS memerintah, mungkin dia tidak boleh membenarkan penyokong-penyokongnya bercakap semacam itu (*Tepuk*).

Yang keduanya, tentang masalah kelemahan kerana kegagalan sebahagian dari kita memahami, saya terima baik pandangan ini. Sebab itulah saya memilih untuk menggunakan ruang waktu yang ada untuk memberikan penjelasan bagi sekian kali. Tetapi soal orang yang duduk sekali ataupun sudah terima konsep ini, katalah 30-40 tahun masih kurang faham, ini perkara biasa, Tuan Yang di-Pertua. Orang yang sudah terima Islam puluhan tahun pun ada yang tak faham lagi. Kita sudah terima beratus tahun pun kadang-kadang banyak juga kekeliruan, tetapi kita harus terangkan, sabar dan menyampaikan penerangan dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bakri membangkitkan tentang Pusat Pendidikan Persediaan (PPP) yang dikendalikan oleh ITM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan kini mewujudkan konsortium dengan universiti Amerika Syarikat dan juga United Kingdom. Kebimbangan Ahli Yang Berhormat

itu ialah kerana seolah-olah satu program khas bagi bumiputera dan tidak memungkinkan bukan bumiputera mengikuti program yang sama. Sebenarnya saya perlu menjelaskan bahawa program Tuan Yang di-Pertua, Split Degree atau "Twinning Programme" yang dijalankan itu dijalankan juga oleh sektor swasta, kolej-kolej peringkat pengajian tinggi banyak telah diwujudkan dan saya kira 99% dari pelajar-pelajar di kolej-kolej swasta ini adalah pelajar-pelajar bukan bumiputera. Kita memilih untuk menyokong usaha-usaha sama ada PPP (ITM) ataupun kolej-kolej sektor swasta ini kerana adalah lebih baik pelajar-pelajar sama ada bumiputera atau bukan bumiputera menuntut di dalam negeri, membuat persiapan satu-dua tahun dan kemudian melanjutkan pelajaran di luar negeri kerana ini akan menjimatkan pertukaran wang asing menyediakan pelajar yang lebih matang sebelum mereka ke luar negeri. Oleh itu, Kementerian bercadang untuk mewajibkan pelajaran Bahasa Malaysia/Pendidikan Islam/Moral dan Sejarah dalam semua program PPP.

Isu siswazah menganggur telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Marudu dan Bakri . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tak bangun?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad: Jawablah dulu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ahli yang Berhormat dari Pengkalan Chepa takut saya lupa, insya Allah, soal yang dibangkitkan itu perkara yang penting dan Kerajaan sebenarnya telah mengambil daya usaha yang bersungguh-sungguh. Jawatankuasa Peringkat Menteri telah ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan

masalah ini bersama dengan Kementerian Buruh, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan dan belanja yang diluluskan untuk maksud ini juga tinggi. Sebahagian dari siswazah menganggur diambil menjadi pegawai sementara di bawah Skim Khidmat Sementara, sebahagian lain diambil untuk mengikuti kursus skim latihan khas. Pihak swasta telah diminta untuk mengambil pekerja-pekerja itu dalam program latihan dan internship supaya membolehkan mereka mendapat pengalaman yang secukupnya dan bekerja. Universiti-universiti diminta untuk mengubahsuai beberapa kursus supaya dapat melahirkan siswazah yang diperlukan.

Umpamanya, sepertimana yang telah saya sebutkan di Dewan yang mulia ini kita memerlukan guru Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa arab, bahasa Cina dengan banyaknya. Oleh yang demikian, kursus-kursus yang seperti ini digalakkan sementara kursus baru di bidang industri diperkenalkan kerana kita sedang menuju kepada perkembangan perindustrian yang pesat. Oleh itu, kursus seperti informatik, telematik dan juga beberapa aspek kejuruteraan dan komputer juga dikembangkan. Beberapa kursus lain yang kurang diperlukan diminta dikesilkan termasuklah sains dengan pendidikan.

Soal pendedahan kepada pelajar tentang aspek kerohanian, fikrah, fizikal—ini sebenarnya selari dengan falsafah pendidikan kita sekarang. Saya percaya, kalau Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengikuti falsafah pendidikan yang menyebut di antara lain: Mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi rohani, intelek, jasmani dan emosi", itu dengan sendirinya akan menjawab, bahkan disusun dengan

perkataan dan konsep perancangan yang lebih baik dan terencana daripada apa yang pernah digambarkan oleh Parti PAS selama ini. Jadi, saya harap kita ambil satu sikap yang terbuka dan melihat keperluan, memahami falsafah dengan pembaharuan dan perubahan yang berlaku sekarang.

Dalam KBSM umpamanya, kita telah menekankan supaya agama Islam bukan sahaja dipelajari dengan lebih lagi tetapi menjadikan matapelajaran amali supaya ada waktu berjamaah bersama-sama, kemudian ditambah dengan beberapa fahaman basic tentang tasawwur, konsep fahaman Islam itu supaya boleh melahirkan insan yang sepadu yang disebutkan. Tetapi oleh kerana kita menekankan falsafah pendidikan tentang integrasi ilmu ini maka kita tidak mahu dikelirukan seolah-olah yang diminta ialah kefahaman tentang pengajaran agama yang terpisah daripada kepentingan ilmu-ilmu seperti matematik, sains, bahasa dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga merasa bimbang kerana pelajar-pelajar Islam dikirim ke Amerika Syarikat untuk belajar Islam dan lain-lain. Ini saya tidak faham. Inilah yang menjadi masalah kita kerana agama itu disempitkan. Monopoli agama itu mahu dikhususkan kepada satu-dua institusi seolah-olah orang yang mempelajari Islam di Amerika Syarikat itu akan balik dan menyesatkan. Ada Sheikhul Azhar yang belajar di Sorbonne dan kembali sebagai Sheikhul Azhar. Begitu juga ramai ulamak-ulamak lain yang kita tahu atau sarjana-sarjana yang menjadi pakar bidang ekonomi, bank Islam, takaful dan aspek-aspek yang khusus itu mendapat pendedahan dalam ilmu agama tradisional dan juga ilmu moden, dan itu diperolehi kerana kebetulan ilmu dunia yang mencabar

itu dikuasai juga sebahagiannya oleh Barat. Kita tidak boleh belajar teknologi dan informatik, telematik dan sains komputer dari beberapa dunia Arab, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, pendedahan ini amatlah perlu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya ingin mendapat penjelasan sekali lagi sebab saya dapat menangkap apa yang dihujah oleh Menteri Pendidikan tadi bukan sebenar untuk memberi jawapan kepada apa yang saya bangkitkan, tetapi lebih mengelirukan lagi. Sebab saya tidak memperhujahkan setiap manusia yang mempelajari di mana-mana sekalipun. Sebab Islam sendiri memberi ruang begitu luas "khitubul ilma walau bissyyin"—beljarlah ilmu ini di mana sekalipun walaupun di negeri China.

Cuma saya mengingatkan kepada pengaruh-pengaruh yang boleh membawa dan boleh mempengaruhi kita bila kita tidak mempunyai asas dan kita itu lemah dengan pegangan sendiri sebagaimana contoh yang saya tunjuk, sudah berlaku ahli-ahli agama sendiri, tetapi setelah sudah dilatih di Amerika balik mengeluarkan kenyataan di zaman Rasulullah ada tarian. Habislah. Ada tarian. Dia tidak menjelaskan tarian yang berlaku itu. Ini satu benda yang boleh mengelirukan masyarakat seolah-olah Nabi sendiri menari dan Nabi menggalakkan menari. Dia tidak menceritakan yang berlaku itu ialah Abu Lahab, Abu Jahal ataupun geng-geng dia. Sepatutnya berilah penjelasan secara cukup. Dalam dua tiga hari baru-baru ini berlaku pula dalam Majlis Ceramah Maulut di Perak, orang sama juga kalau tidak salah saya mengatakan tidak salah

membuat kilang arak kerana yang kita mengadakan kilang arak itu untuk orang kafir. Ini hujah-hujah yang mengelirukan.

Saya mengingatkan janganlah cuba mempolitikkan, untuk melindungi daripada kenyataan yang sebenar, sebab Islam ini memanglah luas. Inilah selalu tidak dapat diterima oleh orang-orang UMNO khususnya Menteri sendiri. Jadi, saya dukacitalah kalau hendak mengelirukan hujah sebab saya semata-mata untuk mengingatkan. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta penjelasan sedikit lagi itu mengenai usaha Menteri Pendidikan untuk membetulkan insan yang kamil dan sebagainya. Tetapi saya tidak nampak hari ini dengan suasana yang berlaku kerana masyarakat Malaysia hari ini sedang menghadapi keruntuhan moral, kerosakan moral. Dan dalam Utusan Melayu kelmarin pun satu kenyataan yang amat membimbangkan kerana tempat-tempat hiburan yang mempengaruhi kanak-kanak sekolah. Jadi kalau Kementerian Pendidikan ini benar-benar mengambil inisiatif atau berasa bertanggungjawab di dalam membentuk kerohanian manusia sudah tentulah suasana masyarakat Malaysia ini akan berubah. Kerana 31 tahun ini bukan satu masa yang singkat. Tetapi gejala yang boleh meruntuhkan keburukan masyarakat lebih teruk daripada zaman penjajah yang orang lain berkuasa. Tetapi hari ini kita mengagung-agungkan usaha kita dan matlamat kita sedangkan suasana yang berlakunya lebih membimbangkan.

Jadi, saya tidak nampaklah apa yang dihujahkan oleh Menteri Pendidikan itu. Itu sahaja, jangan cuba keliru.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah Ahli Yang Berhormat hendak nampak. Dia tidak pernah

melihat dan mengikuti perkembangan pendidikan secara saksama.

Di sekolah kalau kita lihat perkembangan pendidikan dan juga Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ada perubahan yang nyata. Dan saya anggap tidaklah adil bahkan tidak munasabah untuk menafikan bahawa wujud beberapa perubahan ini termasuk suasana dan persekitaran sekolah. Tetapi saya akui perubahan ini tidak berlaku secara mendadak. Ia memerlukan kefahaman Pengurus Sekolah, Pengetua, Guru Besar, guru-guru dan pelajar-pelajar. Saya tidak menafikan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bahawa ia memerlukan masa kerana anak-anak ini kalau dididik, disergah secara keras mungkin kurang bijaksana. Kalau terlalu lembut pun ada masalah. Oleh yang demikian saya anggap anak-anak kita ini harus diberi pengetahuan dan pendedahan yang secukupnya.

Saya sebenarnya hendak sampai ke mauduk yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Apa yang saya beri tadi, mukadimah tentang pendidikan. Jangan cuba hendak laga-lagakan di antara aliran agama Timur Tengah dengan yang belajar di Amerika dan United Kingdom. Mereka anak-anak kita belaka. Ada yang belajar di Amerika yang tidak baik. Ada yang belajar di Timur Tengah yang tidak baik pun ada juga. Ada yang baik di kedua-dua. Ada yang belajar di Timur Tengah tidak baik dan belajar di Amerika baik. Itu yang saya hendak tekankan dahulu.

Keduanya, Ahli Yang Berhormat tidak menegur dan mengkritik secara langsung Dekan Fakulti Islam Universiti Kebangsaan kerana beliau ini lulusan Amerika dan balik dengan idea-idea yang mengelirukan. Saya hendak menjelaskan bahawa orang yang berkenaan itu adalah lulusan Al-Azhar dan mengambil Kedoktoran

Falsafah (Ph. D) di Temple University, Philadelphia. Dan Universiti menganggap, atas pertimbangan Naib Canselor, beliau seorang yang berwibawa, mempunyai ilmu, pengetahuan yang secukup untuk memberikan pimpinan di Fakulti itu. Perlantikan Dekan sepertimana yang Tuan Yang di-Pertua tahu tidak ada kena mengena dengan Kementerian Pendidikan atau Menteri Pendidikan. Cuma saya kira satu lagi sikap yang ketara, yang merbahaya ialah untuk memilih, membuat hukuman kepada Pensyarah ini tanpa membaca dan meneliti karangan dia.

Kebetulan setelah Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membangkitkan isu muzik dan tarian yang dikatakan ada dan berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. Saya membaca rencana yang ditulis oleh Dr Faisal Othman, Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak sedikit pun pandangan itu mengatakan bahawa digalakkan semua orang menari. Diberi penjelasan bahawa ada pertimbangan kebudayaan dan akhlak, jangan mencampur-gaul berlebihan, jangan berpegang. Semuanya ini disebut. Jadi kalau pun hendak tegur saya kira biarlah adil. Kalau tidak. Kita gunakan Majlis, kita jatuhkan hukuman tanpa pertimbangan yang adil. Islam apa begini? Kalau kita betul-betul hendak mempertahankan Islam, harus adil kepada orang-orang ini. Dia membuat ratusan kenyataan, menulis buku dan rencana dan di antaranya menjelaskan bahawa ada berlaku peristiwa begini.

Saya pernah bertanya kepada beliau sebelum ini dan dia membangkitkan beberapa rencana termasuk karangan Imam Al-Ghazali dalam al-Munqidh min al-Dalal (kalau tidak salah saya) di mana disebut peristiwa ini juga berlaku di zaman Rasulullah dan

Rasulullah nampak tidaklah melarang atau menghalang.

Saya tidak mahu terlibat dalam polemik ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana walaupun Dekan yang berkenaan itu tersalah dalam kenyataan ini, saya tidak anggap beliau salah. Saya rasa sepatutnya cara kita menegur, membetulkan, harus wajar dan tidak menolak seluruh kemampuan, keupayaan kewibawaan dia. Dan pandangan ini sebenarnya cetusan pandangan Ahli Yang Berhormat

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Beri Yang Berhormat habis.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Pandangan Ahli Yang Berhormat ini mewakili satu sikap yang angkuh terhadap ilmu pengetahuan. Ini merbahaya, kerana kalau dibiarkan, maka semua orang yang berbeza pendapat sedikit pun dengan kita akan dihukum sebagai sesat belaka dan kita sahaja mewakili kebenaran mutlak.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan merasa apa yang saya hujah itu merupakan satu hukum yang tidak adil maka pada pandangan saya orang yang sama lebih tidak adil lagi. Kerana dia telah menghukum Syed Qtub ini manusia biasa. Dia manusia biasa. Belum tentu lagi ini benar ataupun tidak benar. Ini hujah secara terbuka. Sedangkan Syed Qtub ini sudah diisytiharkan oleh dunia sebagai seorang yang syahid. Dan dia telah membuat pengorbanan yang begitu besar untuk Islam, yang kita ini tidak pernah membuat satu pengorbanan tetapi kita sudah hukum orang syahid.

Itu belum tentu lagi. Ini suatu hukuman yang lebih teruk daripada apa yang saya hujah. Saya tidak hukum, saya beri kenyataan atas kenyataan. Bukan saya buat tuduhan, saya beri kenyataan atas kenyataan. Kalau tidak ada kenyataan, saya tidak buat kenyataan. Takkan Yang Berhormat tidak baca suratkhbar (*Ketawa*) dan sudah diisytiharkan bahawa Yang Berhormatlah orang yang banyak sekali membaca (*Ketawa*).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, merujuk khusus teguran Ahli Yang Berhormat mengenai Dekan, saya memilih untuk menjelaskan kerana Dekan yang berkenaan tidak hadir dan tidak boleh mempertahankan dirinya di Dewan yang mulia ini. Saya hanya menjelaskan kenyataan yang diterbitkan oleh akhbar Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebelum itu buku desertasi Ph.D beliau yang diterima oleh Department of Religion Temple University, di Amerika Syarikat.

Saya lihat dalam konteks itu beliau mempunyai satu pendirian Islam yang tegas, tidak mempertikaikan soal-soal yang thabit, yang tetap, mempersoalkan beberapa aspek furu' atau sampingan yang dibahaskan dan soal-soal ini beliau mengambil satu sikap yang agak terbuka. Tetapi beliau juga mewakili satu pandangan yang menentang keterlaluan dalam budaya muzik dan lain-lain. Perkara ini tidaklah cepat sangat kita membuat keputusan. Ini sahaja yang saya hendak sebutkan, kenyataan yang keterlaluan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Soal yang dibangkitkan baru ini ialah soal menuduh bahawa Dekan yang berkenaan itu mengutuk tokoh-tokoh syahid. Saya baca kenyataan beliau tidak kutuk. Beliau hanya mengatakan, saya tidak mewakili pandangan ini

dan tidak semestinya bersetuju. Saya cuma hendak menjelaskan, walaupun kita tidak bersetuju, jangan hukum keterlaluan. Dia cuma mempertikaikan beberapa keputusan dan kebijaksanaan keputusan tokoh-tokoh ini. Dia tidak mempertikaikan Rasulullah s.a.w. atau para sahabat, tetapi mempertikaikan pejuang-pejuang Islam yang contemporary, yang muasyir, yang semasa, yang dianggap ada kelemahan-kelemahannya. Itu sahaja. Saya hendak jelaskan dan saya tidak mahu terlibat dalam polemik khusus tentang isu ini. Mesej saya adalah jelas iaitu eloklah kita beri soal-soal hukum yang jelas. Umpamanya orang mempertikaikan Quran, orang mempertikaikan Hadis, itu mengikut fahaman saya ada batasnya dalam agama.

Orang-orang yang mempertikaikan hukum-hukum yang jelas, ini ada batasnya, tetapi kalau orang memberi pendapat tentang perkara-perkara seperti jenis tarian apa yang dibolehkan dan apa yang tidak dibolehkan, muzik apa yang boleh dibenarkan dan apa yang tidak dibenarkan dan kebetulan dia seorang sarjana Islam atau ulama atau Dekan Fakulti Pengajian Islam, kita harus menghormati pandangan itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak bertanya Yang Berhormat ini sama ada dia hendak membela dekan ataupun hendak membela kebenaran?

Yang kedua, saya tidak menghukum sesiapa dan adakah Menteri Pendidikan suka kalau satu orang yang bertanggungjawab memberi petua yang mengeliru sedangkan kita berhempas pulas untuk membersihkan

dari sebarang kekeliruan dan Menteri Pendidikan lebih bertanggungjawab untuk membersihkan kekeliruan, tiba-tiba hari ini Menteri Pendidikan lebih suka orang yang mengeluarkan hujah yang mengelirukan dan teguran saya itu sahaja. Kalau dia bertanggungjawab, janganlah mengeluarkan hujah-hujah yang mengelirukan. Bila keruh, bila cemar, bila kotor, bukan mudah hendak membersihkan, bukan mudah hendak membasuh dan bukan sebarang sabun boleh diguna. Itu tanggungjawabnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu melanjutkan lagi perbincangan dalam soal ini. Tetapi kalau boleh, saya hendak jelaskan, saya mempertahankan kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu bagi saya, keterlaluan, itu sahaja. Saya hormati kalau Ahli Yang Berhormat menganjur satu perbincangan dengan Dekan yang berkenaan supaya mendapat penjelasan.

Saya rasa sebagai orang yang mempertahankan tradisi akhiah dan ilmu termasuk di Pusat Pengajian Tinggi, saya tidak mahu terdorong dengan pendapat yang terlalu mengongkong dan menyekat. Sebab itu di universiti-universiti tempatan sekarang kita memberikan satu kelonggaran dan kebebasan yang lebih luas kepada Pensyarah dan kepada mahasiswa. Tetapi kalau fatwa itu melibatkan hukum yang jelas, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, saya tidak mahu mempertikaikan. Cuma yang dibangkitkan itu, kalau kita lihat dalam konteks yang menyeluruh, bukan fatwa yang mengelirukan. Masih ada ruang untuk berbincang dan elok diberi kesempatan kepada beliau untuk menjelas dan jangan menolak kewibawaan dan kemampuan beliau semata-mata kerana sebab satu kenyataan bahawa di zaman

Rasulullah s.a.w. ada tarian berlaku, itu sahaja.

Saya hendak beralih kepada masalah yang lain iaitu Ahli Yang Berhormat dari Semporna yang meminta sekolah dibangunkan lebih banyak di luar bandar dan ini memang selari dengan dasar yang ada sekarang, termasuklah di Sabah dan Sarawak. Keterangan-keterangan secara terperinci memang telah diedarkan oleh Kementerian dan akan diperolehi dari Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

Masalah kekurangan guru terlatih, termasuk Sabah dan Sarawak, memang mendapat perhatian. Sebab itulah calon guru-guru di Maktab Perguruan dan Universiti diberi keutamaan kepada calon-calon berkelayakan dari negeri Sabah dan Sarawak. Kalau ada calon dari Sabah dan Sarawak yang mempunyai kelayakan yang kurang pun memang diberikan peluang dan kursus-kursus tambahan juga diberikan. Sejak tahun 1986, pengambilan guru-guru untuk berkursus di Maktab-maktab Perguruan di Sabah adalah bertambah. Sebanyak 95% dari jumlah calon yang dipilih terdiri daripada anak-anak tempatan Sabah dan Sarawak dan hanya 5% sahaja calon-calon luar dari Sabah atau Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis membangkitkan masalah taraf pencapaian murid-murid di Sabah dan juga Sarawak berbanding dengan rakan-rakan mereka di Semenanjung. Langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki masalah ini ialah untuk menjamin kelayakan guru dan juga kemudahan-kemudahan yang cukup bagi sekolah-sekolah tersebut. Mengenai kekurangan guru-guru berijazah, elok saya jelaskan bahawa sekarang ini terdapat 1,112 orang guru berijazah di Sabah dan ini tidak termasuk jumlah yang bakal dihantar pada tahun 1989. Yang penting saya tekankan ialah, oleh kerana kita

mengakui kekurangan guru tempatan dari Sabah dan Sarawak, sejak tahun 1986 kita telah menambah pengambilan calon-calon guru dari Sabah dan Sarawak walaupun kelayakan mereka itu jauh lebih kurang daripada kelayakan calon-calon guru di Semenanjung.

Kekurangan guru bahasa Inggeris juga dibangkitkan. Kita tidak bercadang untuk mengimport guru bahasa Inggeris dari luar negeri kerana biaya belanja yang amat tinggi. Yang kita adakan sekarang ialah kursus khas iaitu—TESL (Teaching of English as a Second Language) yang baru diperkenalkan sekarang di Universiti Malaya, iaitu di ITM dan di UPM sebagai contoh. Ini selain daripada pelajar-pelajar yang dikirim ke luar negeri.

Yang Berhormat dari Puchung meminta—agak aneh sedikit permintaannya—memang Yang Berhormat dari Puchung ini selalu meminta perkara-perkara yang aneh, iaitu Kementerian Pendidikan memperuntukkan \$100 juta kepada Sekolah Vokasional secara adil dan adil. Bagi dia ialah, sebahagian diberi kepada sekolah Kerajaan dan sebahagian didermakan kepada syarikat swasta. Saya tidak faham apa maksud dia, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat dia itu banyak berfikir masalah-masalah lain. Saya rasa ini agak “irregular”, dengan izin, untuk Kerajaan memperuntukkan kerana demand atau permintaan untuk masuk ke Sekolah Menengah Vokasional ini adalah banyak. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk, pertama, memperbanyakkan Sekolah Menengah Vokasional; kedua, mewujudkan aliran vokasional di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan.

Yang Berhormat dari Puchung juga menyentuh tentang peruntukan \$305 juta bagi program pendidikan tinggi supaya digunakan tanpa diskriminasi

kaum. Ini memanglah satu canang popular DAP tanpa apa-apa kenyataan, semata-mata satu sentimen yang boleh memancing sedikit sebanyak sokongan. Tetapi peruntukan ini ialah untuk program pembangunan universiti, untuk kursus-kursus universiti dan ini diberikan kepada semua fakulti dan jabatan tanpa mengira sama ada jabatan itu mempunyai pelajar dari bumiputera atau bukan bumiputera.

Yang Berhormat dari Kapit bercakap mengenai elaun perjalanan guru Semenanjung dan Sabah/Sarawak. Perkara ini telah pun dibetulkan, kalau ada guru Semenanjung berkhidmat di Sabah memang ada elaun rumah. Kalau guru Sabah dan Sarawak di Semenanjung pun diberikan kemudahan yang sama dan ini telah dibetulkan sejak tahun lalu, kalau tidak salah saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kapit, Sibul dan Puchung telah menimbulkan tentang kedudukan sekolah-sekolah uzur dan daif di kawasan-kawasan penempatan baru serta di luar bandar dan perkara ini telahpun saya berikan penjelasan.

Yang Berhormat dari Bagan Serai membangkitkan soal pengiktirafan Kolej Tunku Abdul Rahman. Saya ingin jelaskan bahawa permohonan secara teratur dikemukakan pada bulan September, 1987 dan sepertimana juga institusi-institusi dalam dan luar negeri semua peraturan mestilah diikuti dan dipatuhi sebelum pengiktirafan dibuat. Pihak Jawatankuasa Pengiktirafan sedang menimbangkan secara terperinci dan saksama dan adalah di peringkat akhir sebelum memutuskan tentang kelayakan sesuatu kursus yang diajar dan dikendalikan di Kolej Tuanku Abdul Rahman.

Yang Berhormat dari Sibul membangkitkan masalah kekurangan

guru siswazah di Sarawak dan saya menjelaskan bahawa pada tahun 1988 sahaja jumlahnya sudah meningkat 1,311 orang.

Yang Berhormat dari Rantau Panjang membangkitkan soal falsafah pendidikan yang menyeluruh dan harus menekankan tentang keseimbangan antara ilmu dan amal sebagai landasan penggubalan kurikulum negara dan perkara ini akan terus diberikan perhatian dan penekanan.

Yang Berhormat dari Kota Setar menyentuh satu aspek yang saya anggap penting, iaitu pembinaan dan pembesaran sekolah-sekolah teknik dan vokasional dan harus diubahsuai beberapa program tertentu selaras dengan polisi dan Pelan Induk Perindustrian. Kementerian Pendidikan bersetuju dan sepertimana yang telah saya sebutkan 9 buah sekolah menengah vokasional akan disiapkan pada awal 1989 dan 12 lagi pada tahun 1990. Selain dari itu, sekolah menengah vokasional yang ada akan ditambah dengan kursus-kursus baru dan dibesarkan dan beberapa aliran vokasional baru akan diperkenalkan di beberapa sekolah menengah kebangsaan.

Yang Berhormat dari Sibul membangkitkan kemungkinan membanyakkan kursus matapelajaran Bahasa Malaysia atau waktu mempelajari Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Perkara ini telahpun diambil perhatian. Waktu telahpun ditambah tetapi ia tidak boleh mengambil beberapa waktu kursus dan matapelajaran yang lain. Walau bagaimanapun, kekurangan-kekurangan ini boleh diatasi di waktu pelajar-pelajar ini mengambil kursus dan kelas peralihan. Beberapa program tambahan, peraduan karangan, perbahasan, menulis artikel dan pidato dalam Bahasa Malaysia

telah diperkenalkan dan mendapat sambutan yang memuaskan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Yang Berhormat dari Jambongan membangkitkan soal kemungkinan menambah jumlah pelajar-pelajar di Sabah/Sarawak ke institusi pengajian tinggi. Saya ingin memberi penjelasan bahawa syarat memang dikurangkan. Tetapi kelayakan haruslah diperolehi oleh pelajar-pelajar sebelum membolehkan mereka mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi. Pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak memang diberi pertimbangan khas untuk masuk ke universiti tempatan. Sebab itulah bagi Kerajaan, Cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus ITM, Cawangan UPM Sabah/Sarawak ini adalah memadai kerana tidak ada faedahnya kita membina sebuah universiti besar tetapi tidak mempunyai pelajar-pelajar yang layak. Jadi sebenarnya, sepertimana yang saya terangkan kepada pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak apa yang diperlukan ialah pembesaran cawangan-cawangan tersebut dan juga memberikan kemudahan yang secukupnya di peringkat SPM, STPM dan kursus matrikulasi bagi memungkinkan pelajar-pelajar ini masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi dengan lebih mudah lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat membangkitkan soal perlunya pengawasan pendidikan pra-sekolah yang berselerak dan diselenggarakan oleh pelbagai agensi, sama ada Jabatan Kerajaan dan swasta hari ini. Kerajaan sedang menimbang di peringkat akhir kemungkinan diwujudkan unit pra-sekolah yang khusus untuk mengawasi perkembangan dan perjalanan pra-sekolah. Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan kemungkinan untuk melonggarkan syarat kenaikan pangkat bagi Guru Besar dan

Pengetua termasuk yang mempunyai pengalaman dan kecekapan yang memuaskan dan ini sedang diambilkira.

Ahli Yang Berhormat dari Serian, Sarawak membangkitkan soal ketidakseimbangan di antara kemudahan guru Sabah, Sarawak dan Semenanjung dan perkara ini sudahpun dibetulkan.

Yang Berhormat dari Serian, membangkitkan soal kelonggaran pemohon dari Sarawak, terutamanya dari bangsa Dayak, syarat kepujian Bahasa Malaysia diminta kalau boleh dilonggarkan. Kita ingin menjelaskan bahawa kelulusan Bahasa Malaysia diperlukan dan perkara ini telahpun diuruskan dengan calon-calon di maktab perguruan supaya mereka cuba mengambil peperiksaan semasa mereka di maktab perguruan, tetapi kelonggaran memang telah diberikan kepada calon-calon dari kalangan orang-orang Dayak kerana kesusahan mengirim guru-guru dari bandar seperti Kuching atau dari Semenanjung ke kawasan-kawasan pedalaman. Jadi, cara menyelesaikan masalah guru di kawasan pedalaman Sabah/Sarawak ialah untuk melatih anak-anak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan sekali lagi penghargaan kepada rakan-rakan yang mengemukakan pandangan mereka dan memohon maaf kerana tidak dapat menyentuh semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kesuntukan masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Luar Negeri, dijemput Menteri berkenaan menjawab.

5.26 ptg.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran, cadangan dan membangkitkan beberapa perkara menyentuh bidang tugas Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan am Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada teguran Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai usaha Malaysia mendapat kerusi di dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau MKBB, saya ingin memaklumkan bahawa peranan Majlis Keselamatan adalah untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan di dunia ini. Pemilihan Malaysia untuk menduduki kerusi dalam MKBB dengan kelebihan $\frac{2}{3}$ undi ternyata membuktikan bahawa masyarakat antarabangsa mempunyai penuh kepercayaan dan keyakinan terhadap keupayaan Malaysia untuk memberi sumbangan yang positif serta menjalankan kewajipan-kewajibannya di dalam MKBB dengan penuh tanggungjawab. Pemilihan Malaysia sebagai anggota MKBB juga mencerminkan kedudukan baik Malaysia di kaca mata masyarakat antarabangsa terutama mengenai kedudukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis, Kota Setar dan lain-lainnya kerana ucapan tahniah mereka ke atas pemilihan Malaysia untuk menduduki kerusi berkenaan. Penghargaan yang diberikan oleh masyarakat dunia adalah untuk negara dan seluruh rakyat, justeru itu Malaysia berazam membuat sumbangan kepada usaha-usaha Majlis Keselamatan dalam meningkatkan lagi satu suasana yang lebih damai dan selamat di dunia ini. Sebagai Ahli Majlis Keselamatan, Malaysia akan memperjuangkan kepentingan masyarakat dunia

termasuk isu-isu Palestin, Afghanistan, Kampuchea, Western Sahara, Nairobi, juga negara-negara yang kecil sedang membangun seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa jawatan Presiden untuk Perhimpunan Agung Tahunan Bangsa-bangsa Bersatu adalah dipilih secara bergilir-gilir dan mengikut pembahagian kawasan. Kawasan-kawasan yang berkenaan ialah Asia, Afrika, Amerika Latin, Eropah Barat dan negara-negara lain dan Eropah Timur. Kali terakhir kawasan Asia mengisi jawatan Presiden ialah pada tahun 1986. Giliran yang akan datang bagi kawasan Asia untuk mengisi jawatan tersebut ialah pada tahun 1991 semasa sesi ke-46 Perhimpunan Agung PBB. Malaysia akan mengkaji dengan teliti cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas supaya Malaysia mengemukakan pencalonan untuk mengisi jawatan President di Perhimpunan Agung PBB pada masa yang berkenaan.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, supaya Malaysia memperbesar kontinjen Pegawai-pegawai Tentera Malaysia, dengan izin, the United Nations Iran-Iraq Military Observer Group (UNIMOB) adalah dimaklumkan bahawa bilangan anggota satu pasukan pemerhati di dalam UNIMOB telah terlebih dahulu ditetapkan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sekiranya permintaan dibuat oleh PBB untuk memperbesar kontinjen Malaysia di UNIMOB, Malaysia bersedia untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Puchong telah menyentuh beberapa perkara termasuk dasar, dengan izin, "Buy

British Last" dan pembelian senjata dari Great Britain. Reaksi Kerajaan terhadap kedudukan politik di Fiji dan Sri Lanka, Asian dan juga Dasar Berkecuali yang diamalkan oleh Malaysia.

Mengenai Dasar "Buy British Last", adalah benar bahawa Malaysia telah mengamalkan dasar tersebut, tetapi dasar ini tidak diamalkan lagi memandangkan keadaan yang telah berubah. Britain juga telah menunjukkan sikap yang positif dan menyokong beberapa isu yang disyorkan oleh Malaysia. Sukacita saya menegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tidak tunduk kepada tekanan dari mana-mana pihak termasuk dari Britain. Keputusan Malaysia membeli kelengkapan senjata Britain telah dibuat selepas menimbang semua tawaran yang telah dikemukakan oleh beberapa negara lain. Britain telah menawarkan, dengan izin, package yang paling bersaing dan memuaskan. Walau bagaimanapun, memorandum persefahaman mengenai pertahanan yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara tidak menghalang Malaysia dari membeli dari negara-negara lain bekalan alat-alat tahanan yang difikirkan perlu dan sesuai.

Hubungan baik antara Malaysia dengan Britain tidak sekali-kali menjejaskan Dasar Pandang Ke Timur kita. Sebaliknya, hubungan sedemikian dapat mengimbangkan faedah-faedah yang kita perolehi dari Timur dan juga Barat.

Mengenai reaksi terhadap pergolakan di Fiji, ingin saya menasihatkan bahawa apa yang terjadi di Fiji adalah pergolakan politik di dalam negara Fiji sendiri dan seperti yang dapat kita lihat sekarang Kerajaan Fiji telah pun mengambil langkah-langkah untuk memulihkan semua keadaan politik dalam negeri

itu. Malaysia seharusnya tidak mengambil apa-apa tindakan yang boleh ditafsirkan sebagai campurtangan dalam hal ehwal negara itu. Seajar dengan sikap sedemikian Kerajaan telah menyeru supaya tekanan atau campur tangan tidak dibuat ke atas Fiji oleh mana-mana pihak luar, tetapi memberikan peluang kepada mereka sendiri mengamankan suasana dalam negeri itu dan mencapai penyelesaian. Malaysia berpegang teguh kepada dasar ini.

Fiji sekarang sedang mengalami perubahan dari segi politiknya, sementara kedudukan ekonominya menghadapi beberapa cabaran. Ia memerlukan bantuan dan khususnya persefahaman dari rakan-rakannya. Dalam konteks ini pendirian kita adalah jelas di mana kita telah mengulurkan bantuan setakat mana yang mampu di bawah program kerjasama teknikal kita. Ini adalah sejajar dengan dasar luar negeri kita untuk berbaik-baik dengan semua dan juga dalam usaha kita memupuk hubungan kerjasama di antara negara-negara membangun. Selain dari negara kita sendiri, negara-negara lain juga telah mula berusaha untuk memulihkan kembali hubungan mereka dengan Fiji di samping memberi bantuan kepada Fiji untuk memulihkan kembali kedudukan politik dan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Puchong juga telah membuat tuduhan bahawa Malaysia.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan. Bolehkah Yang

Berhormat Menteri menjelaskan kepada Dewan ini iaitu apakah bentuk bantuan pemulihan dan seumpamanya selepas rampasan kuasa dibuat oleh pihak tentera. Kerana tadi telah dinyatakan bahawa Kerajaan Malaysia ada memberikan bantuan teknikal dan seumpamanya, jadi, minta penjelasan dalam bantuan konteks jangka pendek mahupun jangka panjang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas rampasan kuasa yang kedua berlaku di Fiji, maka pihak Kerajaan telah bersetuju menghantar satu delegasi ke sana. Delegasi yang diketuai oleh saya sendiri adalah untuk mengenalpasti apa jua bantuan yang boleh kita sampaikan kepada Kerajaan Fiji bagi memulihkan ekonominya dan perbincangan-perbincangan telah diadakan dengan pihak-pihak Pegawai Tinggi di Fiji. Salah satu daripada bidang yang telah dikenalpasti ialah dari segi perniagaan runcit oleh penduduk-penduduk Fiji di sana yang mana mereka kurang berpengalaman. Oleh itu, kita telah bersetuju untuk membantu mereka dalam bidang yang berkenaan.

Sukacita saya menyatakan bahawa pegawai-pegawai dari Pernas-Edar dan juga pegawai-pegawai daripada agensi-agensi lain yang berkenaan telah dihantar ke sana untuk memberi latihan dan mereka juga telah menghantar pegawai ke sini untuk menerima latihan. Selain daripada itu, bidang-bidang yang mereka perlukan bantuan termasuklah dari segi teknikal untuk membolehkan mereka membangunkan infrastruktur negara yang berkenaan dengan memuaskannya seperti yang dilakukan di negara ini. Ini sedang kita usahakan dan kita akan teruskan berdasarkan kepada bantuan teknikal yang saya perkatkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Puchong telah juga membuat tuduhan bahawa Malaysia

dalam isu Sri Lanka tidak membantah kononnya di atas hak-hak kemanusiaan yang telah dinafikan kepada rakyat Tamil oleh Kerajaan Sri Lanka. Ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia adalah konsisten di dalam dasar-dasar luar negerinya, terutama mengenai isu hak-hak kemanusiaan. Malaysia mematuhi secara rapi asas-asas yang telah ditentukan oleh, dengan izin, United Nations Charter On Human Rights. Pendirian teguh Malaysia ke atas isu hak-hak kemanusiaan dibuktikan oleh dasar kita terhadap Regim Arpartheid di Afrika Selatan. Malaysia bukan sahaja mengutuk dasar regim minoriti kaum kulit putih di Afrika Selatan di forum-forum antarabangsa, kita juga mematuhi usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memulaukan Afrika Selatan termasuk sekatan ekonomi.

Mengenai isu di Sri Lanka, keadaannya adalah berbeza. Timbulnya konflik perkauman di antara majoriti Sinhalese dengan minoriti Tamil adalah disebabkan oleh akibat aspirasi kaum Tamil yang berhasrat mewujudkan negara Eelam yang bebas dan merdeka di Wilayah Utara dan Timur Laut Sri Lanka, di mana kaum Tamil adalah merupakan penduduk majoriti di Wilayah-wilayah tersebut. Sehubungan dengan ini Malaysia menganggap isu konflik perkauman di antara kaum minoriti Tamil dengan kaum majoriti Sinhalese yang menerajui pemerintah Sri Lanka adalah merupakan hal ehwal dalam negeri Sri Lanka dan Malaysia tidak berhasrat untuk campurtangan.

Sebagai perbandingan, isu di Sri Lanka tersebut adalah hampir sama dengan isu konflik perkauman di Punjab, India di mana Malaysia juga tidak berhasrat campurtangan ke atas hal ehwal di dalam negara-negara lain. Saya hairan mengapa Ahli Yang

Berhormat dari Puchung tidak menimbulkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Puchung juga mempunyai keraguan terhadap pencapaian ASEAN. Saya berpendapat kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Kenyataan ini menunjukkan bahawa beliau tidak faham mengenai konsep kerjasama ASEAN. Eloklah beliau belajar sedikit tentang ASEAN supaya beliau dapat memahami konsep dan kejayaan ASEAN yang sebenarnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak ASEAN ditubuhkan, ASEAN telah berjaya mengadakan pelbagai rancangan kerjasama ekonomi di dalam bidang-bidang pengurusan kewangan dan banking, makanan, pertanian dan perhutanan, industri, galian dan tenaga, pengangkutan, perdagangan dan pelancongan.

Seterusnya pelbagai projek usahasama ASEAN telah diadakan di negara-negara ASEAN. Terdapat di negara kita ini beberapa projek ASEAN seperti Biro Pengendalian Makanan ASEAN, Institut Pengurusan Perhutanan ASEAN, Pusat Teknologi Perkayuan ASEAN, Pusat Latihan dan Penyelidikan Penyakit Ayam ASEAN, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan, Pusat Kuarantin Tumbuh-tumbuhan ASEAN dan Pusat Penerangan Pelancongan ASEAN. Selanjutnya, sebagai program kerjasama ASEAN di dalam berbagai bidang seperti dadah, buruh, belia, wanita, kebajikan, pelajaran, kebudayaan dan penerangan, sains dan teknologi, perubatan, sukan dan pembangunan masyarakat telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kemajuan masyarakat negara-negara ASEAN.

Semenjak tahun 1977 ASEAN telah mengadakan hubungan dialog dengan

negara-negara maju iaitu Australia, Kanada, Kesatuan Ekonomi Eropah, Jepun, New Zealand dan Amerika Syarikat. Hubungan dan kerjasama ASEAN dengan negara-negara dialog ini meliputi bidang kerjasama ekonomi, perdagangan, perindustrian, pelaburan, pelancongan dan pembangunan. Melalui hubungan dialog ini, ASEAN telah dapat bertukar-tukar pendapat dengan negara-negara dialog tersebut mengenai isu-isu dua-hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama. Melalui hubungan dialog ini, ASEAN telah juga dapat membina rasa persefahaman dan kerjasama yang baik dengan negara-negara tersebut.

Merujuk kepada Dasar Berkecuali negara, saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada prinsip berkecuali dan tidak berat sebelah di dalam hubungannya dengan kedua-dua kuasa besar. Saya ingin menekankan di sini bahawa Malaysia telah lama mempunyai hubungan diplomatik yang rapat dengan kedua-dua kuasa besar dan Malaysia sentiasa mengamalkan dasar yang pragmatik untuk berbaik-baik dengan semua negara di dunia ini yang ingin berbaik dengannya, tidak mengira apa sistem politik yang diamalkan oleh negara-negara berkenaan.

Dalam hubungan ekonomi pula, Malaysia sentiasa menyarankan supaya kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara sedang membangun perlu dipertingkatkan untuk membolehkan negara-negara sedang membangun berdiri di atas kaki sendiri dan seterusnya tidak bergantung kepada negara-negara maju atau kuasa-kuasa besar. Usaha-usaha Malaysia untuk meningkatkan kerjasama ekonomi Selatan-Selatan ini telah terbukti melalui kejayaannya untuk menubuhkan South Mission dan melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis mengenai isu tuntutan Sabah, saya bersetuju bahawa tuntutan tersebut sepatutnya telah lama digugurkan oleh Filipina. Namun begitu, ia telah menjadi berpanjangan kerana usaha pemerintahan Aquino untuk menyelesaikan masalah tuntutan itu telah mendapat tentangan hebat dari Ahli-ahli Senate Filipina yang menghendaki beberapa syarat dikenakan sebelum tuntutan tersebut digugurkan. Ini menyukarkan usaha-usaha beliau. Memanglah menjadi hasrat kita supaya isu ini diselesaikan segera. Walau bagaimanapun, pendirian Kerajaan kita terhadap isu tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah jelas dan tidak berubah. Malaysia tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Sabah dan menganggap bahawa isu tuntutan ini adalah masalah Filipina sendiri yang harus diselesaikan secara bijaksana oleh mereka.

Mengenai pembayaran wang pampasan kepada waris Sultan Sulu pula, ia adalah satu isu yang lain dan tidak berkait dengan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pembayaran wang pampasan tersebut adalah berdasarkan kepada persetujuan di antara waris Sultan Sulu dengan pemerintahan British pada tahun 1939 melalui McCarthy Judgement.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tawau mengenai masalah pelarian haram, suka saya menegaskan bahawa terdapat perbezaan yang besar di antara masalah pelarian Vietnam dan pendatang haram Filipina dan Indonesia. Pelarian Vietnam yang mendarat di Malaysia sebenarnya bertujuan untuk pergi ke negara-negara ketiga. Sesuai dengan persetujuan yang dicapai di

Persidangan Geneva pada tahun 1979, Malaysia telah bersetuju untuk menjadi sebagai negara pertama pendaratan pelarian Vietnam, dengan izin, First Asylum Country. Persetujuan ini adalah dengan syarat semua yang mendarat di Malaysia akan diterima oleh negara ketiga. Sebaliknya, pendatang haram Filipina dan Indonesia yang datang ke Sabah adalah bersifat sementara disebabkan oleh masalah tertentu di negara mereka. Mereka tidak berhasrat untuk tinggal terus di Sabah atau pergi ke negara-negara ketiga. Apabila keadaan di negara mereka pulih, mereka akan pulang semula ke negara masing-masing. Oleh yang demikian, masalah ini haruslah diatasi secara yang berlainan.

Ahli Yang Berhormat dari Jambongan juga telah membangkitkan supaya masalah pendatang haram dari Filipina diselesaikan segera. Di sini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah sedang dalam proses rundingan bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah ini secara menyeluruh dan berkesan. Dalam hal ini Kerajaan sedar akan masalah yang timbul berikutan dari kehadiran mereka di Sabah. Langkah-langkah yang perlu bagi menyelesaikan masalah ini telah dan akan terus diambil dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah mengaitkan pembelian senjata kepada pendirian Malaysia kepada prinsip ZOPFAN.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya

mohon penjelasan mengenai dengan masalah pendatang haram dan juga penempatan mereka di Pulau Bidong iaitu pendatang haram Vietnam. Baru-baru ini ada Menteri daripada Vietnam datang ke negara kita Malaysia dan Menteri ini bersama dengan rombongannya telah memberi satu jaminan iaitu untuk memujuk pulang semua pelarian-pelarian yang ada di Pulau Bidong dan juga di lain-lain tempat untuk balik ke Vietnam. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah usaha-usaha itu berjaya dan bagaimana sambutan yang diberikan oleh pihak pelarian Vietnam ini dan bagaimanakah tindakan-tindakan bagi memastikan bahawa ajakan serta pelawaan daripada Menteri ini mendapat sambutan yang memuaskan daripada cara kita mengusir mereka itu keluar daripada Pulau Bidong ataupun lain-lain tempat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa satu rombongan dari Vietnam telah datang ke Malaysia pada akhir bulan sudah dan awal bulan ini tetapi diketuai oleh seorang pegawai, bukan di peringkat Menteri. Mereka telah berjumpa wakil-wakil daripada pendatang haram yang berada di Pulau Bidong tetapi mereka tidak pergi ke Pulau Bidong, hanya ke Marang ataupun Kuala Terengganu sahaja untuk menceritakan perkara ini kepada wakil-wakil daripada pendatang haram yang berkenaan dan setakat ini belumlah kita dapat reaksi sama ada pendatang-pendatang haram itu akan setuju balik secara voluntary. Oleh itu, kita akan terus berusaha untuk mengadakan perbincangan sama ada di peringkat dua hala dengan Vietnam ataupun melalui UNCHR untuk kita cari jalan menyelesaikan perkara pendatang haram ini secara menyeluruh. Perbincangan di peringkat rundingan ataupun consultative di antara pegawai-pegawai yang terdiri daripada negara-negara ASEAN, negara-negara

penempatan ketiga, Vietnam dan Laos sendiri telah pun diadakan di Bangkok baru-baru ini dan satu lagi rundingan akan diadakan di Malaysia pada bulan Disember ini. Ini adalah untuk mencari jalan bagi kita menyelesaikannya di peringkat antarabangsa, membolehkan perkara ini dibincangkan dalam satu conference antarabangsa atau "International Conference" yang dicadangkan diadakan pada bulan April tahun hadapan, jadi inilah perkembangan-perkembangan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah mengaitkan pembelian senjata kepada tentera Malaysia kepada prinsip ZOPFAN.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini ZOPFAN merupakan gagasan yang didokong oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain sebagai satu "framework" dan "blue print" yang komprehensif untuk menegakkan kestabilan dan keamanan di rantau Asia Tenggara. Komitmen ke arah mengimplimentasikan gagasan ini telah didokong sepenuhnya oleh semua negara ASEAN sejak gagasan ini diterima melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada bulan November tahun 1971, bahkan Sidang-sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN pada tahun 1976 di Bali, tahun 1977 di Kuala Lumpur dan bulan Disember, 1987 di Manila telah mengarahkan supaya implimentasinya diselenggarakan secepat mungkin, dan mengarahkan juga supaya melipatgandakan segala usaha mencari penyelesaian kepada masalah pencerobohan Vietnam terhadap Kampuchea yang merupakan manifestasi pengancaman, kestabilan dan keamanan serantau diselesaikan dengan saksama dan berkekalan. Dalam konteks ini negara-negara

ASEAN dengan kerjasama masyarakat antarabangsa kini sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mencari penyelesaian terhadap masalah Kampuchea tersebut demi menjamin "blue print" ZOPFAN dapat diimplimentasikan dengan seberapa segera. Walaupun Malaysia dan ASEAN akan terus berusaha untuk melaksanakan ZOPFAN, ini tidak pula bermakna Malaysia tidak seharusnya melengkapkan diri dengan keperluan-keperluan pertahanan.

Soal memperlengkapkan diri untuk menjaga keselamatan negara kita adalah tanggungjawab kita sendiri. Pembelian senjata-senjata adalah untuk kepentingan pertahanan dan keselamatan negara kita sendiri daripada sebarang ancaman sama ada dari luar atau dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk merujuk kepada teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) (1987) (No. 2) Tahun 1988. Ahli Yang Berhormat itu telah menegur tentang ketiadaan response yang memuaskan dari Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, ke atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh ibu pejabat, dengan izin, International Parliamentary Unit (IPU) di Geneva mengenai persoalan penahanan anggota-anggota Parlimen di Malaysia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Di sini sukalah saya memberikan penjelasan, tetapi sebelum itu ingin saya menegaskan bahawa segala urusan mengenai IPU sepatutnya disalurkan melalui Kedutaan Besar Malaysia di Geneva, dan bukan di Vienna kerana ibu pejabat IPU ialah di Geneva. Saya dapati tindakan Setiausaha Jawatankuasa Hak Asasi Manusia IPU untuk berurusan dengan

Kedutaan Besar Malaysia di Vienna adalah menyulitkan dan tidak munasabah. Hasil dari siasatan yang dijalankan Kedutaan Besar Malaysia di Vienna telah mengesahkan bahawa ia tidak ada menerima sebarang surat dari IPU ataupun mengirim sebarang surat pengesahan penerimaan kepada IPU. Sebaliknya Kedutaan Besar Malaysia di Geneva memang sering menerima surat-surat dari IPU termasuk surat-surat mengenai isu ISA dan Hak Asasi Manusia. Kedutaan tersebut telah bekerjasama secukupnya dengan IPU dan Duta Besar Malaysia di sana sering memberikan penjelasan secara bertulis atau secara lisan kepada pegawai-pegawai IPU termasuk Setiausaha Agungnya apabila ada peluang terbuka. Sungguhpun begitu dalam tempoh dua bulan sebelum Persidangan IPU di Sofia, Kedutaan Besar Malaysia di Geneva tidak ada menerima sebarang surat-surat pertanyaan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kecuali salinan surat yang dikirimkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat bertarikh 15-7-1988, itu pun surat tersebut hanya bermaksud untuk memberi makluman dan tidak untuk membuat apa-apa pertanyaan. Oleh hal yang demikian, saya berpendapat bahawa dakwaan yang dibuat oleh Setiausaha Jawatankuasa IPU kepada Delegasi Malaysia di Persidangan IPU di Sofia itu sebagai tidak kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan saya terhadap teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Luar Negeri. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Kesihatan. Dijemput Yang Berhormat Menteri yang berkeinginan menjawab.

5.57 ptg.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran di dalam perbahasan Dasar Am Belanjawan ke atas Kementerian Kesihatan.

Nampaknya pada kali ini banyak teguran yang diterima dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak seperti Ahli Yang Berhormat dari Semporna, Kimanis, Kapit, Tawau, Lubuk Antu dan Sibu. Di samping itu, terdapat juga teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor dan Puchung. Saya akan menjawab seberapa yang boleh akan semua teguran-teguran tersebut.

Kebanyakan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak adalah mengenai perancangan, penubuhan dan pelaksanaan projek-projek untuk meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan dan kesihatan rakyat, khasnya di luar bandar seperti pembinaan hospital, pusat kesihatan, klinik-klinik dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Semporna meminta supaya usaha-usaha ditumpukan untuk memperbanyakkan lagi pembinaan klinik luar bandar di seluruh pelusuk di negeri Sabah, terutamanya di kawasan Semporna.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa mengkaji keperluan mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan di luar bandar terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman di seluruh negara termasuklah negeri Sabah. Pengagihan sumber bagi projek-projek pembangunan kemudahan kesihatan seluruh negara dibuat selepas kajian teliti dengan

mengambil kira bahawa imbangan distribusi yang saksama dicapai bagi seluruh negara.

Dalam usaha ini sebanyak 108 buah projek telah dikesan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia yang Kelima khasnya bagi negeri Sabah. Walau bagaimanapun, oleh kerana kekurangan peruntukan hanya 49 buah projek sahaja dapat disediakan untuk pembinaan dalam jangkamasa yang sama. Sebanyak \$29.19 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek ini.

Projek Pusat Kesihatan Gusong Melanta di Pulau Bum-Bum terpaksa ditunda pelaksanaannya dalam jangkamasa Rancangan Malaysia yang Kelima oleh kerana kekurangan peruntukan pembangunan. Projek tambahan wad dan Jabatan Pesakit Luar bagi Hospital Daerah Semporna juga terpaksa ditunda pelaksanaannya buat sementara waktu. Pelaksanaan akan diteruskan apabila peruntukan diperolehi. Walau bagaimanapun, sebagai langkah sementara, Kementerian Kesihatan telah pun membuat keputusan untuk menghantar satu pasukan perubatan bergerak ke Pulau Bum-Bum 2 kali sebulan. Pasukan Perubatan akan dianggotai oleh seorang Pembantu Hospital dan seorang Pembantu Jururawat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Semporna juga menyentuh tentang keadaan hospital Semporna yang dikatakan serba tidak cukup. Wad-wad yang ada sekarang tidak mencukupi. Tambahan alat-alat perubatan yang baik sangat diperlukan. Tambahan doktor-doktor dan kakitangan yang berpengalaman diperlukan dan sebagainya.

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha meninggikan mutu alat-alat perubatan dan perkhidmatan pegawai dan kakitangan di Hospital Daerah Semporna.

Mengenai kekurangan wad-wad, Kementerian Kesihatan telah menyemak perkara ini dan mendapati bilangan katil-katil yang sedia ada di hospital tersebut adalah mencukupi dan dapat menampung keperluan penduduk-penduduk tempatan dan dipersekitarannya. Dari masa ke semasa, perkara ini akan dikaji dan wad-wad tambahan akan didirikan sekiranya didapati diperlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis membangkitkan perkara yang sama iaitu tentang kesesakan dan kali ini di Hospital Ratu Elizabeth dan mencadangkan supaya dibina sebuah hospital daerah yang berhampiran dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Hospital Besar Ratu Elizabeth mempunyai 580 buah katil dengan 23 wad. Sebenarnya wad-wad di Hospital Besar Ratu Elizabeth tidaklah terlalu sesak. Kadar penggunaan katil (bed occupancy rate), dengan izin, bagi tahun 1983-1987 adalah di sekitar 60%-75%. Buat masa ini belum ada lagi rancangan untuk menambah jumlah bilangan katil bagi Hospital Besar Ratu Elizabeth. Dalam usaha untuk mengatasi masalah tersebut, dua buah projek telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Projek Anika Klinik Hospital Besar Ratu Elizabeth dan Hospital Daerah Tuaran (Fasa I) yang berhampiran telah diluluskan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, oleh kerana peruntukan pembangunan yang terhad, pembinaan projek-projek ini terpaksa ditunda dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kapit yang menyokong usaha Kementerian Kesihatan di dalam melaksanakan projek-projek membina paip air bagi menyediakan bekalan air yang bersih di beberapa

tempat rumah panjang di Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, terdapat Program Kebersihan Alam Sekeliling yang banyak memberi faedah kepada penduduk-penduduk seperti bekalan air dan tandas sempurna. Program ini telah pun disambut dengan baik oleh penduduk-penduduk luar bandar terutamanya di Negeri Sarawak. Setakat ini Kementerian Kesihatan telah mencapai liputan bekalan air sebanyak 72% dan liputan tandas 67% di kawasan luar bandar di seluruh Negeri Sarawak.

Kementerian Kesihatan telah mempergiatkan usahanya supaya dapat mempertingkatkan lagi liputan bekalan air dan tandas di kawasan luar bandar Sarawak. Peruntukan yang diberikan kepada Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk Program Kebersihan Alam Sekeliling adalah tertinggi sekali jika dibandingkan dengan peruntukan negeri lain, iaitu sebanyak \$11 juta berbanding dengan \$41 juta untuk seluruh negara. Namun begitu, peruntukan tambahan akan diberi jika Negeri Sarawak masih mengalami kekurangan peruntukan semasa pelaksanaan projek-projek.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membina Hospital Daerah Song dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan perubatan di seluruh negara. Oleh itu sebagai langkah sementara untuk memperbaiki tahap perkhidmatan perubatan semasa kepada penduduk di Daerah Song di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima Kementerian Kesihatan telah meluluskan sebanyak \$170,000 untuk

memperbesarkan Pusat Kesihatan Song agar dapat memberikan lebih keselesaan kepada pengunjungnya semasa menerima rawatan. Pembesaran itu meliputi pembesaran wad lelaki dan wanita serta ruang menunggu bagi makmal dan dispensari.

Pembinaannya dijangka mula pada awal tahun 1989 dan akan siap pada awal tahun 1990.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu membangkitkan soal projek Rumah Sakit baru Sibu. Keutamaan akan diberi oleh Kementerian kepada kawasan yang masih belum ada lagi kemudahan-kemudahan kesihatan yang diperlukan. Hospital baru akan dibina bagi menggantikan hospital yang sedia ada jika hospital tersebut tidak dapat lagi diperbesarkan untuk menampung pertambahan keperluan penduduk-penduduk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Hospital Besar Baru Sibu telah diluluskan dan sebanyak \$90 juta diperuntukkan untuk melaksanakan projek ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kerja-kerja penyediaan tapak dijangka mula pada awal tahun 1989 dan siap pada akhir tahun 1989. Pembinaan hospital dijangka mula pada awal tahun 1990 dan akan siap pada pertengahan tahun 1993, hampir lebih kurang 3½ tahun untuk disiapkan.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu pula membangkitkan masalah kekurangan ambulan-ambulan di semua hospital besar di seluruh Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan akan dibekalkan ambulan-ambulan sama ada untuk menggantikan kenderaan lama yang tidak ekonomi sekiranya dibaiki atau

sebagai kenderaan tambahan. Setiap hospital yang dibekalkan ambulan adalah berdasarkan kepada norma (norm) yang telah dikaji di seluruh negara. Dalam membekalkan ambulan-ambulan kepada hospital, memandangkan kepada peruntukan yang diberi adalah terhad dan juga keperluan lain yang lebih penting, Kementerian Kesihatan terpaksa memberi keutamaan kepada hospital-hospital yang benar-benar memerlukannya. Dengan itu terdapat beberapa buah hospital yang mempunyai bilangan ambulan kurang dari yang sepatutnya. Sebenarnya kegunaan ambulan bukanlah untuk membawa mayat kecuai dalam keadaan tertentu di mana jenazah pesakit dihantar semula balik dari sesuatu hospital ke hospital yang telah merujuk kepada pesakit-pesakit berkenaan. Kementerian juga membekalkan kereta jenazah kepada hospital-hospital untuk menghantar jenazah dari hospital ke rumah.

Ahli Yang Berhormat dari Tawau membangkitkan perkara ramai doktor dan pakar perubatan yang berkhidmat secara kontrak terpaksa menamatkan kontrak mereka bila tempoh mereka tamat untuk membolehkan doktor-doktor baru kelulusan universiti tempatan mengambil tempat mereka. Doktor-doktor ini dikatakan kurang pengalaman dan ada di antara ramai pesakit yang tidak dapat dirawat dengan betul.

Di Hospital Daerah Tawau kekosongan yang berlaku dengan penamatan kontrak beberapa orang pakar perubatan telah pun diisi dengan pakar perubatan lain. Dengan ini perkhidmatan kepakaran di Hospital Daerah Tawau tidak berubah, misalnya dalam bidang perubatan umum, bedah umum dan perbidanan dan sakitpuan. Doktor-doktor biasa yang mana kontrak telah ditamatkan telah pun diganti dengan doktor-doktor baru yang

kebanyakannya adalah kelulusan universiti-universiti tempatan. Perkara ini berlaku bukan sahaja bagi Negeri Sabah tetapi di seluruh Malaysia. Doktor-doktor baru ini telah pun menjalani latihan "houseman" dan ada juga telah berkhidmat di hospital-hospital lain bagi tempoh beberapa tahun. Dengan ini boleh dikatakan mereka mempunyai pengalaman tetapi tidak ke tahap pakar. Pengarah-pengarah Negeri pula boleh mengaturkan latihan jangka pendek di hospital-hospital besar di negeri masing-masing untuk meninggikan lagi kebolehan mereka. Kursus-kursus ini telah dan juga sedang dijalankan sebagai satu aktiviti latihan di negeri-negeri. Dengan ini perkhidmatan di daerah masing-masing dapat dipertingkatkan lagi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ini tidaklah boleh dikatakan mengakibatkan kadar kematian pesakit-pesakit telah meningkat. Bagi Hospital Daerah Tawau, kadar kematian pesakit-pesakit khususnya bayi bagi bulan September tahun yang lalu adalah lebih kurang sama seperti tahun-tahun yang sudah. Ini menunjukkan tidak ada kenaikan kadar yang luar biasa bagi bulan September yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya terdapat teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor iaitu mengenai keadaan hospital-hospital di ladang. Kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan kesihatan dan perubatan untuk orang ramai, termasuk penduduk-penduduk ladang. Walau bagaimanapun, kemudahan kesihatan perlu juga disediakan di ladang-ladang oleh pihak majikan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Di bawah Kanun Buruh, pihak majikan bertanggungjawab untuk mengadakan hospital atau kemudahan kesihatan yang lain bagi keperluan pekerja-pekerja di ladang. Hospital yang

ditubuhkan hendaklah juga diselenggarakan dengan menggunakan peruntukan mereka sendiri.

Dalam hal ini, perlu dimaklumkan bahawa pihak Kementerian telah mengambil tindakan untuk melesenkan hospital-hospital ladang bagi memastikan bahawa perkhidmatan yang disediakan adalah di tahap yang memuaskan. Semua hospital-hospital ladang telah diberi tempoh sehingga akhir tahun ini untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memenuhi keperluan-keperluan perlesenan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, bagi menjawab teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Puchong, beliau menyarankan hospital-hospital awam memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada pesakit-pesakit wad kelas tiga. Caj rawatan dan perkhidmatan hospital yang dikenakan oleh hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah dibuat di bawah Perintah (Fee Perubatan) 1982. Di bawah Perintah Fee itu pesakit wad kelas tiga yang tidak mampu membuat bayaran boleh mengisytiharkan dirinya sebagai orang miskin supaya diberi pengecualian bayaran oleh Ketua Hospital yang berkenaan.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab di Dewan yang mulia ini.

Puan Ling Chooi Sieng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Kluang minta penjelasan.

Puan Ling Chooi Sieng: Nampaknya Yang Berhormat Menteri akan

habiskan ucapannya dan saya di sini ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat tentang perkara yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini iaitu tentang asbestos yang saya bangkitkan. Adakah Yang Berhormat sedar merbahayanya asbestos? Kalau ada, adakah langkah yang diambil oleh Yang Berhormat untuk melindungi orang ramai? Terima kasih.

Dato' Chan Siang Sun: Mengikut pengetahuan saya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah ambil perhatian atas perkara ini dan juga perbincangan yang aktif telah diadakan untuk berbuat sesuatu bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, habis?

Dato' Chan Siang Sun: Apa yang saya tidak sempat jawab di Dewan yang mulia ini akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1989 telah dibacakan kali yang kedua dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1989 dipersetujui untuk dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis atau hingga pukul 6.30 petang, ikut mana yang kemudian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud) Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Menteri Kesihatan seperti dibentangkan tadi disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1989 telah dibacakan kali yang kedua dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1989 dipersetujui untuk dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis atau hingga pukul 6.30 petang, ikut mana yang kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Buruh. Saya menjemput Timbalan Menteri berkenaan untuk menjawab.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab pandangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang berhubung dengan isu kesatuan sekerja bagi pekerja-pekerja elektronik. Dalam perbincangan atas dasar Belanjawan Ahli Yang Berhormat tersebut telah menyatakan

bahawa amatlah mengejutkan untuk mendapat keputusan Kabinet baru-baru ini tidak membenarkan pekerja-pekerja elektronik menubuhkan satu kesatuan kebangsaan dan mereka hanya boleh menubuhkan kesatuan dalam syarikat sahaja. Beliau berpendapat keputusan Kabinet ini patut dibantah sekeras-kerasnya kerana keputusan ini adalah bertentangan dengan keputusan awal Kerajaan membenarkan pekerja-pekerja elektronik menubuhkan sebuah kesatuan kebangsaan bagi mewakili kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan tidak pernah memutuskan bahawa pekerja-pekerja elektronik dibenarkan menubuhkan sebuah kesatuan sekerja kebangsaan. Sekiranya pekerja-pekerja elektronik telah diberi gambaran bahawa mereka boleh menubuhkan sebuah kesatuan sekerja, maka gambaran itu adalah tidak tepat sama sekali dan saya difahamkan bahawa pekerja-pekerja elektronik telah diberi gambaran yang tidak tepat itu oleh sebilangan pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja atas sebab-sebab yang tertentu. Oleh yang demikian, saya bercadang untuk menyatakan dengan sejelas-jelasnya akan perkara ini.

Pada akhir bulan September, Yang Berhormat Menteri Buruh telah memberi satu taklimat kepada wakil-wakil majikan yang terdiri daripada wakil-wakil MEF dan wakil-wakil pekerja yang terdiri daripada wakil-wakil dari MTUC dan CUEPACS mengenai keputusan Jemaah Menteri terhadap cadangan-cadangan untuk meminda Undang-undang Buruh. Oleh kerana kedua-dua pihak pekerja dan majikan telah menyumbang ke arah penggubalan cadangan-cadangan ini, maka adalah menjadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Buruh untuk memberitahu mereka tentang apa yang telah

dipersetujui dan apa yang tidak dapat dipersetujui oleh Kabinet.

Ini adalah selaras dengan dasar tripartisma yang diamalkan oleh Kerajaan dalam perkara-perkara perburuhan. Kedua-dua pihak pekerja dan majikan tidak mempunyai banyak bantahan terhadap cadangan-cadangan Kerajaan untuk meminda Undang-undang Buruh, tetapi wakil-wakil MTUC juga menimbulkan isu kesatuan sekerja bagi pekerja-pekerja elektronik. Oleh kerana Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada bulan Jun, 1988 telah bersetuju supaya pekerja-pekerja elektronik boleh menubuhkan kesatuan-kesatuan dalaman (in-house union), maka atas permintaan wakil-wakil MTUC, Yang Berhormat Menteri Buruh telah mengumumkan bahawa mulai sekarang pekerja-pekerja elektronik boleh menyertai atau menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja. Yang Berhormat Menteri Buruh tidak menyebut dengan spesifik kerana ia adalah permintaan MTUC. Mereka telah menyatakan kesatuan-kesatuan sekerja juga bermakna kesatuan-kesatuan sekerja dalaman. Ini memang betul dan Yang Berhormat Menteri Buruh juga bersetuju kerana mengikut undang-undang, kedua-dua jenis kesatuan dalaman dan kesatuan-kesatuan kebangsaan mempunyai hak dan peranan yang sama.

Dasar mengenai kesatuan sekerja bagi sektor elektronik yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh menerusi media massa tidak berubah kerana dasar ini adalah berasaskan kepada keputusan Jemaah Menteri yang masih belum bertukar. Walau bagaimanapun, Kementerian terpaksa memberi penjelasan lanjut, kerana pemimpin-pemimpin kesatuan MTUC tidak memberi gambaran yang jelas mengenai dasar dan pendirian Kerajaan dalam isu ini, walaupun mereka terlebih dahulunya telah diberitahu sebelum keputusan Jemaah Menteri diumumkan.

Pekerja-pekerja yang digaji dalam perusahaan elektronik pada masa sekarang yang dianggarkan seramai 85,000 orang belum menganggotai mana-mana kesatuan sekerja. Memandangkan perusahaan elektronik telah wujud di negara ini sejak 15 tahun dahulu dengan tanpa apa-apa kesatuan sekerja, maka pekerja-pekerja ini harus menyambut baik akan keputusan Kerajaan untuk membenarkan mereka menubuhkan kesatuan sekerja dengan keahlian terhad kepada sesuatu tempat pekerjaan.

Perusahaan elektronik ini pula adalah amat sensitif kepada pergerakan kesatuan sekerja di seluruh dunia. Dalam pada itu pekerja-pekerja kilang-kilang elektronik yang terletak di kebanyakan negara di seluruh dunia, termasuk di Silicon Valley di Amerika Syarikat tidak mempunyai apa-apa kesatuan sekerja. Adalah difahamkan bahawa sebahagian besarnya syarikat-syarikat elektronik di Malaysia memberi syarat-syarat perkhidmatan kerja yang baik dan mempunyai hubungan perusahaan yang baik. Oleh itu adalah dirasakan bahawa jika didapati perlu bagi pekerja-pekerja dalam sesuatu syarikat elektronik menubuhkan sebuah kesatuan dalam syarikat dijangka akan dapat meneruskan perhubungan baik dan mengekalkan perlindungan yang sempurna.

Satu kesatuan sekerja yang ditubuhkan khusus bagi satu tempat kerja elektronik dijangka akan memahami dengan lebih mendalam dan lebih bertanggungjawab dalam memperjuangkan kepentingan ahli-ahli serta dapat mengambilkira kepentingan kaum pekerja, selaras dengan perkembangan syarikat khasnya dan ekonomi amnya. Kementerian Buruh akan sentiasa mengambil kira dan mengawasi keadaan dalam sektor perindustrian elektronik ini supaya kepentingan

syarikat dan pekerja sama-sama dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta penjelasan, boleh beri?

Tuan Lee Lam Thye: Saya tidak sangka Yang Berhormat akan menamatkan ucapan dengan begitu segera.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh dibenarkan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Baiklah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pekerja-pekerja elektronik ini yang ingin menubuhkan sebuah kesatuan kebangsaan mewakili kepentingan mereka, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa menurut kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh pada bulan September yang lalu, memberi satu gambaran seolah-olah bahawa pihak pekerja elektronik boleh menubuhkan sebuah kesatuan kebangsaan untuk mewakili kepentingan mereka dan atas asas itu maka MTUC telah pun mengambil usaha untuk memohon untuk mendaftarkan sebuah kesatuan kebangsaan untuk mewakili kepentingan para pekerja elektronik. Di sini saya juga ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sebenarnya masalah tentang penubuhan kesatuan dalam syarikat ataupun sesuatu tempat kerja, sebenarnya ini bukan satu perkara yang baru oleh sebab pada lima tahun yang lalu pekerja elektronik pun telah dibenarkan untuk menubuhkan kesatuan dalam syarikat.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi, persoalan yang kedua adalah tidak benar bahawa sektor elektronik itu pernah menubuhkan kesatuan sekerja sejak 5 tahun lalu. Semenjak 15 tahun lalu, pertama kali sektor elektronik memasuki negara kita, tidak ada kesatuan sekerja dalaman yang pernah dibenarkan ditubuhkan. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang terkeliru dengan syarikat yang pada gambaran kasarnya berbentuk elektronik tetapi itu dikelaskan di bawah elektrik dan ini berbeza, bukan elektronik, ia dalam bidang elektrik dan itu memang dibenarkan daripada dahulu lagi.

Persoalan yang pertama tadi, saya sudah memberikan jawapan yang mana jelas bahawa semasa Yang Berhormat Menteri Buruh membuat pengumuman di hadapan wakil-wakil pekerja dan majikan dalam perjumpaan yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat Menteri Buruh menyatakan Kerajaan telah bersetuju sektor elektronik ini menubuhkan kesatuan sekerja bagi pekerja-pekerjanya dan berasaskan kepada 15 tahun lamanya tidak ada kesatuan sekerja ditubuhkan, maka tidaklah bermakna apa yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa ini kepada kesatuan kebangsaan kerana dahulu kita ada kesatuan dalaman, kemudian sekarang Menteri mengumumkan bolehlah ditubuhkan kesatuan, mungkinlah kita boleh mengambil itu sebagai kesatuan kebangsaan. Tetapi sejak 15 tahun lalu tidak ada dibenarkan apa-apa bentuk kesatuan ditubuhkan bagi pekerja-pekerja industri elektronik. Oleh sebab itu, saya tidak dapat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat

dari Bukit Bintang bahawa maksud Yang Berhormat Menteri Buruh itu adalah kesatuan kebangsaan. Itu yang pertama.

Yang kedua, MTUC mewakili pekerja-pekerja sentiasa mengadakan hubungan yang rapat dengan pihak Kementerian kerana dasar kita seperti yang saya sebutkan tripartisma iaitu pekerja, majikan dan Kerajaan sentiasa mengadakan perundingan. Untuk meminda Akta Buruh kita mengadakan beberapa kali mesyuarat. Banyak cadangan-cadangan daripada MTUC yang telah digugurkan oleh Kerajaan kerana mengambil kira dan menghormati kehendak pekerja dan saya tidak nampak mengapa dalam urusan ini pihak MTUC tidak boleh merujuk perkara itu kepada Menteri, kalau mereka keliru, dan mengapa mereka pula seterusnya berhadapan dengan pekerja-pekerja yang ramai itu dan setelah itu tanpa penjelasan, kalau mereka keliru terus memutuskan bahawa keputusan Menteri itu adalah bagi menubuhkan kesatuan kebangsaan.

Mereka ini boleh mendapatkan penjelasan pada bila-bila masa kepada Menteri ataupun kepada Kementerian secara amnya.

Yang ketiga, saya tidak bertujuan untuk mempertikaikan kenyataan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi kalau kita boleh berfikir, adakah 85,000 orang ini telah bersetuju untuk menubuhkan apa bentuk kesatuan yang disebutkan. Kita boleh mempersoalkan. Bagaimanakah caranya 85,000 orang yang kita jangka mewakili jumlah pekerja-pekerja di sektor elektronik ini. Bagaimana kaedah dibuat oleh MTUC hendak menyatakan tiap-tiap orang ini bersetuju untuk menubuhkan Kesatuan Kebangsaan. Adakah 5-6 orang sahaja berfikir ataupun 10% sahaja yang berfikir untuk menubuhkan Kesatuan Kebangsaan, 20% sahaja atau 30% atau

kesemuanya. Apakah kaedah yang dipakai oleh MTUC pun boleh dipersoalkan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menjelaskan apa yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini khususnya berkaitan dengan pengumuman Menteri Buruh ini adalah merupakan satu perubahan pemikiran Kerajaan berasaskan kehendak daripada pekerja-pekerja. Kalau 15 tahun dahulu, kita langsung tidak benarkan sekarang kita membenarkan. Kita berfikirlah secara positif. Ambil ini sebagai satu peluang untuk membuat satu perubahan. Akan datang kita boleh memohon kepada perubahan yang lebih baik kalau itu pada pendapat mereka baik.

Jadi oleh sebab itu, dalam Dewan yang mulia ini saya menyerulah kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini supaya kita memberikan penerangan yang jelas. Bukan tujuan Kerajaan untuk menyekat tetapi ini satu perubahan Kerajaan untuk kebaikan.

Sebelum saya mengakhiri penjelasan saya ini jangan sangat kita mendewadewakan bahawa hanya pertubuhan kebangsaan sahaja yang boleh membela pekerja-pekerja ini. Dalam keadaan-keadaan tertentu kesatuan dalaman lebih baik. Dalam keadaan-keadaan tertentu ada kesatuan kebangsaan yang lebih baik. Itu terpulang kepada keadaan. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bagi pertubuhan peringkat kebangsaan, dengan izin, overheadnya lebih tinggi. Terpaksa menggaji pekerja-pekerja dengan sepenuh masa yang mahal gajinya, elaun, bayaran dan sebagainya. Begini, misalnya 85,000 orang ahli-ahli, pekerja-pekerja, yurannya dicadangkan \$2.00. \$175,000 sebulan hasil daripada yuran ahli-ahli ini.

Kita menyimpan semua rekod. Kementerian Buruh dan Pendaftar

Kesatuan Sekerja. Kita semua ada rekod, tiap-tiap kesatuan bagaimana perbelanjaan duit, bagaimana pengurusan dan sebagainya. Dan saya tidak menyatakan buruk dan baik. Tetapi pada pandangan kita daripada pengalaman Kerajaan khususnya Kementerian Buruh dalam bab ini, memandangkan sektor yang sensitif adalah lebih baik pada masa peringkat yang awal kita benarkan mereka menubuhkan kesatuan dalaman. Terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada lagi Yang Berhormat?

Tuan Lee Lam Thye: Ya, ada satu lagi. Sungguhpun saya tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, akan tetapi saya tidak mahu mengambil kesempatan untuk mengadakan perbincangan, tetapi saya akan tunggulah apabila kita membahaskan estimate untuk Kementerian Buruh.

Tetapi satu soalan yang saya ingin bertanya di sini iaitu adakah ini benar bahawa keengganan pihak Kementerian ataupun Kerajaan untuk membenarkan penubuhan sebuah kesatuan kebangsaan ialah atas sebab tekanan daripada sektor korporat ataupun multi-national corporation, dengan izin, oleh kerana yang sebenarnya multi-national corporation ini tidak mahu sebuah kesatuan kebangsaan ditubuhkan, oleh sebab ini adalah menentang kepentingan mereka.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak benar langsung apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Kalau kita menerima tekanan daripada ahli-ahli korporat ini kita langsung tidak benarkan pekerja tubuhkan kesatuan sekerja baik dalaman, baik gabungan atau

peringkat kebangsaan. Kerajaan tidak bekerja atau berfungsi berdasarkan tekanan mana-mana pihak. Kita bekerja atas sistem dan amalan yang baik untuk rakyat, baik untuk pekerja, baik untuk semua pihak, kita buat. Itu amalan Kerajaan. Kalaulah kata ini tekanan, kita boleh kata jangan tubuh langsung, apa hendak dikatakan?

Jadi saya berpendapat ambillah dengan pemikiran yang positif. Ini langkah yang awal, lebih baik. Dulu tidak ada langsung sekarang lebih baik. Dan saya menafikanlah bahawa Kerajaan bertindak begini atas tekanan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Kita tidak takut kepada tekanan-tekanan ini. MTUC sendiri mempunyai ahli berapa ribu orang. Tidak menjadi masalah kepada Kerajaan. CUEPACS pun begitu. Kerana kita tidak membuat apa-apa kesalahan. Adanya kesatuan ini lebih baik kerana boleh berunding. Tetapi setelah 15 tahun tidak ada kesatuan, dan sektor ini sensitif.

Kita harus ingat, pelabur juga boleh membuat pilihan. Kalau di sini terlalu kacau bilau, dia boleh pindah ke negeri yang lain. Pada akhirnya yang menjadi mangsa ialah pekerja. Kerana hilangkan pekerjaan dan negara juga akan hilang dari segi pelaburan asing. Dari segi sensitiviti ini yang kita harus fikir kerana Kerajaan bukanlah menimbangkan perasaan orang, tetapi kepentingan negara secara keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Belia dan Sukan. Jemput Timbalan Menteri berkenaan menjawab.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan

terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan yang menyentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan.

Menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan sukacita saya memaklumkan bahawa dari maklumat yang didapati oleh Kementerian Belia dan Sukan ternyata jumlah tiket yang dijual tidak melebihi daripada 18,000 tiket. Oleh yang demikian, soal sama ada tiket-tiket yang berlebihan dijual kepada orang ramai tidak timbul.

Penonton-penonton yang berlebihan telah memasuki stadium secara haram dan menurut berita yang diterima kemungkinan berlaku perbuatan sabotaje. Perkara ini sedang disiasat oleh Persatuan Bola Sepak Sarawak dengan bantuan Polis sama ada perbuatan sabotaje benar-benar berlaku atau tidak.

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah menentukan beberapa syarat dalam menganjurkan siri pertandingan Piala Malaysia terutama dari segi keselamatan di stadium. Tindakan-tindakan yang sesuai telah pun diambil oleh persatuan berkenaan apabila berlaku sebarang peristiwa yang melibatkan penonton serta keselamatan. Perlawanan di malam yang berkenaan telah dimulakan pada jam 11.23 malam setelah pihak Polis memberi pengakuan bahawa mereka mampu memberi perlindungan kepada pasukan yang bermain. Pasukan Kedah telah bermain "under protest" dengan syarat bahawa perlawanan akan ditangguhkan sekiranya sesiapa sahaja yang tidak berkenaan masuk ke padang itu. Pada minit yang ke 35 Jurulatih Sarawak, Encik Awang Mayang telah masuk ke padang untuk menegur pengadil pertandingan dan berikutnya pasukan Kedah telah keluar padang untuk berhenti bermain.

Oleh yang demikian, pasukan Kedah tidaklah dipersalahkan kerana mereka sanggup bermain meskipun "under protest" dan berhenti bermain apabila syarat yang telah dipersetujui tidak dipenuhi.

Daripada insiden yang berlaku itu dapatlah kita simpulkan bahawa minat terhadap sukan bolasepak khususnya pertandingan Piala Malaysia telah berkembang terutama di negeri-negeri yang sebelum ini tidak berjaya mencapai kemenangan yang dapat dibanggakan. Hasil daripada kemenangan-kemenangan ini, jumlah penonton serta sokongan kian bertambah dan kemampuan stadium tidak dapat menampung jumlah yang berlebihan ini. Penyelesaian kepada masalah ini ialah dengan memperbaiki kedudukan stadium-stadium ini dari segi keselamatan di samping mempertingkatkan keupayaan menampung jumlah penonton yang kian bertambah. Pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam?

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup korum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha, sila bilang. 21. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 29. Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Cik Teng Gaik Kwan: Pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengambil perhatian tentang perkara

ini dan secara beransur-ansur memberi bantuan kepada negeri berkenaan untuk mengambil tindakan yang dinyatakan. Namun demikian kemampuan kewangan yang diperuntukkan bagi Kementerian adalah terhad dan pihak-pihak berkuasa Kerajaan Negeri ataupun pihak berkuasa Kerajaan Tempatan sepatutnya juga mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini. Dalam hal ini saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana berikutan daripada insiden yang berlaku, keputusan telah dibuat untuk menambah jumlah tempat duduk supaya lebih ramai lagi penonton dapat menyaksikan pertandingan-pertandingan pada masa akan datang.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kok Lanas supaya bakal-bakal ahli sukan, jurulatih dan pengurus-pengurus pasukan dilatih secara profesional, sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Sukan Negara telah mengambil perhatian mengenai perkara ini dan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Beberapa program pembangunan ahli sukan seperti program Pelapis Kebangsaan, program Bakat Kebangsaan dan program Bakat Sekolah diwujudkan bagi sukan-sukan yang tertentu di mana etelit-etelit muda yang berpotensi telah dikenalpasti pada masa yang akan datang. Di samping itu juga Majlis Sukan Negara telah mewujudkan sebuah Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan yang bertujuan untuk melatih Jurulatih-jurulatih secara yang lebih sistematik. Program latihan kepada Jurulatih ini telah pun dimulakan pada tahun ini dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Demikian juga halnya dengan latihan kepada pentadbir-pentadbir sukan di mana kursus-kursus

yang bersesuaian telah diadakan dari masa ke semasa. Satu program yang lebih teratur di bawah kelolaan Lembaga Kejurulatihan juga akan disediakan.

Yang Berhormat dari Kok Lanas juga telah menyentuh mengenai kapasiti stadium-stadium bagi menampung penonton-penonton bolasepak yang kian meningkat. Sukacita saya memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelima memang ada cadangan untuk menambah kapasiti stadium iaitu bagi negeri Kedah Darul Aman, negeri Johor Darul Takzim dan negeri Pahang Darul Makmur. Di samping itu Kementerian juga ada cadangan untuk membina stadium baru seperti Stadium Kompleks Sukan Negeri Sembilan yang dalam proses pelaksanaan. Pihak Kementerian juga sedar bahawa keupayaan Stadium Merdeka adalah terbatas walaupun keupayaannya adalah pada tahap 40,000 orang pada masa kini. Sebagai perancangan masa akan datang di bawah Master Plan bagi kawasan Institusi Sukan Negara di Bukit Jalin, Kuala Lumpur sudah pun dirangka. Pembinaan sebuah stadium baru dengan muatan seramai 80,000 orang mengikut rancangan pada masa kini, stadium ini adalah dalam fasa kedua pelaksanaan Institut Sukan Negara itu.

Memandangkan kepada keadaan permintaan dan minat yang semakin bertambah untuk menyaksikan pertandingan sukan khususnya bolasepak, maka keperluan diadakan sebuah stadium semakin mendesak. Oleh itu Kerajaan sedang menimbang kemungkinan menyegerakan pembinaan sebuah stadium baru supaya dapat menampung keperluan yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun keputusan muktamad belum lagi dibuat, kerana anggaran perbelanjaan untuk stadium ini belum lagi dapat ditetapkan. Pada pendapat

Kementerian, keperluan untuk sebuah stadium dengan muatan lebih kurang 80,000 orang adalah difikirkan sesuai dibina untuk mengisi keperluan di masa akan datang.

Menyentuh tentang pandangan Yang Berhormat dari Kota Setar, Kementerian Belia dan Sukan khususnya Majlis Sukan Negara berserta dengan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan akan melipatgandakan usaha menyediakan etelit untuk sukan olimpik di Barcelona pada tahun 1992 yang akan datang. Dalam hal ini tumpuan khusus akan diberikan kepada sukan badminton di mana kita percaya bahawa pemain-pemain negara mampu memenangi pingat di sukan olimpik yang akan datang. Di samping itu juga tindakan-tindakan akan dilaksanakan bagi menentukan supaya sekumpulan etelit dapat dikenalpasti lebih awal untuk dilatih bagi menyediakan diri ke sukan olimpik berkenaan.

Dalam melaksanakan hal ini sokongan-sokongan seperti bantuan latihan dalam dan luar negeri, jurulatih-jurulatih yang berkebolehan akan dipertingkatkan lagi dari yang telah dilaksanakan sekarang ini. Perlulah dinyatakan di sini bahawa masalah perlantikan pegawai-pegawai pasukan adalah di bawah budi-bicara Majlis Olimpik Malaysia dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementarian mengambil perhatian tentang perkara ini dan akan menasihatkan Majlis Olimpik Malaysia supaya lebih berhati-hati dalam menentukan pegawai-pegawai yang dilantik untuk mengiringi ahli-ahli sukan ke pertandingan-pertandingan yang penting seperti Sukan Olimpik.

Berhubung dengan permainan bolasepak pula, seperti yang telah sedia maklum bahawa Persatuan Bolasepak Malaysia akan

melaksanakan liga profesional mulai tahun 1989. Tujuan mewujudkan liga profesional ini ialah untuk mempertingkatkan mutu sukan bolasepak negara kita. Melalui liga profesional yang akan dilaksanakan ini setiap pasukan boleh mengimport pemain luar negeri yang berjumlah tidak lebih daripada 3 orang. Di samping itu juga pasukan-pasukan negeri yang akan bertanding dalam dua bahagian liga dikehendaki memenuhi syarat-syarat tertentu, terutamanya dalam menyediakan jumlah pemain sepenuh masa atau yang lebih dikenali sebagai pemain kontrak tempatan. Pasukan-pasukan ini dikehendaki mempunyai pemain-pemain kontrak tempatan dalam jumlah yang tertentu setiap tahun sehingga pada satu masa kelak kesemua pemain tempatan terdiri daripada mereka yang bertugas hanya pemain bolasepak sahaja.

Menyentuh tentang pengangguran di kalangan belia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Semporna, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mengambil berat terhadap perkara tersebut. Sehubungan dengan ini Kementerian telah mengambil penekanan dalam melatih belia dalam berbagai bidang kemahiran sama ada secara institusi atau tidak institusi sebagai persediaan sebelum menceburkan diri dalam alam pekerjaan.

Di samping itu, Kementerian telah menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia untuk memberi kemudahan pinjaman modal bagi program rancangan peniaga kecil. Rancangan belia berniaga dan rancangan belia peladang bagi tujuan melahirkan belia berdikari dalam bidang perniagaan, perusahaan kecil dan pertanian khususnya di kawasan luar bandar dan seterusnya akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di kalangan belia. Bagi tujuan

pembangunan luar bandar, Kementerian sedang mewujudkan bengkel teknologi desa di tiap-tiap daerah yang berfungsi sebagai pusat memberi latihan kemahiran dan pusat pengeluaran yang menggunakan sumber-sumber tempatan seperti buluh, rotan, pisang dan ikan. Dengan program ini akan dapat mewujudkan belia berdikari dan peluang-peluang pekerjaan di kalangan belia luar bandar.

Saya mengakhiri ucapan ini dengan mengucapkan terima kasih sekali lagi atas pandangan-pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa perbahasan Anggaran Belanjawan 1989 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yakni dari Bukit Bintang, Kapit, Bukit Mas, Puchung, Keluang dan Pengkalan Chepa telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidangkuasa Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang membangkitkan mengenai peruntukan bagi perumahan kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan berjumlah \$89.13 juta bagi tahun 1989 itu akan digunakan untuk membiayai pelaksanaan 62 projek perumahan

awam kos rendah yang mengandungi 11,373 unit di seluruh negara. Semua projek ini kecuali 3 projek baru adalah projek sambungan. Dari jumlah itu, 48 projek yang mengandungi 8,595 unit adalah dijangka siap pada tahun 1989 manakala bakinya merupakan projek-projek yang telah siap atau dijangka siap pada tahun 1988. Kerajaan memang sedar peruntukan tersebut tidak mencukupi untuk memenuhi keseluruhan keperluan perumahan kos rendah di negara ini. Bagi menampung keperluan itu terdapat juga projek-projek perumahan kos rendah di bawah program khas perumahan kos rendah yang dilaksanakan oleh pemaju-pemaju swasta di atas tanah Kerajaan dan tanah milik persendirian. Kerajaan yakin bahawa 240,000 unit rumah akan dapat dibina di bawah program ini walaupun tempoh pelaksanaannya, iaitu tempoh 3 tahun, mungkin dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga sedar adanya pembeli-pembeli rumah yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi-institusi kewangan. Bagi mengatasi masalah ini Biro Pusat Perumahan telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia. Institusi-institusi kewangan yang tidak dapat meluluskan sesuatu permohonan kerana telah terlalu banyak memberi pinjaman perumahan adalah dikehendaki memajukan permohonan kepada pihak biro. Permohonan-permohonan yang ditolak kerana alasan-alasan selain daripada itu juga dikehendaki dimajukan kepada biro dengan disertakan sebab-sebab penolakan untuk siasatan selanjutnya.

Mengenai rumah-rumah kos rendah yang dibina untuk sewaan, sungguhpun Kerajaan tidak menetapkan satu kuota tertentu bagi setiap negeri, Kerajaan memang menggalakkan negeri-negeri untuk menyediakan rumah kos rendah

untuk disewa, terutamanya di bandar-bandar besar. Dalam hal ini memang terdapat rumah-rumah di bawah program perumahan awam kos rendah yang dibina dengan tujuan untuk disewa kepada orang ramai, kebanyakannya terdiri daripada rumah pangsa. Bagi Semenanjung Malaysia 15 projek mengandungi 5,267 unit rumah dirancang untuk pelaksanaan di bawah program ini di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima, tidak termasuk Wilayah Persekutuan. Bagi negeri Sabah pula sebanyak 6 projek mengandungi 2,580 unit dirancang untuk pembinaan di bawah program yang sama. Di Wilayah Persekutuan pula sebanyak 2,684 unit adalah dikhaskan untuk disewa.

Tuan Yang di-Pertua, sasaran 78,927 unit rumah kos rendah seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Puchung merupakan bilangan unit yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan bagi tahun pertama di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah. Setakat 30hb Jun 1988 sejumlah 11,945 unit atau 15.1% telah dapat disiapkan daripada jumlah itu dan sebanyak 30,958 unit adalah dalam proses pembinaan. Adalah tidak dinafikan bahawa jumlah unit yang dapat disiapkan adalah kecil berbanding dengan sasaran. Ini disebabkan pada kebiasaannya tempoh penyiapan sesuatu projek itu mengambil masa daripada 18 bulan hingga 24 bulan sekiranya projek tersebut tidak menghadapi sebarang masalah pelaksanaan.

Pada umumnya pencapaian tahun pertama itu tidak begitu memuaskan disebabkan oleh beberapa masalah seperti berikut:

- (i) Tapak-tapak yang dikenalpasti kurang sesuai dimajukan dengan serta-merta akibat ciri-ciri fizikal tapak dan kekurangan permintaan di kawasan yang berkenaan. Ini

menimbulkan masalah-masalah seperti kos pembangunan yang tinggi, kesulitan memperolehi pembiayaan dan masalah dalam memperolehi kelulusan perancangan dan infrastruktur;

- (ii) bagi tapak-tapak yang sesuai terdapat pula masalah-masalah lain yang wujud, diantaranya termasuklah pemaju atau kontraktor yang dipilih kurang keupayaan dan kebolehan melaksanakan projek; dan
- (iii) kelewatan dalam pemilihan pemaju atau kontraktor dan kelewatan memperolehi kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah, pelan infrastruktur dan pelan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan seterusnya menyegerakan pencapaian sasarannya, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) Meminta Kerajaan-kerajaan Negeri:
 - (a) memilih tapak projek yang sesuai dan viable dimajukan dengan serta-merta terutamanya bagi projek-projek yang akan datang bagi tahun kedua dan ketiga;
 - (b) meminta Kerajaan-kerajaan Negeri mempercepatkan pemilihan pemaju dan kontraktor serta menentukan pemaju kontraktor yang dipilih adalah sesuai serta mempunyai kebolehan

dan keupayaan untuk melaksanakan projek;

- (c) meminta Kerajaan-kerajaan Negeri memberi insentif dan galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak rumah kos rendah serta mempercepatkan pelaksanaannya. Di antara galakan-galakan ini termasuklah mempercepatkan kelulusan perancangan, mengurangkan piawaian-piawaian tertentu tanpa menjejaskan keselamatan dan mengurangkan bayaran premium tanah dan mengecualikan bayaran ukur.

- (ii) Memberikan galakan kepada pembeli-pembeli perumahan kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan berkenaan. Galakan yang dimaksudkan termasuklah penetapan kadar faedah pinjaman yang rendah, kelonggaran syarat pinjaman bagi pembelian rumah serta mengecualikan bayaran duti setem.

Tuan Yang di-Pertua, harga \$25,000 seunit bagi rumah kos rendah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Larut itu adalah merupakan paras harga maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan. Bagaimanapun kebanyakan dari projek-projek yang dibina oleh Kerajaan di jual dengan harga yang kurang daripada \$25,000 seunit. Sebagai contohnya dalam tahun 1987, sebanyak 5,732 unit rumah di bawah program perumahan awam kos rendah di luar bandar telah disiapkan dan didapati sebanyak 2,408 unit atau 42% daripada jumlah itu telah dijual dengan harga kurang dari \$80,000 ke bawah. Kategori harga jualan rumah-rumah

yang siap pada tahun 1987 adalah seperti berikut:

- (i) Harga unit rumah sebuah dalam paras \$12,000-\$15,000 sebanyak 1,750 unit;
- (ii) dari \$15,000-\$18,000—658 unit;
- (iii) dari \$18,000-\$21,000—1,917 unit;
- (iv) dari \$21,000-\$25,000—1,406 unit;

telah dilaksanakan pada tahun 1987.

Berkaitan dengan penggunaan asbestos di dalam industri pembuatan termasuk di projek-projek perumahan kos rendah, adalah didapati bahawa setakat yang diketahui bukti terhadap bahaya bahan ini kepada pekerja-pekerja pembinaan dan penghuni-penghuni rumah, terutamanya kanak-kanak belum lagi dipastikan. Apa yang diketahui ialah bahaya penyakit barah hanya boleh dikaitkan dengan menghidu debu-debu asbestos yang tulin sahaja. Dalam hal ini kilang-kilang pembuatan barangan dari asbestos adalah disyaratkan mengambil langkah-langkah keselamatan termasuk langkah-langkah untuk melindungi pekerja-pekerja yang terlibat dalam pembuatan barangan daripada asbestos. Dalam proses pembuatan bahan-bahan pembinaan daripada asbestos, simen adalah dicampurkan dengan asbestos fiber dalam keadaan basah dan kemudian dikeringkan. Barangan ini dikenali sebagai barangan asbestos simen dan tidak mengeluarkan debu asbestos yang tulin. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa pihak-pihak tertentu menyuarakan keraguan mengenai kegunaan asbestos simen, Kementerian ini akan mewujudkan satu jawatankuasa untuk menyiasat perkara ini sedalam-dalamnya sebelum membuat satu-satu keputusan yang muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Kementerian ini ingin menerangkan bahawa usaha-usaha sedang diambil untuk mengadakan sebuah balai bomba di Lawas. Oleh kerana tiada peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, maka projek pembinaan balai bomba, jika diluluskan hanya akan diusahakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Di samping itu usaha-usaha juga telah diambil untuk menubuhkan satu pasukan bomba sukarela di Lawas. Peraturan juga telah dibuat untuk melatih anggota-anggota pasukan bomba sukarela ini dan alat-alat kelengkapan seperti pam angkut dan lain-lain akan dihantar ke Lawas tidak lama lagi.

Bagi kawasan Limbang pula Jabatan Perkhidmatan Bomba pada masa ini menumpang di sebuah bangunan sementara di mana beberapa anggota dan sebuah kereta bomba ditempatkan. Keadaan ini kurang memuaskan dan Jabatan Bomba sedang berusaha untuk mendapatkan tapak balai bomba supaya sebuah balai bomba yang lebih sempurna dapat diadakan.

Merujuk kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit mengenai Balai Bomba Kapit dan perkhidmatan bomba di Sarawak, sukacita memaklumkan bahawa semasa pengambilan-alih perkhidmatan bomba di Sarawak perkhidmatan bomba di Kapit menumpang di bangunan perpustakaan kepunyaan Majlis Daerah. Memang ruangnya agak sempit dan tiada tempat untuk menjalankan latihan. Walau bagaimanapun, latihan terus dijalankan di tempat lapang yang berhampiran dengan balai bomba. Kementerian ini sedang berusaha untuk mendapatkan tapak yang sesuai untuk membina balai bomba yang

lengkap di Kapit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah kereta bomba baharu telah pun dibekalkan untuk Balai Bomba Kapit pada tahun 1985. Bagi negeri Sarawak sebanyak 15 buah kereta bomba baru dan sebuah kereta bomba bertangga telah pun dibekalkan. Kementerian ini memang menyedari bahawa beberapa kawasan di Sarawak tidak mempunyai perkhidmatan bomba. Walaupun begitu, usaha sedang dijalankan untuk menubuhkan pasukan-pasukan bomba sukarela yang akan diberi oleh Jabatan Bomba. Di samping itu Kementerian juga sedang berusaha untuk membekalkan peralatan-peralatan yang perlu untuk pasukan-pasukan tersebut setakat yang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberikan pandangan dan teguran berkaitan dengan bidang tugas Kementerian ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

7.09 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Perbekalan yang telah lalu Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyentuh beberapa perkara mengenai RTM dan Kementerian Penerangan. Izinkan saya menjawab perkara-perkara yang telah disebutkan secara am.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyentuh tentang rancangan-rancangan Tamil siaran RTM yang dikatakan tidak cukup dan juga siaran Rangkaian Merah melalui F.M. Mono yang telah dihentikan.

Ingin saya memberi keterangan secara berikut. Pada masa ini rancangan-rancangan Televisyen di RTM disiarkan dalam empat bahasa—Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa India iaitu bahasa Tamil, mengikut peratusan masa tertentu kerana bahasa utama ialah Bahasa Malaysia dan bahasa kedua ialah bahasa Inggeris. Siaran dalam bahasa-bahasa lain adalah untuk memenuhi keperluan komunikasi yang penting sahaja.

Mengenai siaran rancangan-rancangan Rangkaian Merah melalui FM Mono, siaran itu adalah siaran ujian yang telah dibuat selama 2 bulan. Kementerian ini sedang membuat penganalisaan dan penilaian atas maklumat-maklumat yang diperolehi melalui siaran-siaran ujian yang diadakan. Keputusan untuk meneruskan siaran rancangan Rangkaian Merah melalui FM Mono akan dibuat kelak apabila siaran FM dapat dibuat bagi seluruh negara pada masa yang akan datang.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Penerangan untuk membolehkan rancangan-rancangan disiarkan secara luas dan jelas di seluruh negara. Usaha sedang dijalankan ke arah ini kerana masih ada pihak-pihak yang belum mendapat siaran radio dan televisyen dengan secara terang dan jelas. Daripada segi itu, siaran-siaran dalam bahasa Tamil yang dibuat sekarang ini adalah didapati mencukupi. Untuk menambahnya lagi akan mengurangkan peratusan masa yang diberikan untuk siaran dalam bahasa-bahasa utama dan kedua yang digunakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan-jawapan yang dapat kami beri berkenaan perkara-perkara yang ditimbulkan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

7.11 mlm.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, yang telah memberi pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam perbahasan di atas dasar am Belanjawan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu menyentuh berkenaan banyak tarikan pelancongan di negara ini telah tidak diberi pengiklanan yang meluas di negara-negara asing. Di samping itu, dalam pengiklanan tempat-tempat tarikan pelancongan di Malaysia, tumpuan kurang diberi kepada Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini bahawa di dalam memasarkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan di luar negeri, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran yang menyeluruh. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan di pasaran-pasaran berpotensi yang telah dikenalpasti bagi memastikan bahawa pulangnya adalah sejajar dengan perbelanjaan yang dilakukan dan selaras dengan kehendak pembangunan industri pelancongan negara.

Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti di mana Kementerian mengendalikan aktiviti-aktiviti pemasaran agar ia akan menimbulkan

keberkesanan hasil yang menguntungkan adalah seperti berikut:

Pasaran-pasaran utama negara kita ialah Singapura, negeri Jepun, Australia, negeri Thai, Hongkong, Taiwan, United Kingdom, Jerman Barat, Pantai Barat Amerika Syarikat dan juga pasaran tempatan sendiri. Ini telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria, termasuk di antaranya:

- (i) tahap kesedaran mengenai negara kita yang agak tinggi;
- (ii) penduduknya mempunyai keinginan dan keupayaan untuk melancong serta mempunyai sikap dan kecenderungan positif terhadap pelancongan;
- (iii) kuasa membeli yang tinggi kerana kekukuhan matawang mereka;
- (iv) kemudahan perjalanan khususnya perjalanan udara yang baik bagi pelancongan perseorangan dan juga pelancongan berkumpulan.

Pasaran-pasaran kedua kita ialah termasuk negeri Perancis, Belanda, Itali, negara-negara Scandinavia, Switzerland, Asia Barat, Korea Selatan dan juga India. Ini juga berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kempen pengiklanan Kementerian di pasaran-pasaran luar negeri ada menonjolkan aspek-aspek tarikan pelancongan di negara kita seperti pantai yang bersih, gunung-ganang yang menghijau, Taman Negara yang penuh dengan flora dan fauna serta kebudayaan yang berbilang kaum. Di dalam hampir semua kempen pengiklanan ini, aspek-aspek daya tarikan negeri Sabah dan Sarawak juga tidak ketinggalan. Kehidupan di rumah panjang misalnya, Taman Perlindungan Orang Utan, kebudayaan kaum-kaum

Asli di Sabah dan Sarawak dan berbagai lagi aspek yang unik ditonjolkan.

Dari segi promosi juga, Kementerian sentiasa memperkenalkan Sabah dan Sarawak sebagai kawasan tarikan pelancong yang gemarkan perubahan bercorak "adventure", dengan izin.

Ahli Yang Berhormat mungkin dapat mengenang kembali kepada penyertaan Malaysia buat pertama kalinya di Pasadena Tournament of Roses Parade, dengan izin, di Amerika Syarikat pada tahun 1987 di mana Orang Utan serta pahlawan negeri Sarawak telah diberi penonjolan istimewa dalam kereta berhias penyertaan Malaysia pada ketika itu. Kementerian juga meraikan rombongan-rombongan perfileman dari luar negeri ke negara ini bagi menghasilkan rencana-rencana khas mengenai rumah panjang, Gua Niah dan juga Gua Mulu serta Taman Perlindungan Orang Utan yang disiarkan melalui televisyen di Amerika Syarikat, di Eropah, di Australia dan juga di negara Jepun. Selain dari itu, ramai juga penulis-penulis kembara yang telah melawat Sabah dan Sarawak di samping melawat Semenanjung Malaysia untuk menulis rencana-rencana di majalah serta suratkhbar tempatan di negara masing-masing. Kementerian akan terus berusaha memperkenalkan negara di pasaran-pasaran utama dalam tahun 1989, tahun akan datang. Dalam semua aktiviti pemasaran, Sarawak serta Sabah akan diberi tekanan serta penonjolan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor mengenai cadangan Belanjawan 1989, bahawa cadangan cukai jualan sebanyak 5% ke atas beberapa jenis barangan makanan tertentu, akan mengakibatkan

kenaikan harga makanan di restoran-restoran dan juga di hotel-hotel di negara kita ini yang mana akan memberi kesan kepada para pelancong yang mengunjungi negara ini, sukalah saya menyatakan di sini bahawa perkara ini tidak boleh dijadikan sebagai satu alasan bagi restoran-restoran dan juga hotel-hotel untuk menaikkan harga barang-barang makanan di restoran dan hotel masing-masing. Ini kerana barang-barang yang terlibat adalah hanya barang-barang yang tertentu sahaja, dan barang-barang ini ada kalanya boleh diganti dengan barang-barang keluaran dalam negeri dan ini juga akan menggalakkan penggunaan bahan-bahan makanan tempatan dan memberi galakan kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Di samping itu, Kementerian berharap pihak hotel dan juga restoran akan dapat menyelaraskan harga barang-barang makanan ini ke paras yang ada sekarang, memandangkan di dalam Belanjawan 1989 ini Kerajaan akan mengurangkan lagi cukai korporat bagi syarikat-syarikat korporat di negara kita.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli dari Bukit Mas ke atas keyakinan beliau terhadap peranan yang dimainkan oleh Kementerian di dalam memajukan industri pelancongan di negara kita. Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan di sini bahawa kejayaan industri pelancongan di negara kita ini bergantung rapat terhadap kerjasama yang diberi oleh semua pihak. Di dalam hal ini, Kementerian sentiasa bekerja rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memajukan industri pelancongan di negeri masing-masing.

Mengenai kekurangan kemudahan pengangkutan udara untuk membawa pelancong-pelancong ke negeri Sarawak, ianya memang telah lama disedari oleh Kementerian dan ini telah

dibincangkan di dalam beberapa mesyuarat tertentu. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan. Insya Allah, dengan adanya pengumuman yang baru dibuat oleh pihak yang berkenaan, saya kira keadaan ini akan bertambah baik.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Tabung Pelancongan dan kutipan tabung dibuat dengan mengenakan bayaran sebanyak \$50 ataupun \$100 kepada rakyat Malaysia yang ingin melancong ke luar negeri, pada pandangan Kementerian, perkara ini mungkin boleh menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan orang ramai dan juga ianya mungkin menimbulkan tindak-balas dari negara-negara lain terhadap para pelancong yang akan melawat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menyarankan supaya Kerajaan menyemak semula beberapa dasar Kerajaan termasuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan, sekiranya kita ingin melihat negara kita berjaya dan maju serta kembali membina peribadi insan dan membendung keruntuhan moral.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang ada sekarang adalah berdasarkan kepada tiga prinsip:

- (i) Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal negara ini;
- (ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan
- (iii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Ketiga-tiga prinsip ini mempunyai satu kesatuan yang kukuh dan rasional baik dari segi sejarah, ilmu alam, kesenian, kemanusiaan, linguistik dan sebagainya ke arah mencapai matlamat dan cita-cita Kerajaan dan ketiga-tiga prinsip ini mencerminkan bahawa Kebudayaan Kebangsaan itu bersifat terbuka. Ini dapat dilihat dari sudut selera pakaian, seni bina, makanan dan lain-lain yang mana telah pun menjadi amalan harian rakyat negara kita dari pelbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab membina masyarakat yang bermoral pula bukanlah menjadi tanggungjawab seratus peratus Kerajaan, tetapi hendaklah bermula daripada unit kemasyarakatan yang lebih kecil seperti keluarga dan kelompok-kelompok masyarakat yang ada menerusi badan-badan sukarela mahupun dalam aktiviti-aktiviti yang boleh memupuk kesefahaman dan kerjasama di kalangan rakyat termasuklah aktiviti-aktiviti sosial, budaya dan agama. Oleh itu, ingin saya tegaskan di sini bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah merupakan dasar yang bersifat liberal dan rasional serta bertanggungjawab membina peribadi, iman dan menentang keruntuhan moral seperti yang tergambar secara ketara menerusi ketiga-tiga prinsip utamanya tadi. Oleh itu, penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini tidak perlu dipertikaikan lagi dan Kementerian tidak bercadang untuk menyemak dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin merakamkan sekali lagi terima kasih saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang membina. Insya Allah, dengan pandangan ini kita akan berupaya memperelokkan lagi apa yang kita lakukan di peringkat Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali, Kementerian Kewangan.

7.24 mlm.

Menteri Kewangan (Dato' Paduka Daim Zainuddin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan cadangan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1989.

Kerajaan gembira melihat Belanjawan 1989 disambut baik oleh pelbagai pihak. Jika diteliti secara menyeluruh, iaitu langkah-langkah cukai, strategi untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi, dan perbelanjaan pembangunan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan untuk rakyat, Belanjawan tahun ini sebenarnya memberi faedah kepada setiap golongan rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya memberi penjelasan terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mendakwa bahawa Belanjawan 1989 adalah Belanjawan Pilihanraya. Pihak Pembangkang nampaknya suka sangat mengaitkan Belanjawan dengan pilihanraya. Tuduhan begini bukan perkara baru. Jika pihak Pembangkang merasakan pilihanraya sudah hampir, terpulanglah kepada mereka untuk bersiap sedia.

Sukalah saya nyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak bergantung kepada Belanjawan untuk mendapat kejayaan di dalam pilihanraya. Jika benar Belanjawan digunakan untuk pilihanraya, Kerajaan sepatutnya menambahkan perbelanjaan dengan banyak dalam Belanjawan 1986 bagi menghadapi pilihanraya umum, tetapi ini tidak berlaku. Malah walaupun ekonomi dilanda kemelesetan, Kerajaan tidak gentar untuk

berhadapan dengan rakyat pada tahun 1986. Walaupun Belanjawan tahun itu tidak disambut baik oleh beberapa pihak, Kerajaan Barisan Nasional telah menerima mandat yang besar. Ini kerana Kerajaan mempunyai rekod yang cemerlang. Kerajaan Barisan Nasional adalah jujur, bertanggungjawab. Dasar-dasar yang dilaksanakan adalah untuk faedah rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga menyatakan bahawa Belanjawan Tahun 1989 dirangka untuk pegawai-pegawai Kerajaan. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pula menyifatkan Belanjawan 1989 adalah untuk ahli-ahli perniagaan. Ada yang berpendapat pula penduduk luar bandar akan mendapat faedah yang besar. Pandangan-pandangan ini jelas membuktikan bahawa Belanjawan 1989 memberi faedah kepada semua pihak di negara kita. Memang inilah hasrat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal dengan tuduhan Ahli dari Seremban yang menyatakan pemulihan ekonomi yang kita capai sekarang, adalah cakap pemimpin-pemimpin Kerajaan sahaja. Saya ingin menegaskan bahawa anggaran kadar pertumbuhan ekonomi tahun ini yang dibuat oleh Kerajaan adalah konservatif. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ada institusi profesyenal di dalam dan luar negeri, yang membuat ramalan yang lebih optimistik tentang prospek ekonomi negara kita.

Anggaran pertumbuhan ekonomi ini dibuat dengan teliti dengan mengambil pertimbangan perkembangan dalam ekonomi dunia dan ekonomi dalam negeri. Kerajaan tidak pernah membesar-besarkan anggaran ini, untuk memberi gambaran yang palsu. Kita adalah Kerajaan yang

bertanggungjawab, dan tanggungjawab kita ialah menyatakan kebenaran dan bukannya memesongkan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional tidak suka cakap kosong.

Yang Berhormat dari Pasir Mas melahirkan kebimbangan mengenai hutang negara yang tinggi. Walaupun tinggi, hutang negara adalah terkawal. Ini adalah berikutan daripada langkah berjimat cermat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Kerajaan telah mengambil langkah yang perlu untuk membendung hutang negara ini. Berikutan daripada program bayaran balik awal hutang luar negeri yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah kira-kira lima ribu juta ringgit sehingga tahun 1988, hutang luar negeri dijangka berkurangan sebanyak 8.2% daripada \$50,855 juta dalam tahun 1987 kepada \$46,702 juta pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran bahawa pelarasan gaji akan meningkatkan inflasi, saya ingin menjelaskan bahawa kenaikan gaji yang diberikan tidaklah tinggi sangat. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kenaikan gaji ini melibatkan tambahan perbelanjaan \$289 juta ringgit. Jumlah ini tidak akan mempunyai kesan yang besar ke atas kadar inflasi. Pada tahun 1986 apabila pelarasan dibuat untuk kakitangan Kumpulan C dan D yang melibatkan \$423.4 juta, kadar inflasi hanya 0.6%.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli dari Hulu Selangor mengesyorkan supaya pelarasan gaji mengambilkira kepentingan pesara-pesara. Sukalah saya jelaskan bahawa pesara-pesara juga secara langsung akan mendapat manfaat dari pelarasan ini kerana pencen dikira mengikut tanggagaji bagi jawatan yang mereka sandang sebelum bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada

Ahli-ahli dari Kok Lanas dan Kota Star yang menyokong keputusan Kerajaan membeli peralatan tentera daripada United Kingdom. Keraguan Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai kemampuan Kerajaan membeli peralatan ini adalah tidak berasas. Jika dipandang sekali imbas jumlah yang diperlukan memanglah besar. Tetapi perbelanjaan tidak akan dibuat dalam tempoh satu atau dua tahun. Seperti yang telah saya jelaskan di dalam Ucapan Belanjawan, pembayaran akan dibuat dalam tempoh 10 tahun dan syarat-syarat perdagangan timbal balas akan dikenakan. Ini akan menambahkan eksport negara ke United Kingdom.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pembelian ini tidak akan menjejaskan peruntukan bagi bidang-bidang lain dalam pembangunan negara, terutama dari segi mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyebut bahawa peruntukan untuk ketenteraan mengatasi peruntukan untuk pendidikan bagi tahun ini. Kenyataan ini adalah tidak benar. Bagi tahun 1988 peruntukan yang telah diluluskan bagi Kementerian Pertahanan ialah 2.3 ribu juta ringgit, manakala Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan 4.9 ribu juta ringgit. Bagi tahun 1989 pula, peruntukan yang dicadangkan bagi Kementerian Pendidikan adalah \$2.7 ribu juta lebih tinggi dari peruntukan bagi Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mencadangkan supaya elaun perumahan bagi konstabel dan pegawai-pegawai Polis berpangkat rendah khususnya mereka yang berkhidmat di Bandaraya seperti di Kuala Lumpur, dinaikkan, memandangkan kos sara hidup yang tinggi. Kerajaan sedar masalah perumahan yang dihadapi oleh anggota

Polis dan tentera dan langkah sedang diambil bagi mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak berupaya mengadakan kesemua keperluan sekali gus. Ia terpaksa ditimbang mengikut kemampuan Kerajaan dan pada masa ini Kerajaan belum mampu menaikkan elaun perumahan memandangkan implikasi kewangan yang besar.

Ahli Yang Berhormat dari Bakri mendakwa Kerajaan bersikap tidak adil dalam melaksanakan program membasmi kemiskinan. Mengikut beliau, Kerajaan memperuntukkan kewangan yang besar bagi program-program membasmi kemiskinan di kalangan kaum bumiputera sedangkan peruntukan kepada program bagi membasmi kemiskinan di kalangan kaum bukan bumiputera adalah kecil sekali. Sebagai contoh beliau menyatakan kemudahan asas di kampung-kampung baru tidak disediakan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik untuk setiap penduduk di negara ini tanpa mengira kaum, selaras dengan Dasar Ekonomi Negara. Walau bagaimanapun, hasrat ini perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan kemampuan kewangan Kerajaan. Oleh kerana lokasi kampung-kampung baru adalah berhampiran dengan bandar-bandar, kemudahan asas yang terdapat adalah lebih baik daripada kampung-kampung yang terpencil. Oleh itulah Perbelanjaan yang lebih besar disediakan kepada penduduk-penduduk kampung tradisional. Tetapi ini bukan bermakna Kerajaan mengabaikan keperluan kampung-kampung baru. Kerajaan akan menimbang tambahan peruntukan untuk kampung-kampung baru dan juga untuk tujuan-tujuan lain, jika hasil negara bertambah.

Selaras dengan usaha mewujudkan disiplin dalam pengurusan kewangan, Yang Berhormat Ahli dari Hulu Selangor mencadangkan agar satu dasar dan rancangan diadakan bagi menghapuskan semua bantuan kepada Badan-badan Berkanun selepas tahun 1990.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memang telah memutuskan untuk mengurangkan pemberian kepada Badan-badan Berkanun supaya mereka dapat mengurangkan pergantungan kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, pengurangan akan dibuat secara berperingkat-peringkat bagi memberi peluang kepada badan-badan tersebut bersedia membiayai perbelanjaan masing-masing dari sumber-sumber dalaman mereka sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pengusaha bumiputera. Kerajaan sedar masalah kewangan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputera. Dalam hubungan ini, dasar Kerajaan adalah bertujuan untuk memulihkan semula perusahaan yang berdaya maju. Bank-bank digalakkan untuk menubuhkan unit-unit pemulihan bagi mencapai maksud ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan penubuhan sebuah Tabung Pemulihan Usahawan dengan peruntukan berjumlah lima ratus juta ringgit (\$500 juta) untuk meringankan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin memberi penjelasan tentang beberapa isu cukai. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyambut baik langkah Kerajaan mengurangkan kadar cukai syarikat dari 40% kepada 35% mulai tahun taksiran 1989 dan menghapuskan cukai pembangunan

secara berperingkat-peringkat dengan pengurangan sebanyak 1% setahun mulai tahun taksiran 1990. Walau bagaimanapun, ada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama dari pihak Pembangkang, yang berpendapat bahawa pengurangan ini menguntungkan syarikat yang biasanya dimiliki oleh golongan kaya. Saya suka menyatakan di sini bahawa langkah menurunkan kadar cukai syarikat dan menghapuskan cukai pembangunan tidak hanya akan menguntungkan syarikat besar sahaja. Kadar-kadar ini adalah dikenakan ke atas semua syarikat, kecil atau besar. Pengurangan kadar-kadar ini mempunyai kesan sampingan yang luas ke atas ekonomi negara. Ia akan menggalakkan pelabur-pelabur untuk melabur dan menambahkan pelaburan mereka di negara ini. Dengan itu, peluang-peluang pekerjaan akan bertambah dan perkembangan ekonomi akan dapat dipertingkatkan. Eskport negara juga akan bertambah. Kerajaan percaya langkah ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang paling menarik untuk pelabur asing dan juga pelabur dalam negeri. Semua ini, akan menambahkan hasil negara dan akhirnya akan memberi faedah kepada semua golongan rakyat.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengesyorkan supaya Kerajaan mengurangkan kadar cukai pendapatan individu dan memberi pelepasan yang lebih kepada mereka. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan kerana ia akan mengakibatkan kehilangan hasil yang besar kepada Kerajaan. Kadar cukai individu adalah munasabah dan pelepasan yang diberikan sekarang adalah cukup. Lagipun, kadar cukai dan pelepasan individu baru sahaja dipinda, iaitu pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai

penarikan cukai pegangan sebanyak 5% ke atas faedah simpanan di bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia. Mengikut mereka, langkah ini akan menyebabkan pengaliran wang ke luar negeri. Sebenarnya kesemua pendapatan faedah adalah tertakluk kepada cukai pendapatan. Sebelum Belanjawan tahun 1982, ianya dikenakan mengikut kadar individu seperti yang diamalkan di kebanyakan negara lain di dunia. Oleh itu kadar 5% yang dikenakan sekarang ini adalah kadar yang paling rendah, iaitu bersamaan dengan kadar terendah cukai pendapatan individu. Jika pendapatan dari faedah berjumlah \$1,000, pembayar cukai hanya perlu membayar \$50. Penarikan pengecualian ini adalah bertujuan untuk memberi layanan yang sama kepada semua penyimpan.

Pada masa ini simpanan jangka pendek dikenakan cukai. Selain daripada itu, sekarang ini Kerajaan sedang menggalakkan perkembangan pasaran modal. Sekiranya Kerajaan terus memberi pengecualian kepada bayaran faedah ke atas simpanan yang tempoh matangnya melebihi 12 bulan, usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pasaran bon tidak akan berjaya. Mungkin andaian bahawa pengenaan cukai ini akan menyebabkan pengaliran modal ke luar negeri adalah berbangkit dari perasaan bimbang di kalangan penyimpan kerana butir-butir peribadi mereka mungkin diberikan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Anggapan ini tidak berasas. Saya ingin memberi jaminan bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak akan mengetahui siapa yang membayar cukai ini. Cukai pegangan yang dibayar oleh institusi-institusi kewangan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah dalam bentuk jumlah keseluruhan dari satu-satu bank dan tidak mengandungi maklumat peribadi seseorang pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelas tentang perbelanjaan keraian dan elaun keraian, yang tidak lagi boleh dipotong di dalam pengiraan cukai. Ada yang menganggap ini tidak sejajar dengan objektif untuk menggalakkan perkembangan perniagaan. Walaupun secara umumnya perbelanjaan keraian dan elaun keraian ini tidak dibenarkan sebagai potongan di dalam pengiraan cukai pendapatan, tetapi perbelanjaan keraian yang diberikan kepada pekerja, hadiah-hadiah untuk promosi dan perbelanjaan keraian bagi acara sukan atau kebudayaan bertujuan untuk meningkatkan perniagaan adalah dibenarkan sebagai potongan di dalam pengiraan cukai pendapatan. Oleh itu pada pandangan Kerajaan, perkembangan perniagaan tidak akan terjejas dengan langkah ini. Negara-negara lain di dunia pun mempunyai amalan yang sama mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada dasarnya kenaikan had bayaran bonos kepada golongan pekerja dari satu ribu ringgit atau dua bulan gaji kepada dua ribu ringgit, atau dua bulan gaji ditambah dengan jumlah tidak melebihi dua kali ganda peratus kenaikan keuntungan bersih syarikat telah disambut baik, tetapi ada yang tidak berpuashati dengan had yang dikenakan. Mereka meminta supaya had-had yang dikenakan ini dihapuskan. Pada pandangan Kerajaan had sekatan ini perlu untuk memastikan majikan tidak akan membuat pembayaran bonos bagi menggantikan gaji kepada pekerja-pekerja. Jika had dihapuskan, ada kemungkinan majikan akan membayar gaji yang rendah dan menambahkan bonos kerana bayaran bonos tidak tertakluk kepada sumbangan KWSP.

Berhubung dengan galakkan yang diberikan kepada syarikat-syarikat

pembinaan, iaitu potongan pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan yang dibawa balik dari projek-projek pembinaan di luar negeri, ianya diberikan memandangkan pada masa ini terdapat lebih keupayaan di dalam industri pembinaan di dalam negara. Galakan ini diberikan untuk tempoh lebih kurang lima tahun, iaitu mulai dari hari Belanjawan sehingga tahun 1993. Walau bagaimanapun ada Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya tempoh ini ditambah kepada 10 tahun. Lanjutan ini tidak dapat dipertimbangkan kerana akan menjejaskan keupayaan di dalam negara.

Mengenai perubahan-perubahan galakan cukai yang telah diumumkan pada hari Belanjawan baru-baru ini, sukalah saya jelaskan bahawa tidak ada apa-apa perubahan dibuat ke atas elaun 5% di bawah Akta Penggalakan Pelaburan yang diberikan berasaskan nilai eksport FOB kepada syarikat perdagangan dan pertanian. Elaun ini akan terus diberikan, pindaan-pindaan yang dicadangkan berhubung dengan perkara ini adalah seperti berikut:

- (i) Bagi syarikat-syarikat yang memohon taraf perintis selepas hari Belanjawan, elaun modal hendaklah digunakan dalam tempoh masa taraf perintis. Sebarang elaun modal yang tidak digunakan, tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan.
- (ii) Bagi syarikat-syarikat yang membuat permohonan taraf perintis selepas hari Belanjawan, kerugian yang dialami dalam tempoh masa taraf perintis, tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh taraf perintis;
- (iii) Tempoh elaun susutan dipercepatkan yang akan tamat pada akhir tahun 1988, tidak akan dilanjutkan.

Mengenai cukai jualan, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Belanjawan ini skop cukai ini telah diperluaskan lagi dengan mengenakan cukai pada kadar 5% ke atas beberapa jenis barang makanan dan barang-barang binaan. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan rasa bimbang mengenai kesan cukai ini ke atas kos sara hidup dan harga rumah kos rendah.

Mengenai kesan cukai jualan ke atas barang-barang makanan, walaupun harga barang-barang terlibat mungkin naik sedikit, barang-barang ini bukanlah barang-barang penting, barang-barang ini adalah dimakan oleh golongan yang berada dan yang berkemampuan untuk berbelanja lebih. Barang-barang makanan biasa seperti beras, tepung gandum, gula, garam, sayur-sayuran, ayam, ikan, ikan bilis, sardine adalah terus dikecualikan dari cukai jualan. Oleh itu pengenaan cukai jualan ke atas beberapa jenis barang tidak harus menaikkan kos hidup golongan berpendapatan rendah dan rakyat pada keseluruhannya. Oleh kerana perkara ini telah menimbulkan banyak persoalan, butir-butir terperinci mengenai barang yang dikecualikan dari cukai jualan ini akan diumumkan oleh Jabatan Kastam dalam sedikit masa lagi.

Mengenai kesan cukai jualan ke atas harga rumah kos rendah, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa bahan-bahan binaan penting yang digunakan di dalam pembinaan rumah kos rendah dan juga lain-lain pembinaan, seperti simen, besi, besi keluli, kayu, batu bata, paip asbestos, tiub dan sambungan-sambungannya, masih dikecualikan dari cukai jualan. Lagipun, bahan-bahan ini hanya merupakan kira-kira 30% dari kos sebuah rumah kerana kebanyakannya adalah terdiri dari kos infrastruktur dan tanah. Oleh itu saya tidak nampak sebab mengapa harga rumah kos

rendah harus meningkat. Tetapi mungkin ada pihak yang akan mengambil kesempatan. Jika ini berlaku, pe beli rumah hendaklah menentarm

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1988 ini adalah merupakan lanjutan dari usaha-usaha penyelarasan yang telah dimulakan oleh Kerajaan dalam tahun 1986 untuk memperkukuhkan pemulihan ekonomi negara. Usaha ini akan diteruskan oleh Kerajaan dan Belanjawan 1989 ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan ekonomi negara. Kerajaan akan sentiasa meneliti perkembangan ekonomi dan membuat penyesuaian kepada dasar dan pelaksanaan jika difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan

Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Usul yang telah pun diluluskan tadi, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.42 malam.